



DILEMA PEMUDA MELAYU KEMELUT





**DILEMA
PEMUDA
MELAYU
KEMELUT**

Hakcipta: © Kamal Amir

Kesemua bahan yang terkandung dalam buku ini tidak boleh dipindahkan dalam apa bentuk sekalipun sama ada melalui media elektronik ataupun media cetak tanpa kebenaran bertulis dari penulis.

Diterbitkan oleh	: WIRA SAKTI SDN. BHD.
Dicetak oleh	: MUTU CETAK SDN. BHD. Kepong, Selangor.
Harga	: \$6.50
Cetakan Pertama	: November 1987.

461139

14 JUN 1988
Perpustakaan Negara
Malaysia

**UNTUK GENERASI MELAYU
YANG SEDANG MEMIMPIN
DAN DIPIMPIN HARI INI
SERTA HARI-HARI ESOK**

Ingatlah pepatah pujangga: 

*DALAM SESEBUAH PERJUANGAN
KITA HARUS MENGAMBIL IKHTIBAR
BETAPA
PENJARA ITU HANYALAH
SEKADAR RUMAH REHAT
DAN
TALI GANTUNG
SEKADAR BUAIAN*

CATATAN PENULIS

MELAHIRKAN sebuah buku seperti ini bukanlah merupakan satu kejayaan dalam hidup saya tetapi ia lebih tertumpu kepada aspek perjuangan di medan penulisan dalam usaha untuk membentuk satu generasi merdeka yang peka kepada permasalahan, konflik dan cabaran zaman.

Umat Melayu hari ini telah benar-benar dicabar dan kemelut politik Melayu jika tidak diawasi serta diberi perhatian oleh generasi selepas Merdeka mungkin mengalami zaman-zaman gelapnya.

Saya tidak gentar dengan sebarang bentuk penjahatan kerana ini tidak mungkin dapat dilakukan kerana keutuhan bumi Melayu telah membuktikan bahawa anak Watannya merupakan pejuang bangsa yang gigih.

Namun begitu yang paling saya khuatirkan adalah terjajahnya fikiran generasi Melayu akan datang melalui pelbagai ideologi serta arus pemikiran sesat

yang membolehkan tumbangnya sebuah ketuanan Melayu.

Untuk itulah, atas kesedaran yang semakin membara di hati kecil ini maka buku KEMELUT ini saya lahirkan atas dasar mahu memperlihatkan kejayaan di bidang karier sebagai seorang penulis tetapi natijahnya yang saya harapkan adalah lahir generasi yang amat akur dengan kaedah politik sepanjang zaman.

Semoga dengan kelahiran buku ini juga di saat ahli pergerakan Pemuda UMNO berada dalam kemelut untuk memilih siapakah bakal pemimpin mereka, serta di saat pemuda yang dikatakan kehilangan taring dapat merenung semula aspek perjuangan bangsanya di zaman silam dan hari ini.

Dengan harapan itu jugalah saya sentiasa berdoa agar Allah sentiasa memelihara umat Melayu di Bumi Melayu ini.

DARI HATI PENERBIT

KEHADIRAN tahun 1988 merupakan sekali lagi tahun ujian bagi Pergerakan Pemuda UMNO sebagai salah sayap kepada parti terpenting di negara ini kerana pada tahun 1988 inilah kewibawaannya sekali lagi teruji dalam memastikan kesinambungan pucuk pimpinannya.

Semua orang telah sedia maklum sejak bulan April 1987 Pergerakan Pemuda UMNO telah ketiadaan ketuanya, kalau adapun ia hanya sekadar dipangku oleh Datuk Najib Tun Razak sahaja.

Dalam erti kata yang lain selama hampir satu tahun itu jugalah maka jawatan Ketua Pemuda tidak ubah bagaikan sebidang tanah yang hanya direzabkan sebagai tanah Tol.

Kami kira tentulah semua orang akan bersetuju betapa tanah yang bertaraf TOL itu tentulah tidak boleh ditanam sebarang tanaman atau mahu didirikan sebarang bangunan tertentu tanpa terlebih dahulu dirujuk kepada pihak tertentu.

Begitu jugalah dengan diri Datuk Najib yang hanya diberi kesempatan sebagai ketua hanya melalui cara otomatik kerana jawatan Ketua Pemuda itu kosong sewaktu tiada sebarang pemilihan dilakukan dan di waktu yang sama beliau hanya menjawat jawatan Naib Ketua sahaja.

Dalam erti kata yang lain tentulah menjelang tahun 1988 ini beliau suka atau tidak suka terpaksa merelakan dirinya untuk bertanding dalam pemilihan Pergerakan Pemuda UMNO. Dan satu faktor terpenting sekali perlu juga kita sedari bahawa sejarah Pergerakan Pemuda UMNO sejak ia diwujudkan memperlihatkan bahawa jawatan Ketua Pemuda adalah jawatan yang sentiasa dicabar atau dalam erti kata yang lain setiap kali pemilihan untuk jawatan Ketua Pemuda diadakan pasti-

lah berlaku pertandingan dan ada pula orang yang akan menentang antara satu sama lain.

Melihat dari perkembangan inilah maka sebagai penerbit kami kira adalah bertepatan sekali buku ini dilahirkan kerana paling tidakpun ia diharapkan dapat memberi sedikit gambaran kepada ahli Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia keadaan sebenarnya dan apakah cabaran yang sedang dihadapi oleh pergerakan itu sendiri.

Sebagai penerbit kami tentunya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada saudara Kamal Amir kerana sudi untuk membuahkannya lagi hasil karyanya dalam bentuk bahan bacaan bagi tatapan umum.

Kalau mungkinpun karya saudara Kamal Amir tidak sehebat karya penulis atau pengkritik politik yang begitu polemik namun kami yakin ada sesuatu mesej yang begitu penting ingin disampaikan olehnya melalui penghasilan buku ini.

Semoga dengan kehadiran buku ini maka sedikit sebanyak ia dapat dijadikan seperti "setitik embun di tengah ketandusan padang pasir, sebuah pulau di tengah lautan tak bertepi atau sebatang tongkat bagi sibuta yang malang."

Selamat membaca dan selamat berjuang kepada para bakal syuhadah umat Melayu di dalam parti Melayu UMNO.

**Salam penuh keikhlasan dari kami di
Wira Sakti Sdn. Bhd.**

PERISTIWA 23 APRIL

DALAM perjalanannya mencipta serta mengukir catatan sejarah parti UMNO telahpun melalui zaman paling kritikal bila untuk kali keduanya jawatan Presiden parti UMNO ditandingi sejak ia ditubuhkan sekitar tahun 1946.

Untuk pertama kalinya jawatan tersebut ditandingi bila Sulaiman Pelastin yang merupakan calon proxy kepada Datuk Harun Idris (ketika itu merengkok di dalam penjara) menentang Tun Hussein Onn.

Meskipun Sulaiman Pelastin mengalami kekalahan namun yang pasti ketika itu parti UMNO tidak menghadapi zaman paling kritikal seperti apa yang dialaminya pada tanggal 24 April kerana ia amat berbeza sama sekali.

Kehadiran Sulaiman Pelastin menentang Datuk Hussein Onn hanya sekadar membayangkan rasa tidak puas hati sekumpulan ahli UMNO terhadap pucuk pimpinan ketika itu dalam isu penangkapan dan terseretnya Datuk Harun Idris bekas Ketua Pergerakan Pemuda UMNO ke dalam Penjara Pudu.

Sebaliknya apa yang dihadapi oleh ahli UMNO pada 24 April 1987 lebih merupakan tercetusnya apa yang dipanggil sebagai satu gerakan untuk mencari kuasa dan pengaruh empat pemimpin yang sedang dalam proses meletakkan diri mereka sebagai pemimpin nombor wahid bagi parti UMNO. Keempat-empat mereka terdiri dari Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Encik Ghafar Baba, Datuk Musa Hitam dan Tengku Razaleigh Hamzah.

Di samping itu keempat-empat pemimpin tersebut telahpun bersedia untuk melaksanakan proses demokrasi dalam parti UMNO secara berpasukan yang akhirnya membawa kepada kumpulan A dan kumpulan B di mana Datuk Seri Dr. Mahathir mengambil Encik Ghafar Baba sebagai regunya sementara Tengku Razaleigh Hamzah pula bersama dengan Datuk Musa Hitam.

Akibat daripada itulah maka timbul dua bentuk kumpulan dalam parti UMNO yang terus terbawa-bawa dari demam pemilihan 1987 hinggalah ke hari ini di mana ada pihak mengaku dirinya dari Team A dan ada pula dengan lantang menyatakan bahawa mereka adalah ahli Team B.

Kesan dari pemilihan tersebutlah untuk pertama kalinya dalam sejarah parti UMNO terpaksa meletakkan keputusan pemilihan di tangan mahkamah dan itulah antara era baru yang dicapai oleh parti UMNO setelah ia mengalami zaman pahit manis dan zaman-zaman mesranya.

Di peringkat Pergerakan Pemuda pula yang lebih merupakan sayap kanan UMNO, pergerakan tersebut ternyata lebih berminat untuk melihat aspek kehadiran dan kejutuan ahli-ahli Pergerakan Pemuda itu sendiri.

Namun begitu, untuk pertama kalinya dalam sejarah UMNO, pemimpin utamanya telah mengambil keputusan meletakkan jawatan sebagai Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia bagi membolehkannya bertanding jawatan Naib Presiden parti UMNO.

Sebelum ini memang terdapat mereka-mereka yang bertanding bagi merebut jawatan Naib Presiden UMNO sewaktu mereka memegang jawatan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO dan ini termasuklah Allahyarham Tun Sardon Jubir dan Datuk Harun sendiri.

Bagaimanapun kedua-dua tokoh Pergerakan Pemuda tersebut akhirnya mengalami kegagalan untuk merebut jawatan Naib Presiden UMNO, sebaliknya bagi Saudara Anwar Ibrahim pula, pihaknya terpaksa memperjudikan untung nasibnya dalam karier politik UMNO bila dengan tegas dan lantang menyatakan secara terbuka bahawa beliau terpaksa meletakkan jawatan sebagai Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia.

Kenyataan yang dibuat oleh pemimpin paling disanjung oleh ahli Pergerakan Pemuda UMNO itu merupakan satu catatan sejarah dan pada tanggal 23 April 1987 itu jugalah Datuk Najib Tun Razak dengan rasminya telah diberikan kepercayaan sebagai Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia.

Masih saya ingat lagi suasana muram yang menyelubungi seluruh perwakilan dari 144 bahagian Pergerakan Pemuda UMNO sewaktu Saudara Anwar Ibrahim menyatakan pendiriannya untuk meletakkan jawatan sebagai Ketua Pergerakan Pemuda UMNO. Malahan Saudara Nazri Tan Sri Aziz yang menjadi salah seorang Exco pergerakan tersebut terpaksa tunduk menahan sebak di dada, dan dari jauh lagi ter-

lihat linangan air matanya menandakan kesedihan yang teramat sangat kerana terpaksa berpisah dengan Saudara Anwar Ibrahim.

Sementara itu Ketua Pergerakan Pemuda Bahagian Seputeh Saudara Tengku Adnan Tengku Mansor, berkali-kali melahirkan kata-kata dalam sendu yang tertahan-tahan, "Teramat sedih rasanya suasana perhimpunan Pemuda hari ini. Malahan terasa sayu pula saya bila melihat kemuraman yang terpancar di wajah ahli-ahli perwakilan Pemuda. Amat sedih....," katanya berulang kali.

Sebaik sahaja selepas Saudara Anwar mengakhiri ucapannya untuk kali terakhir kepada perwakilan Pergerakan Pemuda, Datuk Najib segera menerpa ke arahnya lantas kedua pemimpin tersebut berpelukan memperlihatkan betapa eratnya hubungan kedua pucuk pimpinan umat Melayu peringkat Pemuda.

Sesungguhnya, tanggal 23 April 1987 adalah merupakan sejarah yang tidak mungkin dapat dilupakan oleh seluruh ahli Pergerakan Pemuda UMNO kerana di samping situasi politik parti UMNO begitu kritikal, pergerakan tersebut pula terpaksa merelakan wira-nya untuk berjuang di gelanggang politik yang lebih mencabar lagi.

Sementara itu Datuk Najib dengan penuh bersemangat menyatakan secara terbuka sokongannya yang padu dan bulat ke atas Saudara Anwar Ibrahim untuk meneruskan karier politiknya di dalam parti UMNO.

Dan bertolak dari tarikh keramat 23 April 1987 itu jugalah maka Pergerakan Pemuda UMNO mulai me-

lalui satu lagi era baru bersama-sama dengan kepimpinan Datuk Najib yang lebih merupakan kesinambungan pimpinan UMNO dari bapanya Allahyarham Tun Haji Abdul Razak Hussein yang turut pernah menyandang jawatan Ketua Pergerakan Pemuda selepas Tun Hussein Onn meletakkan jawatannya.

Pada peringkat awalnya begitu ramai para pemimpin peringkat bahagian Pergerakan Pemuda UMNO yang merasakan bahawa dengan ketiadaan Saudara Anwar Ibrahim nanti maka Pergerakan Pemuda bakal mengalami hari-hari yang sunyi dan sepi dari kelantangan Saudara Anwar membawakan pelbagai isu demi kepentingan umat Melayu di bumi Melayu.

Bukan sekadar itu sahaja, malahan ada pula yang lebih berani membuat ramalan kononnya taring Pemuda akan ketandusan, suara Pemuda juga tentulah tidak selantang di era Saudara Anwar Ibrahim.

Sewaktu perkara ini diajukan kepada Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Seputeh Saudara Tengku Adnan Tengku Mansor, beliau menekankan berkali-kali bahawa Datuk Najib juga mempunyai karisma kepimpinannya.

"Kita tidak boleh melihat pemimpin itu sebagai mentafsir nilai buku melalui kulitnya. Saya yakin Datuk Najib mampu melaksanakan tugasnya asalkan ahli-ahli Pergerakan Pemuda memberi mandat serta kepercayaan yang total.

"Kejayaan seseorang pemimpin bukan terletak pada dirinya semata-mata, sebaliknya pemimpin itu lahir dari kehendak ahli yang diwakilinya, kehebatan seseorang pemimpin juga lebih banyak bergantung kepada sokongan dan kepercayaan ahli-ahlinya,"

ujar Tengku Adnan bila diajukan persoalan tersebut.

Sementara itu Ketua Pergerakan Pemuda Lembah Pantai, Dr. Samarudin Rejab pula menyatakan bahawa pihaknya amat yakin bahawa Datuk Najib juga memiliki kualiti yang tersendiri sebagai pemimpin. "Saya kira Datuk Najib juga mempunyai stail dan caranya, pokoknya kita harus memberi beliau peluang untuk memperlihatkan kemampuannya."

Saudara Zahid dari Pergerakan Pemuda UMNO Bagan Datoh Perak, sewaktu itu belum menjawat jawatan sebagai Setiausaha Politik Datuk Najib turut menyatakan keyakinannya betapa kepimpinan Datuk Najib dapat meneruskan aspirasi dan impian ahli-ahli Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia.

Bagaimanapun beliau menyatakan secara lebih tegas lagi, Datuk Najib memerlukan sokongan yang padu dari ahli-ahli Pemuda dan lebih penting lagi barisan ahli Exco yang ada di waktu itu, mereka inilah yang bakal menentukan kejayaan pimpinan Datuk Najib kerana di tangan mereka jugalah terletaklah pelbagai pelaksanaan dari aspek dasar perjuangan Pemuda itu sendiri.

Bukan sekadar nama-nama yang disebutkan tadi sahaja memberikan pandangan dan buah fikiran mereka terhadap peristiwa 23 April itu, sebaliknya ramai ketua-ketua Pergerakan Pemuda peringkat bahagian turut menyuarakan pandangan mereka namun begitu ya... pasti masing-masing menyatakan keyakinan dan kemampuan Datuk Najib sebagai pemimpin untuk Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia.

Lantaran itu, tanah "TOL" yang dimiliki oleh Datuk Najib, pada umumnya mulai diiktiraf sebagai tanah

sementara yang menanti waktu untuk diberi perakuan sebagai pemilik yang mutlak sahaja.

Satu ketika dahulu, sebelum tarikh keramat 23 April itu menjelma, beberapa nada-nada sumbang mulai menyelubungi Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia. Cakap-cakap dan khabar angin bertiup begitu kencang mengatakan bahawa Saudara Anwar Ibrahim diramalkan bakal meletakkan jawatannya sebagai Ketua Pergerakan Pemuda.

Malahan beberapa buah akhbar tempatan juga turut membuat berita spekulasi tentang kemungkinan Saudara Anwar Ibrahim meletakkan jawatannya. Ahli-ahli Pemuda mulai memperkatakan itu dan ini.

Ada pihak meramalkan bahawa Pergerakan Pemuda mungkin terpaksa mengadakan perhimpunan serta proses pemilihannya dalam tahun 1987. Ada pula pihak yang meramalkan bahawa Datuk Najib mungkin tidak dilantik sebagai pemangku sementara itu ada pihak yang membuat ramalan kononnya Datuk Najib tidak berkemampuan untuk memimpin Pergerakan pemuda UMNO Malaysia.

Soal-soal yang ada hubung kaitnya dengan isu pertandingan Tengku Razaleigh Hamzah dan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad turut dikaitkan dengan pelbagai dakwaan kononnya Datuk Najib tidak sebulu dengan pimpinan Perdana Menteri.

Bukan satu atau dua ramalan yang melewati ruang fikiran ahli Pergerakan Pemuda UMNO malah ia bermacam menimbulkan pelbagai delima yang tidak akan berakhir di kalangan ahli-ahli Pergerakan Pemuda. Masing-masing tertanya-tanya apakah akan terjadi ke atas pimpinan Pergerakan Pemuda UMNO

Malaysia.

Dengan tenang dan penuh semangat kelakian Datuk Najib mulai mengorak langkah bagi memimpin Pergerakan Pemuda selepas peristiwa 23 April 1987. Untuk langkah pertama Datuk Najib terpaksa berhadapan dengan perwakilan dan barisan ahli Exco yang seringkali menimbulkan pelbagai isu serta berita spekulasi.

Datuk Najib juga berusaha untuk memperbaiki setiap kelemahan yang ada pada dirinya setelah diberi kepercayaan tersebut. Bertolak dari tanggal 23 April itu jugalah Datuk Najib sudah tidak punya waktu untuk menoleh ke belakang lagi.

Biarpun ketika itu Datuk Najib tidak begitu bersedia untuk memulakan tugas awalnya, namun dengan hati dan semangat seorang pejuang beliau mengorak langkah awalnya.

Sesuatu yang perlu diingati oleh seluruh ahli Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, dalam kesedaran yang maha insaf, Datuk Najib memulakan langkahnya tidak serancak Saudara Anwar Ibrahim kerana jawatan Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda diterima oleh Datuk Najib lebih merupakan satu insiden yang tidak dirancang.

Di samping itu Datuk Najib juga amat menyedari bahawa jawatan tersebut bukanlah satu pemberian dari seluruh ahli Pergerakan Pemuda secara total kerana sebelum ini ahli-ahli Pemuda hanya memberikan mandat mereka kepada Saudara Anwar Ibrahim sebagai pemimpin dan pemegang teraju paling utama sedangkan Datuk Najib hanya bertindak sebagai "the second man behind Anwar Ibrahim".

Bertolak atas kesedaran itu jugalah, Datuk Najib pernah menyatakan bahawa ada kalanya beliau sendiri berasa agak janggal untuk mengorak langkah dengan lebih laju lagi kerana suka tidak suka bayang-bayang Saudara Anwar Ibrahim masih wujud dalam Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia dan di satu pihak Datuk Najib sendiri perlu menghormati Saudara Anwar Ibrahim kerana beliau telahpun menjadi Naib Presiden UMNO Malaysia.

Dalam erti kata yang lain, dengan menyandang jawatan Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia itu, Datuk Najib terpaksa pula menghadapi serangan demi serangan dalam pertikaian pelbagai isu yang dianjurkan oleh kumpulan yang bukan dari kalangan ahli UMNO.

Para pemimpin parti MCA, MIC dan DAP serta PAS menyedari bahawa kerana menyedari jawatan Ketua Pergerakan Pemuda hanya dipangku oleh Datuk Najib maka mereka beranggapan itulah waktunya untuk mereka memulakan siri mencari pengaruh dan menangguk di air yang keruh.

Mereka sedar bahawa Datuk Najib ketika itu tidak mampu untuk bertindak sembrono atau dalam bahasa yang lebih jelas lagi, Datuk Najib tidak diberi mandat untuk mewarnakan Pergerakan Pemuda dengan sewenang-wenangnya kerana beliau hanyalah sebagai pemangku.

Perkara ini akan saya perelaskan lagi dalam bab 'Delima Pemuda UMNO Malaysia' kerana banyak perkara yang tersirat dan tersurat tidak dapat diperhatikan oleh ahli-ahli Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia.

Biarpun begitu, yang pasti, suka atau tidak suka, tanggal 23 April telah mendedahkan kepada Datuk Najib tentang pelbagai pengertian dalam sebuah perjuangan.

Bukan itu sahaja, sebaliknya 23 April 1987 juga semacam mahu mengukur sejauh mana kualiti yang dimiliki oleh Datuk Najib sebagai pemimpin, apakah beliau seorang yang tamak kuasa, seorang pentadbir yang tidak punya prinsip, atau mungkin seorang pemimpin yang tidak rasional di mana pantang dapat kuasa terus sahaja mahu bertindak.

Di sinilah sesungguhnya telah teruji betapa Datuk Najib amat akur dengan kesedaran pada dirinya sendiri di mana beliau amat insaf bahawa jasa yang ada di tangannya bukanlah merupakan kuasa vito yang total, beliau juga dapat membezakan cara bertindak sebagai Pemangku Ketua dan sebagai ketua yang diberi mandat sepenuhnya.

Kerana itulah tanggal 23 April juga lebih merupakan sejarah bermulanya satu era kelahiran pemimpin Melayu yang tahu melangankan tarian mengikut rentak irama muzik malahan lebih mudah jika kita katakan seorang pendekar yang tahu langkah sumbang atau langkah maut.



Saudara Anwar Ibrahim pemimpin yang punya karisma dan kemampuan membawa Pemuda menentang arus cabaran.

DILEMA DATUK NAJIB

BANYAK orang berkata Datuk Najib Tun Razak adalah insan bertuah yang dilahirkan dalam keadaan amat bahagia sekali malahan dirinya sering di kelilingi oleh keberuntungan nasib di sebelahnyanya setiap kali berhadapan dengan masalah.

Kata orang-orang di desa dalam perumpamaan paling mudah "sejuk perut ibu yang mengandungkannya" kerana setiap waktu nasib sering mendampingi dirinya untuk terus berada dalam situasi beruntung dan bertuah.

Dirinya dilahirkan tidak seperti Allahyarham bapanya yang terdidik dengan kesengsaraan, sebaliknya beliau dilahirkan benar-benar menggambarkan kelahiran anak-anak merdeka.

Lebih beruntung lagi bila beliau berpeluang untuk hidup dalam sebuah keluarga yang begitu dihormati, sebuah keluarga paling dikagumi oleh seluruh rakyat. Meskipun tidak terlalu lama namun satu ketika beliau adalah anggota dalam sebuah keluarga bernama "The Prime Minister Family" atau lebih tepat lagi sebagai anggota keluarga Perdana Menteri Malaysia.

Cuma walaupun ada kekurangannya hanyalah kesempatan untuk lebih lama mengaut petua dan ilmu dari ayahnya kerana Allah lebih menyayangi Allahyarham lantas memanggilnya untuk pulang lebih awal dari jangkaan kita.

Selepas tragedi hitam dalam keluarganya, Datuk Najib telah diberikan kepercayaan untuk mencuba melalui liku-liku kehidupan di arena politik dengan harapan beliau dapat melakukan apa yang kita katakan sebagai "KESINAMBUNGAN POLITIK ALLAH-YARHAM TUN HJ. ABDUL RAZAK" yang begitu dicintai oleh seluruh lapisan rakyat.

Dalam waktu yang sama dirinya berpeluang untuk menjawat jawatan sebagai Timbalan Menteri di beberapa buah Kementerian di dalam usia yang begitu hijau sebagai seorang lelaki. Dan untuk tempoh beberapa ketika akhirnya beliau berpeluang pula menjadi Menteri Besar Pahang sebagai teraju nombor wahid di negeri yang dikenali sebagai DARUL MAKMUR.

Di arena politik Pergerakan Pemuda pula nasib masih terus menyebelahnya bila beliau berjaya mengekalkan jawatannya sebagai Naib Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia bagi tempoh tiga penggal berturut-turut iaitu satu penggal di bawah pimpinan Datuk Hj. Suhaimi Kamaruddin dan dua penggal di bawah pimpinan saudara Anwar Ibrahim dan akhirnya sekali lagi beruntung memperolehi jawatan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia secara percuma dari saudara Anwar Ibrahim bila beliau terpaksa melepaskannya untuk bertanding bagi jawatan Naib Presiden UMNO Malaysia.

Inilah antara gambaran keberuntungan yang menyebelahi diri Datuk Najib Tun Hj. Abdul Razak, anak

sulung bekas Perdana Menteri Malaysia yang begitu disayangi dan disanjung oleh seluruh lapisan rakyat. Inilah antara kenikmatan yang pernah dikecapi oleh anak kepada Bapa Pembangunan bumi Malaysia tercinta. Namun begitu masih ramai yang tidak menjangka dan menyedari betapa melihat sebiji limau tanpa merasanya tentulah tidak mungkin dapat dirasai apakah ia sebiji limau yang manis ataupun sebaliknya. Dan itulah sebenarnya diri Datuk Najib Tun Razak.

Sebagai seorang insan yang dilahirkan dalam sebuah keluarga paling ternama memang tidak siapa dapat menafikan tetapi dari pengakuannya lewat awal tahun 1987 lalu sewaktu saya berkesempatan bersarapan pagi di pejabatnya sekitar jam 7.30 pagi dengan memperlihatkan beberapa keping gambarnya saya dapat merasakan kepahitan hidup yang turut dialami olehnya.

Datuk Najib ketika itu dari segi fizikalnya memanglah anak kepada seorang ternama, namun realitinya dirinya tidak dihidangkan dengan kenikmatan semata-mata malahan sejak dari kecil lagi dirinya dididik dengan keadaan yang amat memerlukan rasa tabah dan sabar.

"Sewaktu saya menuntut di London, saya tidak diberikan kemewahan wang ringgit. Yang ada hanya sekadar cukup untuk membolehkan saya terus hidup sebagai seorang pelajar. Tidak seperti anak orang lain yang saya lihat begitu mewah sekali. Dan satu ketika dahulu saya terpaksa mengumpul wang belanja saya setiap hari untuk membolehkan saya membeli sebuah kereta yang terpakai dengan harga begitu murah sekali."

"Kerana kepingin untuk merasai bagaimana perasaan memiliki kereta sendiri dan membawanya saya seringkali menghadapi masalah kekurangan belanja sara hidup kerana terus terang saya katakan bahawa ayah saya tidak memberi kebebasan untuk saya kerana saya faham beliau khuatir saya akan hanyut dengan kesenangan dan melupakan tanggungjawab sebagai seorang pelajar.

"Saya sendiri telah memeranjatkan Allahyarham kerana Allahyarham tidak sedar bahawa saya membeli sebuah kereta, lebih lucu lagi saya berkongsi dengan seorang rakan. Inilah realiti kehidupan saya," ujar Datuk Najib.

Begitu jugalah dengan penglibatannya dalam kancah pergolakan politik setiap hari. Sejak awal-awal lagi kehadirannya di bidang politik telah mencetuskan rasa kurang senang di kalangan beberapa pihak, kerana itulah telah timbul pelbagai persoalan tentang dirinya.

Ada pihak yang merasakan bahawa kehadiran Datuk Najib dikancah politik negara paling tidak akan menggugat kestabilan pihak-pihak yang sedang berangan-angan untuk menapak lebih ke hadapan. Kalau seorang ketua bahagian di Pahang paling tidak mereka merasakan bahawa Datuk Najib adalah penghalang cita-cita mereka untuk menjadi wakil rakyat dan begitulah seterusnya.

Wujud pula pihak lain yang merasakan bahawa kehadiran Datuk Najib dalam politik tanahair paling tidak akan meneruskan Dinasti Allahyarham Tun Razak dan kaum kerabatnya.

Sementara dari aspek yang lain telah wujud pelbagai petanda yang harus dihadapi oleh Datuk Najib dalam kancah permainan politik. Dan perlu diingat bahawa di saat itu dirinya masih terlalu hijau dalam permainan sepak terajang politik.

Cabaran-cabaran dalam politik ditempuhi olehnya satu demi satu. Ini adalah sebuah realiti. Ada pihak yang pura-pura memberikan sokongan sewaktu di hadapannya tetapi bila berada di belakang mereka inilah yang membelasah Datuk Najib habis-habisan. Sewaktu berhadapannya maka seribu puji dan sanjungan tetapi di belakang seribu maki hamun dan caci nista.

Tidak kurang pula yang oportunis, bagi mereka menyanjung atau menyokong Datuk Najib adalah kerana mengharapkan sesuatu. Keadaan inilah lebih teruk lagi sewaktu beliau menjadi teraju di negeri Pahang Darul Makmur. Ada pihak yang cuba mendekati diri Datuk Najib dengan harapan untuk menjadi wakil rakyat. Tetapi setelah tidak mempunyai peluang maka cara paling mudah adalah dengan membelasahnya melalui pelbagai taburan fitnah dan sebagainya.

Mungkin ada pihak yang berasa tersinggung bila mengetahui dan membaca persoalan ini kerana selama ini merekalah yang selalunya menaburkan pelbagai surat layang dengan menuduh itu dan ini ke atas batang tubuh Datuk Najib.

Saya tidak bercadang untuk menjadi pengampu tetapi kerana merasakan bahawa adalah menjadi tanggungjawab saya menyatakan sesuatu itu secara benar maka perkara ini suka tidak suka harus diutarakan sebelum saya menyerlah lebih jauh lagi ke dalam

kancah pergolakan politik dan dilema yang dihadapi oleh Datuk Najib sebagai Pemangku Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia.

Setiap persoalan yang saya timbulkan ini adalah sebagai sebuah latar untuk kita mengenali diri dan peribadi manusia bernama NAJIB yang dilahirkan dengan penuh pengharapan oleh Allahyarham Tun Razak untuk menjadi Abdul Najib di benua Arab yang terkenal sebagai seorang wira dalam menentang kemungkaran politik.

Berbalik kepada persoalan Datuk Najib dalam Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia perlu kita lihat dalam satu bentuk prespektif yang begitu luas dan terbuka tanpa ada sebarang perselindungan atau sikap pura-pura mahupun menafikan yang unggul dan mengiakan yang tidak benar.

Ramai pihak menyatakan secara terbuka betapa kononnya Datuk Najib sejak menjadi Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia tidak begitu nyaring untuk berkokok. Dirinya tidak mempunyai personaliti sebagai pemimpin Pergerakan Pemuda UMNO kerana tidak kuat untuk bersuara malahan suaranya tidak selantang yang diharapkan.

Datuk Najib dikatakan sebagai pemimpin yang menjunamkan identiti Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia sebagai pressure group. Malahan ada pihak menyatakan secara terbuka Datuk Najib tidak layak sebagai ketua atau pemimpin nombor wahid Pergerakan Pemuda UMNO kerana semangat yang ada dalam dirinya tidak sekental pemimpin yang terdahulu darinya.

Lebih teruk lagi ada pula pihak yang menyatakan

bahawa sejak Datuk Najib menjadi pemimpin Pergerakan Pemuda UMNO maka pihak parti komponen bersikap lebih berani lagi mencabar parti UMNO. Malahan kaum bukan Melayu juga menjadi semakin lantang sejak Datuk Najib jadi Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia.

Dengan nada yang lebih lantang dari suara Datuk Najib, dirinya dikatakan sebagai punca kepada kemerosotan imej Pergerakan Pemuda UMNO sehingga ada pihak lain yang lebih berani mencabar kewibawaan Pergerakan Pemuda yang selama ini begitu disegani oleh semua pihak.

Pergerakan Pemuda UMNO jadi kacau bilau, Pergerakan Pemuda UMNO hilang taring, tidak lagi bersikap sebagai anak jantan, suara pemuda tidak lebih sebagai suara seorang tukang karut dalam lagenda Dikir Barat, Pemuda UMNO hanya lebih melalak dari bertindak, Pemuda UMNO lebih banyak buat demonstrasi dari mengatur strategi, Pemuda UMNO tidak lagi dihormati oleh pucuk pimpinan parti.

Pemuda UMNO yang tidak lagi segagah harimau di hutan, Pemuda UMNO ketandusan suara nyaring, Pemuda UMNO tiada itu dan itu, semuanya kini teramat buruk yang dihalakan kepada Pergerakan Pemuda UMNO. Dan semua ini dikatakan adalah berpunca dari diri Datuk Najib Tun Razak.

Kerana sejak Datuk Najib jadi Pemangku Ketua Pemuda maka semua ini tercetus. Datuk Najib tidak seperti Saudara Anwar Ibrahim yang mampu bertindak dan memastikan bahawa imej serta kedudukan Pemuda UMNO sentiasa dihormati. Suara Pergerakan Pemuda adalah antara suara yang paling disegani oleh pucuk pimpinan parti.

Pendekata tidak ada satu perkarapun yang dilakukan oleh Datuk Najib boleh dijadikan sebagai kesempatan untuk memberi biar sedikitpun pujian kepadanya.

Saya kira ini amatlah tidak adil kerana memang manusia dilahirkan tidak mungkin dalam keadaan serba serbi baik. Atau dalam pepatah Inggeris ada mengatakan "no one is born to be perfect".

Sebetulnya kita perlu melihat bagaimana sebetulnya Pergerakan Pemuda UMNO telah menjadi medan pertempuran proksi sejak di tahun 1986 lagi ketika itu antara proksi Datuk Musa melalui calonnya Syed Hamid dan calon yang mendapat restu dari Dr. Mahathir iaitu Saudara Anwar Ibrahim.

Pertempuran yang walaupun tidak sehebat pada 24 April 1987 antara Team A dan Team B dalam parti UMNO tetapi ia meninggalkan bisa yang amat mendalam. Malahan pertandingan proksi inilah menjadikan Pergerakan Pemuda UMNO telah diracuni untuk terus hidup segan mati tak mahu. Sesungguhnya suka atau tidak suka kita harus mengakui betapa pertandingan proksi inilah meletakkan Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia dalam keadaan hidup segan mati tak mahu.

Padah dari pertandingan proksi inilah menjadi Pergerakan Pemuda UMNO menjelang tahun 1987 begitu tidak bermaya sekali kelihatannya. Dalam erti kata yang lain Pergerakan Pemuda adalah padang pertempuran untuk debat 24 April 1987 yang menjadikan krisis parti UMNO begitu memuncak.

Memang tidak dinafikan bahawa dari tindak tanduk, Pergerakan Pemuda UMNO tidak kelihatan ber-

pecah belah seperti yang berlaku dalam Team A dan Team B sewaktu perebutan 24 April. Tetapi terus terang saya katakan bahawa Pergerakan Pemuda UMNO ketika itu telah terpecah dua.

Ada ahlinya yang menganggotai kumpulan A dan ada yang di Team B, cuma ia tidak bising atau diledakan melalui ucapan mahupun perakuan kerana semua ini telahpun dikenalpasti pada pertandingan proksi 1986 dahulu.

Ertinya, sejak tahun 1986 itulah Pergerakan Pemuda UMNO mulai diserang kuman-kuman atau bakteria untuk menjadikannya lumpuh atau cacat. Dan kini kuman atau bakteria tersebut benar-benar telah sukar untuk dihapuskan lagi, maka kerana itulah Pergerakan Pemuda UMNO kini menjadi sasaran yang begitu hebat dalam setiap perdebatan berhubung dengan percaturan politik tanahair.

Suka tidak suka kita harus mengakui bahawa barisan Exco yang ada hari ini dalam Pergerakan Pemuda UMNO adalah Exco yang turut berpecah dua akibat dari pertandingan proksi dan perebutan kuasa 24 April 1987. Dalam erti kata yang lain inilah bahana dan bahang yang harus dipikul oleh Pergerakan Pemuda UMNO sebagai sayap kanan parti tunjang kepada kerajaan Barisan Nasional.

Tambah meruncingkan keadaan lagi bila Saudara Anwar Ibrahim meletakkan jawatan menjelang 23 April kerana beliau mahu menawarkan dirinya sebagai Naib Presiden parti UMNO. Ekoran dari itu musuh-musuh politik Saudara Anwar Ibrahim mulailah memulangkan paku buah kerasnya betapa Pergerakan Pemuda UMNO telah dijadikan sebagai batu loncatan oleh Anwar Ibrahim.

Tempias kepada bahang tersebut telah terpaksa diterima oleh Datuk Najib kerana kita harus menyedari sikap umat Melayu yang tetap memegang pepatah "tak dapat tanduk telinga dipulas, tak dapat bapak anak yang jadi mangsa" dan ekor an daripada itulah bila tak dapat Abang Anwar maka adiknya Najiblah yang menjadi mangsa untuk dibelasah.

Sebetulnya perlu kita lihat betapa sebenarnya masalah yang dihadapi oleh Pergerakan Pemuda UMNO adalah sejak ia masih berada di tangan Saudara Anwar Ibrahim lagi. Di saat-saat akhir sebelum Saudara Anwar meletakkan jawatannya Pergerakan Pemuda UMNO telah ditampar melalui resolusi Pergerakan Pemuda MCA yang menimbulkan isu peribumi.

Persoalan tersebut tidak selesai atau tamat secara total sewaktu Datuk Najib mula memegang teraju kepimpinan Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia. Dan bertolak dari situ lepas satu datang satu secara bertalu-talu dugaan dan cabaran yang dihadapi oleh Pergerakan Pemuda UMNO di bawah Datuk Najib.

Perlu kita lihat bagaimana pihak parti bukan Melayu cuba menguji sejauh mana keutuhan umat Melayu kerana sebenarnya di saat itu pemuda Melayu hanya mempunyai ketua yang tidak diiktiraf secara total. Jawatan ketua yang dipegang oleh Datuk Najib ketika itu hanyalah jawatan TOL dan ia belum digazetkan secara total.

Bagi Datuk Najib pula, suka tidak suka harus menerima hakikat bahawa di saat dirinya mengambil alih teraju kepimpinan dari Saudara Anwar Ibrahim, bayang-bayang Saudara Anwar masih terlalu jelas dalam Pergerakan Pemuda.

Stail dan cara Saudara Anwar Ibrahim memimpin Pemuda telah sebatikan dalam penerimaan ahli Pergerakan Pemuda dan mereka bagaikan tidak rela untuk berpisah dengan Saudara Anwar Ibrahim. Bertolak dari situlah maka di mana-mana sahaja dalam Pergerakan Pemuda UMNO wujud bayang-bayang Saudara Anwar Ibrahim. Samada dari segi pakaian mahupun cara-cara bermesyuarah dan bertindak. Semua ini adalah kerana kemampuan Saudara Anwar Ibrahim menjadikan dirinya bukan sekadar mendapat sokongan dari ahli Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, sebaliknya beliau menjadi tokoh yang dipuja.

Oleh itu, adalah mustahil dalam jangka waktu yang sebegitu pendek Datuk Najib dapat mengalihkan perhatian ahli Pemuda supaya menyanjung dan memujanya sebagai pemimpin sepertimana yang dilakukan oleh Saudara Anwar Ibrahim.

Waktu Saudara Anwar Ibrahim mengambil alih Pergerakan Pemuda dari Datuk Haji Suhaimi juga harus dilihat sebagai sebuah realiti di mana ketika itu memang Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia dalam keadaan terumbang-ambing.

Saya masih ingat lagi di zaman Datuk Haji Suhaimilah wujudnya cubaan wakil dari Melaka dan Selangor mahu membawakan usul tidak percaya kepada pimpinan Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia ketika itu. Dan di saat begitulah Saudara Anwar Ibrahim hadir mengambil alih kepimpinan.

Jadinya, amat mudah bagi Saudara Anwar melakukan pelbagai tindakan dalam usaha mengubah suai, mana yang cacat perlu disembuhkan segera dan atas restu ilahi akhirnya imej Pergerakan Pemuda UMNO

yang mulai pudar dapat dikembalikan olehnya.

Ini berbeza dengan Datuk Najib kerana beliau mengambil alih pimpinan dari Saudara Anwar Ibrahim di saat Pergerakan Pemuda UMNO telah pulih dan sihat. Cuma yang berlaku adalah ahli-ahlinya berada dalam keadaan pening lalat.

Untuk menyembuhkan penyakit tentulah kita tahu mencari ubatnya tapi bagi memulihkan orang yang pening lalat tentulah tidak dapat dilakukan secara bergopoh-gapah.

Di samping itu kadangkala Datuk Najib ada juga berusaha untuk melakukan serba sedikit perubahan, namun beliau harus mengakui bahawa setiap perubahan itu perlu mengambil waktu untuk dilakukan kerana tubuh yang masih kental dan kukuh memerlukan ketelitian sebelum ia dilakukan ubah suai.

Dan lebih penting lagi, seperti yang telah saya katakan diawal-awal lagi jawatan yang dipegang oleh Datuk Najib hanyalah sebagai pemangku jadi kita tentulah tidak boleh atau sepatutnya mengharapkan hasilnya melebihi apa yang dilakukan oleh Ketua Pergerakan Pemuda UMNO yang diiktiraf secara sepe-nuhnya.

Lesen yang ada pada Datuk Najib masih lesen L jadi sudah tentulah beliau tidak boleh memandu secara laju-laju, dan untuk membawa bahtera Pemuda UMNO dalam keadaan seperti mereka yang memiliki lesen penuh tentulah amat berbeza sekali.

Saya tidak bercadang untuk memperkecilkan Datuk Najib tetapi ini adalah realiti, kalau sebagai seorang juruterbang, masakan Datuk Najib mampu

menjadi juruterbang secara terus-menerus sedangkan dirinya masih lagi dalam latihan, begitu juga kalau juru mudi, beliau hanyalah sekadar pengganti sementara, masakan beliau boleh mengubah haluan atau memberi arahan yang melebihi arahan ketua.

Sebagai manusia biasa Datuk Najib juga tentulah mempunyai pertimbangan bagaimana suka tidak suka kadangkala beliau harus bertanya itu dan ini meminta buah fikiran dari Saudara Anwar Ibrahim sebelum beliau bertindak. Sebagai pemangku tentulah beliau akan melaksanakan tugas-tugas yang belum selesai.

Untuk mengwujudkan target atau sasaran yang lain tentulah bukan masanya untuk Datuk Najib melakukan. Dalam erti kata yang lain, kehadiran Datuk Najib sebagai teraju Pemuda UMNO di tahun 1987 haruslah dilihat sebagai penerus kepada sebuah perjalanan yang telah bermula. Tapi apakah semua ahli Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia dapat memahami keadaan ini, apakah mereka sedar bagaimana di saat mereka mengwujudkan pelbagai tohmahan dan melemparkan pelbagai kata-kata sebetulnya pimpinan mereka itu sedang berada dalam keadaan yang penuh dengan dilema.

Dirinya berhadapan dengan pelbagai isu kontroversi yang ditimbulkan oleh pemimpin parti lain terutama MCA yang tidak henti-henti mencubit hati dan perasaan ahli-ahli Pemuda, dan di saat itu Datuk Najib bagaikan berada dalam keadaan ditelan mati emak diluah mati bapak.

Sekiranya beliau bertindak mengikut kata hatinya tentulah ini akan menggambarkan dirinya bersikap "BAGAI SIKUDUNG DAPAT CINCIN" atau "BAGAI

KADUK NAIK JUNJUNG" belum lagi sah jawatan Ketua Pemuda sudah nak tunjuk lagak kononnya dialah pimpinan Pemuda yang berani dan bersuara lantang.

Sebaliknya jika beliau tidak bertindak maka ahli-ahli Pergerakan Pemuda UMNO serta para pemerhati politik Pemuda UMNO akan mencebikkan mukanya sebagai ketua (kerana mereka terlupa bahawa Datuk Najib hanya sebagai pemangku) yang tidak mempunyai kredibiliti atau bersemangat kental.

Iniilah sebetulnya dilema yang dihadapi oleh Datuk Najib sepanjang dirinya menjadi Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia yang kadangkala saya kira ramai yang tidak dapat memahami lantas melempar pelbagai tuduhan ke atasnya. Di samping itu sebagai seorang pemimpin yang telah saya jelaskan tadi beliau berhadapan pula dengan teman-teman yang sepatutnya bersikap setia tetapi pepaya di luar rencong di dalam.

Kerana itulah kadangkala saya kira adalah lebih baik jadi peneroka tanah haram yang dah tentu tak perlu bayar duit cukai itu dan ini serta tidak terikat kepada pelbagai perjanjian daripada memiliki tanah sendiri tetapi hanya sebagai tanah TOL.

Begitu jugalah dengan Datuk Najib, kadangkala lebih baik jadi Naib atau jadi ahli Exco biasa daripada menjadi ketua yang hanya memangku jawatan itu dan ketiadaan ketua yang sebenar.

Serba serbi salah jadinya. Dibuat salah tak dibuat salah. Dalam keadaan sebeginilah bahtera Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia berlayar.

Tetapi kita harus bersyukur kerana di saat pimpinan pemuda menghadapi gelombang dan badai bernama dilema ini, di saat itu jugalah Pergerakan Pemuda UMNO di bawah pimpinannya mengwujudkan satu suasana sehingga tertangkapnya seramai 93 orang tahanan ISA di mana antaranya terdapat lima atau enam orang mereka yang memang mahu menghancurkan kuasa KETUANAN MELAYU dari pimpinan parti pembangkang.



*Datuk Najib, selepas 38 tahun Allahyarham bapanya menerajui Pemuda kini m
cul untuk membawa kesinambungan dalam pimpinan politik Melayu.*

SELAMATKAN UMAT MELAYU

DATUK Najib Tun Razak kini yang memangku jawatan Ketua Pergerakan Pemuda dari saudara Anwar Ibrahim telah ditohmah dan mulai disebarakan pelbagai fitnah. Malahan calon yang bakal bertanding menentang Datuk Najib juga sudah ditonjolkan seperti Datuk Rais Yatim dan Datuk Shahrir Abdul Samad.

Begitu juga dengan kedudukan Naib Ketua Pemuda, sudah ada cakap-cakap yang menyebut nama Ibrahim Ali bakal menentang Nazri Tan Sri Aziz ataupun mungkin Anuar Musa untuk menjatuhkan Nazri Tan Sri Aziz.

Nampak gayanya para pemimpin parti UMNO kini tidak punya sebarang peluang langsung untuk melaksanakan tugas serta tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada mereka oleh seluruh ahli dan umat Melayu kerana setiap tahun mereka terpaksa mengadakan siri lawatan dari cawangan dan bahagian untuk berkempen.

Dalam erti kata yang sebenar, suka tidak suka terlalu banyak masa dan waktu para pemimpin umat

Melayu terbangun begitu sahaja semata-mata untuk kepentingan politik. Apakah umat Melayu sedar tentang cabaran dan rintangan yang sedang dan bakal dihadapi? Sedarkah umat Melayu betapa setiap hari maruah Melayu dicabar serta diancam?

Apakah umat Melayu masih belum menyedari tentang perjuangan kita yang masih belum selesai? Tentang nasib umat Melayu masih berada di takuk yang lama? Dan paling utama imej kepimpinan Melayu dipertikaikan setiap waktu oleh kaum asing yang bukan berasal dari kaum peribumi.

Bila dan bagaimanakah semua ini dapat diatasi kalau pemimpin sibuk dua puluh empat jam untuk berkempen? Dan inilah bahayanya jika budaya KETAGIH BERTANDING terus menjadi barah dan dadah yang bercampur di dalam tubuh badan parti Melayu UMNO.

Tidak siapa dapat menafikan tentang kebebasan untuk bertanding dan melawan sejajar dengan prinsip demokrasi yang diamalkan oleh parti Melayu UMNO sejak ia ditubuhkan.

Tidak mungkin juga adanya umat Melayu yang berani menafikan faktor ini, tetapi persoalan utamanya, sejauh mana semua ini mendatangkan faedah kepada umat Melayu? Sampai bila Melayu boleh maju kalau para pemimpin terus bercakaran sesama sendiri tahun demi tahun.

Kerana itu saya kira biarpun menjelang tahun 198 akan menghadirkan dirinya, ada lebih baik kalau politik Pergerakan Pemuda UMNO tidak berterusan melaksanakan dan menghayati sindrom ketagih bertanding.

Ubahlah dan carilah faktor yang lain. Bagi saya biarlah umat Melayu bertukar menjadi kaum atau bangsa yang ketagih untuk bekerja seperti rakyat Jepun, biarlah umat Melayu ketagih itu dan ini, malah kalau nak ketagih makan sirih pun ketagihlah asalkan jangan ketagih arak dan dadah kerana ketagih untuk bertanding pun kadangkala boleh memudaratkan umat Melayu seperti arak serta dadah.

Sekali lagi tahniah dan syabas kepada pucuk pimpinan parti masyarakat Cina yang mampu memutarbelitkan kenyataan. Malahan tahniah juga kita ucapkan atas beberapa ucapan yang lebih-lebih bohong dari benar. Mungkin begitulah agaknya cara orang yang tak pernah kenal apa itu erti berbudi dan berbasahasa kepada masyarakat Melayu yang selama ini tidak langsung mahu bersikap besar kepala.

Melalui ucapannya dalam satu seminar yang dianjurkan oleh parti itu, Datuk Kok Wee Kiat menyatakan MCA dan pucuk pimpinannya harus mencari jalan supaya formula sebelum merdeka dikaji semula dalam aspek pembahagian hak keistimewaan di sektor ekonomi di kalangan sesama rakyat negara ini.

Ling Liong Sik pula dengan nada sinis menyindir kononnya Pergerakan Pemuda UMNO tidak ubah seperti "ANJING MENYALAK BUKIT" dengan pelbagai alasan bahawa isu yang diutarakan oleh Pergerakan Pemuda UMNO sepatutnya diselesaikan dengan cara meja bulat atau meja rundingan.

Malahan lebih membanggakan lagi pemimpin-pemimpin MCA benar-benar berkemampuan memperlihatkan seolah-olah negara ini mereka yang punya, negara ini mereka yang berkuasa memerintah, melalui kenyataan kononnya masyarakat Cina berjumlah

lebih lima juta orang sedangkan ahli UMNO hanya 1.5 juta.

Membaca dan mendengar kenyataan dari para pemimpin parti MCA yang menjadi rakan kongsi masyarakat Melayu dalam sebuah parti bernama Barisan Nasional ini jelaslah kepada kita semua bahawa duri di dalam daging telah kian dapat dikenal-pasti.

Malahan gunting yang bersembunyi di dalam selimut telah pun ternampak kilaunya. Dan terpulanglah kepada umat Melayu sendiri untuk menentukan sikapnya. Apakah umat Melayu masih mahu lena dalam tidur yang diganggu oleh suara-suara nyamuk? Apakah umat Melayu rela berkawankan sahabat yang sentiasa minat untuk menjolok sarang tebusan?

Sesungguhnya semua ini hanya umat Melayu yang mampu menjawab, malahan para pemimpin Melayu juga adalah bertanggungjawab dalam melaksanakan apa sahaja kehendak umat Melayu.

Bagi saya kenyataan Kok Wee Kiat agar MCA mengkaji semula formula kemerdekaan yang dicapai oleh pemimpin Melayu, Cina dan India adalah satu perkara menarik malahan saya sokong seratus-peratus.

Sudah sampai masanya kita mengkaji semula kedudukan tersebut kerana suka tidak suka umat Melayu kini telah dipaksa untuk kembali ke "time tunnel" di masa lampau dan terpulanglah kepada kita sama ada mahu bertindak atau tidak.

Kita setuju cadangan tersebut tetapi bukanlah soal kedudukan ekonomi sahaja yang diambil kira, sebaliknya umat Melayu perlu dan semestinya turut n

mikirkan apakah kerakyatan umat bukan Melayu harus diteruskan?

Perlu diingatkan bahawa kita bersetuju bila umat Melayu diberikan hak keistimewaan dalam sektor ekonomi dan yang bukan Melayu berpeluang dengan mudah menjadi warganegara. Oleh itu kalaulah hak keistimewaan Melayu mahu dikaji kita sokong seratus-peratus.

Agak tidak keterlaluan jika saya katakan bahawa lebih baik kita semua bersetuju untuk mengembalikan semula hak keistimewaan milik Melayu itu, untuk apa kita memilikinya kalau ia sentiasa dipersoalkan. Sebaliknya masyarakat Cina haruslah bersetuju pula menyerahkan kembali hak kerakyatan mereka. Masyarakat Cina boleh tinggal di negara ini tetapi sebagai "Permanent Residence" atau penduduk tetap dan bukannya warganegara.

Kita harus melihat dengan jelas dan nyata apakah yang terjadi di negara FIJI yang satu ketika dahulu dikuasai oleh rakyat peribuminya? Apakah yang terjadi akhirnya bila rakyat peribumi tidak mampu menandingi kuasa politik kaum pendatang?


Fiji juga harus kita jadikan contoh untuk menilai bagaimanakah nasib generasi akan datang? Apakah kita mahu mereka menjadi rakyat kelas dua di negara sendiri? Apakah kita mahu membiarkan mereka berada dalam keadaan seperti apa yang ada sekarang?

Kesemua persoalan ini memerlukan jawapan dan tindakan positif. Kita tidaklah harus asyik berpolitik tetapi tanpa kita sedari politik itu adalah yang akhirnya memakan diri sendiri.



*Jiwa-jiwa merdeka yang tidak rela
maruah bangsanya dicabar.*





Saudara Tajuddin Abdul Rahman, pemuda yang mewarisi darah Maharajaleta dari Pasir Salak sentiasa bersuara lantang.



Saudara Fahmi Ibrahim, ketua Perhubungan Pemuda Selangor yang sering menjadi sasaran Lee Kim Sai dan Karpal Singh.



Ibrahim Ali, pemimpin yang lebih dikenali sebagai kaki sapu di setiap persidangan Dewan Rakyat untuk berhujah dengan pencabar maruah Melayu.



Sebahagian dari Ahli Jawatankuasa Biro Antarabangsa yang sewaktu mengha-
diri "Sumpah Pemuda" di Jakarta, Indonesia tanggal 28 Oktober 1987.



Lee Kim Sai, sasaran utama Pergerakan Pemuda UMNO dalam membela maruah umat Melayu.



Karpal Singh, pencatat sejarah kerana berani menyeret Sultan Selangor yang merupakan raja Melayu selepas negara mencapai kemerdekaan.



Tun Hussien Onn adalah pemimpin Pemuda yang pertama sejak Pemuda UMNO tertubuh.



Allahyarham Tun Sardon Jubir pemimpin Pemuda 1951 pemimpin yang menukarkan Perikatan Pemuda UMNO kepada Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia.



Datuk Senu Abdul Rahman pemimpin Pemuda yang bersikap tahan lasak.



*Datuk Harun Idris mengambil alih pimpinan Pemuda di saat maruah Melayu terca-
bar setelah kemerdekaan tercapai.*



Allahyarham Tan Sri Jaafar Albar mengambil alih pimpinan Pemuda setelah Datuk Harun tersingkir dan merupakan Singa UMNO.



Detuk Haj. Suhaimi Kamaruddin pemimpin Pemuda yang ditumbangkan oleh Saudara Anwar Ibrahim.

MEREKA YANG TERGUGAT

TANGGAL 17 Oktober 1987 harus dilihat dengan lebih berani dan secara matang oleh seluruh ahli Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia kerana itulah merupakan tarikh keramat bermulanya perjuangan Pergerakan Pemuda dalam erti kata sebagai mata telinga serta penumbuk parti Melayu UMNO.

Paling tidak kesan dari tanggal 17 Oktober itulah maka wujud kesedaran yang begitu mendadak di kalangan seluruh umat Melayu betapa perlunya kita memiliki solidrati yang kental kerana suka tidak suka kita adalah bangsa yang memimpin sebuah ketuanan yang sedikit goncang akibat dari kealpaan dan lebih mementingkan diri sendiri.

Bukan sekadar itu sahaja malahan tanggal 17 Oktober juga lebih merupakan tiupan nafiri dalam sebuah perjuangan yang panjang di mana sudah tentulah akan ada para pejuang kita yang terpaksa berhadapan dengan pelbagai dugaan termasuklah untuk merengkok ke dalam penjara, ditindas atau cuba ditekan serta mungkin menghadapi pelbagai ancaman dan ugutan.

Inilah realitinya tarikh 17 Oktober yang sepatutnya menjadi kenangan dan seharusnya dijadikan satu tarikh penuh pengertian dan amat bernilai bagi Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia. Bagi saya, ada baiknya tarikh tersebut dijadikan seperti "HARI SUMPAH PEMUDA DI INDONESIA" kerana paling tidakpun pada akhir perhimpunan Pemuda UMNO Malaysia bertempat di Stadium TPCA pada hari tersebut telah pun berlaku apa yang dikatakan sebagai "SUMPAH PEMUDA".

Jika kita melihat resolusi dari sumpah Pemuda yang dibacakan oleh Saudara Hashim Shafin (Maaf kerana dalam buku ini saya tidak gemar memakai gelaran YB atau Yang Berhormat kerana bagi saya sebagai ahli Pemuda kita harus lebih mementingkan soal kerja dari protokol yang berjela-jela) ternyata setiap baris dari 12 resolusi tersebut ia hanya memperkenankan betapa Pergerakan Pemuda tetap akan membela BANGSA MELAYU, TANAH MELAYU dan AGAMA ISLAM (agama anutan serta pegangan UMAT MELAYU).

Jadinya amat wajarlah tarikh tersebut dijadikan sebagai satu hari yang mesti dihayati oleh setiap umat Melayu sama ada untuk hari ini atau bagi tahun-tahun akan datang.

Sesungguhnya bukanlah hasrat saya mahu mengembalikan insiden 17 Oktober 1987 itu sebagai satu persoalan yang mesti diperdebatkan secara panjang lebar, namun begitu saya merasakan ada sesuatu yang harus dan amat perlu dihayati oleh seluruh ahli Pergerakan Pemuda pada hari penuh keramat itu.

Saya tidak mengukur jumlah 20,000 orang para

pemuda dan wira-wira UMNO yang berjaya dikumpulkan oleh Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, tidak juga saya mahu mengira tentang bilangan sepanduk yang dibawa oleh mereka yang berada di padang TPCA itu, tetapi yang harus diukur adalah tentang kental serta padunya semangat setiap mereka yang berada di padang stadium tersebut.

Masih kekal lagi diingatan saya, hari itu tanggal 17 Oktober 1987. (Saya cadangkan supaya Pergerakan Pemuda menjadikan hari tersebut sebagai hari yang perlu dikenang sepanjang zaman) adalah hari Sabtu. Hari di mana sepatutnya anak-anak muda bercengkerama di Tasek Perdana bersama kekasih dalam memadu janji dan sumpah setia dalam gelombang percintaan.

Hari Sabtu jam 3.00 petang adalah waktu yang sering menjemput rasa mengantuk bagi kalangan kakitangan kerajaan atau firma swasta setelah seminggu berhempas pulas dalam kemelut di bidang pekerjaan. sementara bagi mereka yang berniaga pula, hari Sabtu jam 3.00 petang saat-saat paling memberangsangkan untuk memperolehi keuntungan yang lebih jika berniaga kerana waktu itu pelanggan adalah lebih dari jumlah biasa.

Pada hari Sabtu jugalah selalunya anak-anak muda serta perantau yang memilih untuk bergelut di tengah hutan batu Kuala Lumpur memulakan langkah pulang ke desa bertemu keluarga dalam sebuah percutian sementara. Malahan serba serbi hari Sabtu adalah hari yang membuatkan orang tidak sibuk jadi sibuk tak menentu. Dan hari seperti itu untuk mengumpul orang ramai di padang bola bukanlah satu kerja yang mudah.

Namun begitu pada hari itu SABTU tanggal 17 OKTOBER 1987 seramai 20,000 orang pemuda yang merasakan betapa maruah dan kesabaran umat Melayu telah tercabar beramai-ramai menyengsang lengan untuk berarak dalam perhimpunan yang benar-benar menggemparkan seluruh negara.

Dari jumlah 20,000 orang itu, tidak seorangpun dari mereka yang lari meninggalkan padang bila secara tiba-tiba hujan lebat turun mencurah-curah bersama dengan dentuman petir dan kilat sabung menyabung. Terbukti waktu itu dentuman guruh di langit dan sambaran cahaya kilat bukanlah sesuatu yang dikhawatiri atau digeruni oleh kesemua 20,000 orang umat Melayu di saat begitu, bukan juga mahu memikirkan enaknya mendakap kekasih di Tasek Perdana, sebaliknya dengan suara lebih lantang dan penuh semangat mereka menyanyikan lagu "BARISAN KITA" yang juga merupakan lagu untuk membangkitkan semangat para perwira negara di saat kita menghadapi konfrantasi dengan Indonesia.

Melihat dari peristiwa tersebut saya kira tarikh 17 Oktober itulah serba sedikit merupakan hari yang penuh dengan peristiwa dan ia harus dihayati oleh setiap ahli Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia kerana pada hari itu jugalah "mereka-mereka yang tergugat" mulai berasa tergugat.

Pimpinan dalam parti MCA yang bernaung di bawah payung Barisan Nasional mulai merasakan diri mereka semakin digugat oleh kejituan dan keutuhan semangat anak-anak Melayu, pimpinan dalam parti DAP juga terasa begitu terancam, musang-musang berbulu ayam di dalam UMNO berasa lebih terancam lagi. Dan lebih dari itu, pasaran saham di Bursa Saham Kuala Lumpur benar-benar menggugat peluh

dingin para jutawan yang melabur di dalam pasaran saham.

Pada tarikh tersebut barulah pimpinan dalam MCA mengenal hati serta budi "anak jantan Melayu" yang selama ini begitu akur dan sabar dalam semangat setiakawan yang termeterai selama ini. Barulah di saat itu mereka insaf dan sedar betapa jauhnya penyelewengan yang telah dilakukan oleh pimpinan mereka.

Paling tidak mereka mulai sedar betapa terlalu jauhnya keterlanjuran mereka dalam merobek dan mencarikkan hati umat Melayu yang selama ini teramat sabar mempertahankan erti sebuah persahabatan. Dan kesedaran itulah menjadikan mereka diburu resah.

Anggota DAP yang sebegitu lantang kononnya berjuang untuk membela rakyat mulai sedar betapa "anak jantan pemuda Melayu" mampu menepis dakwah serta tipu muslihat politik mereka yang seringkali berselindung di sebalik telunjuk.

Musang-musang berbulu ayam dalam parti UMNO merasakan bahawa diri mereka sudah tidak selamat lagi kerana paling tidak belang mereka sudah mulai diselak satu demi satu oleh anak-anak muda berkulit sawo matang dan topeng-topeng mereka telah dibuka satu persatu.

Inilah merupakan kejayaan utama bagi Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia dalam tempoh yang begitu pendek di bawah era Datuk Najib Tun Razak, dan ekorannya pada 28 Oktober 1987 maka berlakulah catatan sejarah di dalam pergolakan politik di bumi Melayu bagaimana bermulanya seramai 93 orang telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Ne-

gara (ISA) dan ini termasuklah tiga orang ahli Exco Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia terdiri dari Ketua Pemuda Pasir Salak Saudara Tajuddin Abdul Rahman yang memang dikenali sebagai kaki lanyak dalam Exco Pemuda, Saudara Ibrahim Ali Ahli Parlimen Pasir Mas yang dikenali sebagai "tukang sapu" di setiap sidang Parlimen dan Saudara Fahmi Ibrahim.

Sebetulnya peristiwa penangkapan seramai 92 orang di bawah tahanan ISA itu tidak dapat saya gambarkan keadaan sebenarnya kerana ketika itu saya berada di Jakarta bersama-sama dengan Saudara Nazri Tan Sri Aziz selaku ketua rombongan, Saudara Mustaffa Yaakub (Naib Ketua Pemuda Seputih), Saudara Naim (Ketua Pemuda Kota Melaka), Saudara Shuhaimi (Setiausaha Akhbar Menteri Pertahanan Tengku Ahmad Rithauddeen), Saudara Razali (Naib Ketua Pemuda Pasir Mas), Saudara Kamaruddin (bekas Ketua Pemuda Kota Bharu), Saudara Sabree, Saudara Halim, Saudara Redzuan (Ketua Pemuda Kepong) dan Pemimpin Majlis Belia Malaysia Saudara Hassan Malek menyertai hari SUMPAH PEMUDA.

Biarpun begitu yang masih saya ingat adalah peristiwa kira-kira jam 8.30 pagi di dewan tempat berlangsungnya "Sumpah Pemuda" di mana dengan bulu roma yang terpacak Datuk Najib membacakan senarai kira-kira 16 orang pertama telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri terdiri dari antaranya Karpal Singh, Lim Kit Siang, Lim Eng Guan, Chandra Muzzafar, Hu Sepang, P. Patto, V. David dan beberapa nama lagi.

Tanpa memikirkan bahawa kami berada di dalam dewan berlangsungnya sumpah Pemuda Saudara Nazri Tan Sri Aziz menjeritkan perkataan "MERDE-

KA" dan menggenggam erat tangan Datuk Najib sambil menyatakan "Tahniah Datuk, paling tidak perjuangan kita bersama-sama ahli Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia telah memberikan kesan dan ternyata usaha kita semua telah direstui oleh Ilahi."

Datuk Najib juga membawa berita mengatakan ketika itu Presiden MCA Ling Liong Sik dan Timbalannya Lim Kim Sai telah bertolak ke luar negeri untuk bercuti rehat. Tempoh percutiannya tidak pula diberitahu dan dari apa yang difahamkan, Lee Kim Sai mengambil cuti yang agak panjang.

Sekali lagi suasana menjadi semacam pesta menyambut berita tentang kemenangan dari medan perjuangan. Saudara Nazri Tan Sri Aziz yang memakai baju kebangsaan Melayu bersongket lambang UMNO segera meneriakkan perkataan "Merdeka..." sambil menggenggam erat tangan ke udara.

Sebetulnya sewaktu berada di Lapangan Terbang Subang Kuala Lumpur, Saudara Nazri menyatakan dengan nada yang agak sinis, kita sebenarnya mahu bercuti rehat kerana sebagai ahli Pemuda kita berasa letih untuk berdemonstrasi (waktu itu kempen sedang hebat dijalankan oleh pimpinan UMNO untuk mengadakan perhimpunan di Stadium Merdeka dengan anggaran hampir setengah juta umat Melayu akan berkumpul) kerana menurut Saudara Nazri tidak ada sebarang hasil yang diperolehi dari himpunan yang telah dijalankan oleh Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia pada tanggal 17 Oktober.

Menurut Saudara Nazri lagi, sebab beliau melahirkan kata-kata tersebut adalah kerana kecewa selepas mengetahui bahawa tuntutan dari resolusi sumpah Pemuda di padang Stadium TPCA mahukan agar Lee

Kim Sai dipecat atau diambil sesuatu tindakan kepada pimpinan kaum bukan Melayu supaya mulut mereka tidak celupar lagi dan tertutup tidak terlaksana.

Kerana itulah sepanjang perjalanan dalam penerbangan ke Jakarta pada tanggal 26 Oktober itu Saudara Nazri lebih banyak termenung kerana memikirkan sama ada mahu meletakkan jawatan atau tidak. Berkali-kali Saudara Nazri menyatakan dirinya lebih rela untuk meletakkan jawatan setelah merasakan bahawa fikiran Pemuda sudah tidak lagi diendahkan oleh pimpinan UMNO.

Bukan itu sahaja, malahan pimpinan UMNO sendiri merasakan bahawa tindak tanduk yang dilaksanakan oleh Pergerakan Pemuda UMNO itu hanyalah dengan tujuan mahu menggugat kedudukan pimpinan yang sedia ada dalam UMNO, (ini adalah kesan dari tindakan beberapa orang musang berbulu ayam yang sentiasa mahu mengadu dumbakan antara pemimpin Melayu sesama sendiri). Oleh kerana itu Saudara Nazri berkali-kali menyatakan bahawa kalau kerana orang lain maka Melayu sama Melayu berpecah belah dan kita tidak sepakat jadinya lebih baik beliau menarik diri dari barisan Exco Pemuda UMNO kalau sekiranya kehadirannya hanya lebih dianggap sebagai bertujuan mahu menggugat pimpinan Melayu yang begitu disanjung olehnya selama ini.

Beberapa orang teman yang berada di dalam penerbangan itu menyatakan bahawa mereka juga akan meletakkan jawatan atas prinsip tidak mampu untuk melihat tindak tanduk pimpinan bukan Melayu yang terus menghiris dan mencabar kewibawaan umat Melayu di bumi Melayu dan mereka-mereka ini tidak segera ditutup mulutnya.

Kerana itulah maka berita penangkapan Karpal Singh dan Lim Kit Siang bersama-sama dengan kunci-kuncunya disambut dengan teriakan merdeka berkali-kali oleh Saudara Nazri. (Bila saya tanya kepadanya apakah erti merdeka yang dimaksudkan olehnya, Saudara Nazri menyatakan pertama sekali umat Melayu telah merdeka dari perasaan takut atau rendah diri dengan pemimpin dari bukan Melayu dan kedua dengan senyuman yang lebih meleret lagi menyatakan "Saya tidak perlu letak jawatan...").

Kegembiraan menyambut berita penangkapan ISA tidak begitu lama dirayakan oleh rombongan Biro Antarabangsa Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia pimpinan Saudara Nazri Tan Sri Aziz bila keesokan harinya sampai berita tentang penangkapan tiga orang Ahli Exco Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia iaitu Saudara Tajuddin Abdul Rahman, Ibrahim Ali dan Fahmi Ibrahim.

Berita yang disampaikan oleh salah seorang kakitangan di Kedutaan Malaysia di Jakarta telah menimbulkan rasa curiga bahawa kemungkinan Saudara Nazri Tan Sri Aziz dan saya sendiri juga adalah antara yang berada di dalam senarai bakal ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) kerana meniupkan semangat perkauman sepanjang musim gerhana antara ahli Pemuda dengan pimpinan MCA dan DAP dalam usaha mempertahankan ketuanan Melayu di bumi Melayu.

Saya sendiri dikatakan dalam senarai kerana memandangkan akhbar WATAN salah sebuah penerbitan yang diterbitkan oleh Syarikat Kumpulan Kangkraf tempat saya berkhidmat sebagai wartawan telah digantung lesen penerbitannya dan beberapa orang teman seperti Saudara Mustaffa Yaakub dan

Saudara Naim menyatakan bahawa tulisan saya di akhbar BACARIA dalam ruangan "Suara Generasi" teramat pedas dan lantang. (Lihat Suara Generasi).

Dan Saudara Nazri yang juga merupakan pimpinan Pemuda bersuara lantang turut dikatakan telah berada dalam senarai untuk ditahan bersama-sama dengan tahanan yang lain sekembalinya dari Jakarta.

Sambil berjenaka Saudara Naim menyatakan supaya saya dan Saudara Nazri berkemas berus gigi dan sabun mandi bila berada di Lapangan Terbang Subang kerana waktu itu "Black Maria" pasti akan menunggu. Lebih melucukan lagi bila Saudara Naim berkata "Kali ini Black Maria akan membawa Black Maria" (ini disebabkan beliau tahu bahawa saya sering memakai nama pena Black Maria dalam beberapa buah buku novelet jenayah dan kritikan sosial).

Sesuatu yang menarik perhatian saya adalah kenyataan Saudara Nazri di saat-saat akhir rombongan ini berada di Jakarta di mana beberapa orang temannya menyarankan agar lebih baik saya dan Saudara Nazri tidak terus pulang ke Kuala Lumpur sebaliknya tinggal untuk beberapa minggu di Jakarta atau Bangkok kerana dikhuatiri akan ditangkap oleh polis di lapangan terbang seperti yang berlaku ke atas Saudara Fahmi Ibrahim.

Dengan suara agak keras dan lantang Saudara Nazri menyatakan "Kalaulah perjuangan saya mahu membela maruah Melayu di bumi Melayu menjadikan saya disumbat ke dalam penjara, saya rela. Malahan saya lebih rela untuk dipenjarakan di bumi tempat saya dilahirkan bumi Melayu.

"Bagi saya hujan emas di negeri orang hujan lem-

bing di negeri sendiri pastilah hujan lembing yang akan saya lalui. Kalau sudah begitu kehendak suratan nasib perjuangan saya maka di penjaralah saya berada." Itulah kata-kata Saudara Nazri menjawab usulan dari teman-teman yang begitu bersimpati dengannya.

Pun begitu sesuatu yang tidak terduga mulai bermain dalam sinerio politik Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia menjelang datangnya fajar 1988 kerana tahun 1988 adalah tahun yang akan mencorakkan sekali lagi perjalanan hidup Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia dalam meniti jejak-jejak perjuangan sebagai sayap kanan parti Melayu UMNO.

Sesuatu yang berlaku telah wujud cakap-cakap dan fitnah mengatakan bahawa penangkapan ke atas ketiga-tiga ahli Exco Pemuda UMNO Malaysia adalah dirancang kerana ketiga-tiga mereka ini adalah terlibat dalam usaha untuk menyingkirkan Datuk Najib dari kerusi Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia.

Ada pula yang secara lantang menjadikan isu penangkapan ISA ini sebagai salah satu bahan untuk mereka berkempen. Dan berbagai-bagai lagi cakap-cakap yang wujud.

Sebetulnya bagi saya ekor dari peristiwa 17 Oktober 1987 benar-benar telah menimbulkan satu situasi kritis di samping kesedaran di kalangan pimpinan dalam parti Melayu UMNO betapa hanya ketegasan kita sahajalah yang mampu menutup mulut-mulut yang celupar serta kaki kacau.

Dengan ketegasan itu jugalah maruah Melayu dapat dibela di bumi Melayu. Namun begitu, suka atau

tidak kita harus menerima hakikat ini betapa apabila kita bertindak tegas tentulah akan berlaku gugat menggugat antara satu sama lain.

Dalam konteks inilah ahli-ahli Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia harus melihat apakah kita rela melihat mereka yang bertindak tegas terus digugat oleh musang-musang berbulu ayam dan dalam dan luar UMNO?

Mampukah kita masih bersikap seperti hikayat Hang Nadim dalam lagenda Singapura dilanggar Todak, kerana nasihat orang yang hasad anak kecil yang telah berjasa kepada rajanya dicampakkan ke dalam laut. (Todak juga dilaporkan telah menyerang Pulau Langkawi di awal bulan November 1987).

Atau relakah kita melihat politik umat Melayu terus diperkotak-katikkan oleh pihak-pihak yang memang tidak senang melihat kejituan kukuhnya semangat serta perpaduan umat Melayu? Bagi saya tepuk dada tanyalah selera.

Namun begitu seperti yang ditegaskan oleh saudara Tengku Adnan Tengku Mansor dalam beberapa ucapannya di majlis-majlis anjuran Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Seputih; "Sebagai umat Melayu kita harus peka dan menginsafi beberapa catatan hitam sejarah politik Melayu, kita juga harus memastikan agar generasi Melayu akan datang dan hari ini terhindar dari sindrom politik silap di zaman lampau.

"Janganlah hendaknya bumi Melayu terjajah sekali lagi hanya kerana sikap hasad dan dengki pemimpin-pemimpin Melayu untuk merebut harta kekayaan lantas sanggup fitnah memfitnah antara satu

sama lain, janganlah kerana mahukan kekayaan dan menjaga kepentingan diri sendiri akhirnya umat Melayu membocorkan rahsia sendiri kepada kaum pendatang mengakibatkan hampir 500 tahun Melayu terjajah.

"Janganlah juga hendaknya kerana politik kepentingan diri Melayu sanggup mencerca antara satu sama lain dan tidak bertegur sapa kerana ini adalah sikap yang bertentangan dengan ajaran Islam yang mementingkan ikatan siratul rahim." Itulah antara ungkapan kata-kata penuh pengertian daripada Ketua Pemuda Siputih yang semakin matang dalam percaturan politik tanah air.

Persoalan tentang mereka yang ditahan di bawah akta ISA adalah lebih baik diserahkan kepada pihak polis kerana mereka tentunya melaksanakan tugas dengan penuh hati-hati kerana pasukan polis adalah satu-satunya harapan kita untuk memastikan tegaknya undang-undang di bumi Melayu.

Berbalik kepada keadaan politik Pergerakan Pemuda UMNO selepas dari terjadinya penangkapan 92 orang tahanan ISA serta tergantungnya akhbar WATAN, The Star dan Sin Chew dari kebenaran untuk diterbitkan ternyata kini semangat Pemuda mulai pulih.

Paling tidak kesan-kesan kedinginannya, kesan-kesan dari demam 24 April 1987 yang dialami oleh parti Melayu UMNO dan kesan ketiadaan Saudara Anwar Ibrahim juga semakin kebah atau kembali bermaya.

Suasana muram yang dialami oleh Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia kerana tiga orang ahli Exco-

nya turut ditahan sama mulai menyerlah bila dari cakap-cakap dan khabar angin ketiga-tiga mereka akan dibebaskan sebelum akhir 1988. (Rencana ini ditulis pada 16 November 1987 jam 1.30 malam).

Harapan kita, bukanlah segunung janji dari pimpinan Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, tidak juga timbunan emas permata, apa yang penting adalah erti sebuah kesedaran dan keinsafan betapa dalam perjuangan Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, ia tidak harus ada hujungnya.

Selagi nafas, jantung dan nadi kita bergerak maka selagi itulah perjuangan Pemuda belum tamat. Keinsafan tentang Pemuda adalah sebuah perjuangan yang panjang harus ditanam kental-kental dan dianyam rapi-rapi di setiap fikiran barisan pucuk pimpinan Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia.

Janganlah hendaknya kita berada di dalam Pergerakan Pemuda UMNO semata-mata mahu menimba harta kekayaan, janganlah kita berada di dalam Pemuda kerana mahu mengejar darjat atau pangkat, mahu memburu kerusi Senator mahupun Dewan Negeri atau Parlimen yang tentunya bakal mengubah nama dari saudara kepada YB atau Yang Berhormat.

MENCARI SEBUAH IDENTITI

KE MANA Datuk Najib mahu membawa bahtera Pergerakan Pemuda UMNO? Adakah menuju lautan bergelora atau terus berlabuh di pelabuhan tenang? Mungkin menghala pelayaran damai atau menyongsong angin selatan.

Sebelum ini paling tidak identiti Pergerakan Pemuda UMNO telah dapat dilihat dengan begitu ketara sekali di bawah pimpinan yang terdahulu dari Datuk Najib. Kalau di zaman Allahyarham Jaafar Albar, Pemuda lebih dikenali sebagai golongan "Halia" atau "Ginger Group".

Sementara di zaman Datuk Harun pula dia sibuk sebagai kumpulan pendesak paling efektif "Pressure group" di mana banyak isu-isu penuh kontroversi telah dicetuskan oleh Pemuda sehingga berlaku penangkapan beberapa orang Menteri dan Timbalan Menteri kerana disyaki sebagai agen komunis.

Apabila Datuk Haji Suhaimi mengambil alih, pemimpin dari bahagian Sepang ini mula melaungkan jeritan "Pemuda Era Bertindak". Samada melalui pertubuhan belia 4B mahupun dalam Pergerakan Pe-

muda UMNO, di mana-mana laungan bertindak dijadikan sebagai identiti kepada Pergerakan Pemuda UMNO.

Selepas ditumbangkan oleh Saudara Anwar Ibrahim yang merupakan antara pemimpin paling disayangi dan dikagumi dalam Pergerakan Pemuda UMNO, beliau mulai memantulkan sinar ke arah mempertingkatkan syiar Islam dalam Pergerakan Pemuda UMNO.

Di samping itu Pergerakan Pemuda UMNO juga mulai kembali bangun dari lena yang agak panjang. Di mana-mana semangat Pemuda ditiupkan dan waktu itu peranan Pergerakan Pemuda mulai dikenali-pasti.

Dua dekad Pemuda berada di bawah pimpinan Saudara Anwar Ibrahim, maka dalam tempoh tersebutlah suara-suara Pemuda menjadi tenang semula. Pelbagai isu yang dirasakan bertentang dengan perjuangan UMNO disuarakan.

Kini Pergerakan Pemuda UMNO berada di bawah pimpinan dan teraju Datuk Najib. Walaupun tempoh khidmat anak Watan berdarah Mat Kilau ini cuma baru satu tahun dan hanya sebagai pemangku Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, namun pelbagai pertanyaan telah ditimbulkan, ke mana Pergerakan Pemuda UMNO mahu dibawa?

Di zaman-zaman terakhir sebelum meninggalkan Pergerakan Pemuda Saudara Anwar sering menyarankan agar peranan Pemuda itu hendaklah dilihat melalui aspek yang lebih luas kerana Pemuda sesungguhnya berperanan sebagai peluru kepada pertumbuhan parti Melayu UMNO.

Ekoran dari itu tanpa disedari dihari-hari terakhir sebelum meninggalkan Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, Saudara Anwar Ibrahim terpaksa berada dalam pelbagai demonstrasi yang dianjurkan oleh Pergerakan Pemuda UMNO. Dan melihat dari perkembangan ini pemerhati politik meramalkan bahawa isma Saudara Anwar yang terkenal sebagai kaki demonstrasi di zaman remajanya sewaktu berada di universiti akan bergema dalam Pergerakan Pemuda UMNO.

Juak-juak yang nyaring dan lantang suara untuk bertempik serta membawakan pelbagai isu seperti Saudara Ibrahim Ali, Tajuddin Abdul Rahman, Fuad Hassan dan beberapa orang tokoh yang bersama-sama dengan Saudara Anwar Ibrahim di universiti dahulu mulai dikenalpasti.

Biarpun begitu ada juga pelbagai tohmahan kononnya Saudara Anwar Ibrahim sedang dalam proses mahu mengabimkan Pergerakan Pemuda UMNO kerana ramai tokoh-tokoh yang berada di peringkat pimpinan cawangan, bahagian mahupun negeri serta pusat adalah sedikit sebanyak berlatar belakangkan sebagai anggota ABIM satu ketika dahulu.

Namun yang pasti telahan mereka-mereka itu ternyata tidak berasas sama sekali bila di saat-saat perletakan jawatan sebagai Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia tanggal 23 April 1987, Saudara Anwar dengan tenang menyatakan bahawa beliau mempunyai keyakinan atas kepimpinan Datuk Najib.

Dan sesuatu yang perlu dilihat kalau di zaman Anwar Ibrahim, acara demonstrasi atau perhimpunan dan rapat umum adalah dilambangkan sebagai salah satu ikutan trend dalam ABIM, bagaimanakah di zaman atau di Era Datuk Najib acara demonstrasi mu-

lai menjadi semakin hangat dan hebat.

Boleh dikatakan hanya dalam tempoh tiga bulan mengambil alih pucuk pimpinan Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, Datuk Najib telah merestui beberapa acara demonstrasi dan yang terakhir sekali adalah himpunan raksasa umat Melayu di stadium TPCA di mana hasil dari perarakan tersebut maka sejumlah lebih dari 100 orang telah tercampak ke dalam pusat tahanan ISA.

Apakah kita mahu mengukur sama ada perhimpunan Pemuda pada 17 Oktober 1987 itu sebagai satu kejayaan adalah persoalan yang lain, tetapi aspek utama yang ingin kita tanya apakah ini bentuk serta coraknya identiti Pergerakan Pemuda mahu diperlihatkan oleh Datuk Najib?

Atau mungkin beliau mahu memperkenalkan kepada percaturan politik tanahair bahawa Pemuda di zamannya adalah merupakan pimpinan Pemuda berhati batu, Pemuda di zaman Datuk Najib lebih anak jantan secara memperlihatkan sesuatu reaksi secara terang-terang atau direct.

Pelbagai andaian telah dibuat oleh pemerhati politik tanahair dan mereka yang terlibat dalam kancah pergolakan politik di bumi Melayu. Ada pihak membuat ramalan bahawa Datuk Najib akan terus mahu Pemuda untuk bersikap lebih radikal dari zaman sebelumnya.

Sementara pihak yang lain pula meramalkan Datuk Najib mahu menjadikan Pemuda sebagai platform kaki gempur untuk pertubuhan Parti Melayu UMNO dan ada pula meramalkan bahawa gerak gempur serta demonstrasi seperti ini hanya merupakan gim-

mick atau usaha ke arah mencari pengaruh di kalangan ahli Pemuda yang mahu dilakukan oleh Datuk Najib.

Boleh dikatakan begitu banyak sekali persoalan yang dihalakan ke atas Pemuda sejak ia berada di bawah pentadbiran Datuk Najib. Biar apa pun yang pasti ramai ingin mengetahui ke manakah sebenarnya Pemuda mahu dibawa oleh Datuk Najib.

Sebagai seorang pemerhati politik dan orang yang semakin terlibat dengan Pemuda saya merasakan sebelum Datuk Najib bertindak dengan lebih jauh lagi ataupun sebelum mana-mana pihak bermimpi untuk menjadi Ketua Pergerakan Pemuda perlulah dikaji terlebih dahulu psikologi yang wujud disanubari setiap anggota Pemuda UMNO Malaysia.

Ke manakah sentimen mereka? Sejauh mana anggota atau ahli Pemuda ini mampu untuk berkomunikasi dengan pucuk pimpinan, keakraban yang bagaimanakah harapan ahli Pemuda dari aspek jalinan hubungan dua hala antara pucuk pimpinan dan ahli-ahli, dan paling utama kenapakah ahli Pemuda begitu menyanjung Saudara Anwar Ibrahim sebagai pimpinan yang amat dihormati oleh mereka.

Terus-terang saya katakan, faktor terpenting yang wujud di sanubari ahli Pemuda adalah citarasa mahu melaksanakan sesuatu dengan terang dan jelas tanpa ada main baling batu sembunyi tangan.

Pergerakan Pemuda hari ini lebih cenderung kepada aktiviti yang dilakukan secara langsung antara pucuk pimpinan dengan ahli biarpun di peringkat cawangan mahupun bahagian serta pusat.

Setiap anggota Pemuda yang ada hari ini lebih merupakan satu generasi baru dengan jiwa-jiwa yang merdeka. Bagi mereka paling utama adalah untuk memperlihatkan sikap serta kehendak itu dilakukan secara jelas dan nyata.

Dalam erti kata yang lain, anggota Pemuda hari ini lebih senang dengan perlakuan sikap sebagai "Anak Jantan". Jika dara yang dihajati maka dara segera dipinang tanpa mahu meluangkan masa memikat dan membawanya bercumbu-cumbuan terlebih dahulu.

Sebaliknya jika rumahnya diganggu gugat Pemuda tidak lagi bersedia untuk menghayati apa yang dikatakan sebagai toleransi. Inilah arcma atau realiti yang wujud di hati setiap ahli Pemuda UMNO Malaysia.

Dan kerana itulah maka soal demonstrasi yang dilakukan oleh pimpinan Pemuda bukanlah merupakan satu acara pesta atau dibuat untuk suka-suka, sebaliknya semua ini dilakukan sebagai mahu memberi gambaran kepada pimpinan yang lebih atas betapa Pemuda hari ini lebih senang untuk bertindak dari berunding. Ada kalanya pintu rundingan buat anggota Pemuda tertutup sama sekali.

Jadi mampukah Datuk Najib memenuhi tuntutan serta citarasa anggota Pemuda yang menganggotai pertubuhan ini? Bolehkah Datuk Najib yang selama ini dikenali sebagai pemimpin paling sentimental melaksanakan tanggungjawab sebagai orang nombor wahid di tengah-tengah kelompok manusia berhati "Jantan"?

Atau sebaliknya apakah Datuk Najib akan berusaha untuk menjadikan Pemuda sebagai kumpulan pendesak yang melaksanakan sesuatu dengan cara

yang lebih sentimental iaitu melalui meja rundingan.

Melihat dari perkembangan yang telah berlalu terbukti kini pimpinan Datuk Najib adalah pimpinan yang lebih agresif dan berani untuk melakukan sesuatu keputusan. Cara pelaksanaannya juga kadangkala sudah tidak lagi berupa penyelesaian ala Barat, sebaliknya pimpinan Pemuda lebih senang mengambil sesuatu keputusan dengan dua pilihan, sama ada berundur atau terus maju.

Oleh kerana itu saya kira kita sudah mengagak ke manakah haluan Pemuda yang mahua dibawa oleh Datuk Najib sejak teraju kepimpinan itu berada di bawah pentadbirannya. Malahan kita juga dapat melihat perkembangan tersebut dengan begitu jelas.

Bagi saya Pemuda haruslah bersikap lebih "Jantan" dari seorang satria. Hari ini masa untuk bersikap seperti Hang Tuah sudah tidak lagi sesuai kerana selalunya kesetiaan kita sering dipertikaikan. Lebih malang lagi hasil dari sikap toleransi yang kita tunjukkan itu telah diambil kesempatan oleh orang lain untuk menanggung sesuatu demi kepentingan diri mereka sendiri.

Sikap beralah dan memegang pepatah Melayu lama juga sudah tidak sesuai lagi untuk dihayati oleh Pemuda. Keinsafan dari tindak-tanduk orang yang tak pernah kenal erti berterima kasih sudah cukup mengajar Pemuda dan menginsafkan dirinya dari terus bersekutu dengan tindak-tanduk lebih "Beralah dari meminta".

Suka atau tidak suka ahli Pemuda kini sudahpun tahu membezakan yang mana sahabat dan yang mana musang berbulu ayam. Pemuda juga sudah da-

pat melihat dengan lebih jelas lagi setiap langkah apakah ia langkah panglima atau langkah sumbang.

Rentak dan tari setiap musuh dan kawan juga sudah mampu dibaca oleh ahli-ahli Pemuda. Kerana itulah Pemuda hari ini lebih senang bersikap sebagai kumpulan yang vokal tetapi terpimpin.

Mungkin sikap seperti ini tidak disenangi oleh pihak yang lebih dewasa dari Pemuda kerana jika kita terus bersikap vokal maka orang akan melihat kita sebagai kumpulan yang tidak mengenal erti toleransi. Dan untuk itu akan wujud tohmahan dan pelbagai tuduhan.

Namun begitu dari apa yang dilihat sekarang Pemuda sudah bersedia untuk digelar apa sahaja. Lihat saja perkembangan di peringkat Cawangan, Bahagian mahupun perhubungan Negeri dan Pusat. Pimpinan Pemuda di setiap peringkat ini telahpun memperlihatkan gejala yang begitu bertentangan dengan pihak yang lebih dewasa dari Pemuda.

Jelas kini semacam ada satu pertentangan pendapat dan tindak-tanduk antara Pemuda dengan mereka yang lebih dewasa darinya. Ahli Pemuda seringkali lebih aktif dari kalangan mereka yang lebih dewasa darinya. Biarpun di peringkat cawangan, bahagian mahupun negeri, Pemuda lebih banyak melaksanakan pelbagai bentuk aktiviti sementara pihak yang lebih senang menjadi pemerhati dan pengkritik sombong yang tak boleh ditegur.

Ekoran dari itu sering kita dengar semacam ada konflik antara peringkat Pemuda dengan ahli parti UMNO yang lebih dewasa darinya. Malahan konflik ini kadangkala membawa kepada perdebatan dan

pertelingkahan yang berpanjangan. Lebih malang lagi bila Pemuda selalunya dicap sebagai penggugat kestabilan politik pihak-pihak yang sedang menjadi teraju kepimpinan politik di bumi Melayu.

Bertolak dari sinilah saya kira Datuk Najib harus melihat dengan lebih mendalam tentang permasalahan yang dihadapi oleh Pemuda. Dan persoalan ini adalah merupakan persoalan yang panjang dan telah wujud sejak di zaman Saudara Anwar Ibrahim lagi.

Kalau di zaman Saudara Anwar, pimpinan Pemuda diambil kira sebagai penggugat kepada periuk nasi pihak-pihak tertentu, sama ada di peringkat pusat mahupun di peringkat Cawangan.

Malahan Saudara Anwar sendiri pernah ditohmah sebagai antara barisan pemimpin yang sedang menggugat kedudukan pemimpin yang lebih senior daripadanya. Dan ini berlarutan membawa kepada peringkat negeri dan bahagian. Keadan di peringkat bahagian menjadi lebih teruk lagi bila pimpinan Pemuda seringkali dianggap membelakangkan pimpinan Bahagian dan sedang menggugat kestabilan kedudukan mereka sama ada yang menjadi Ketua Bahagian mahupun Timbalan atau barisan Ahli Jawatankuasanya.

Inilah sebenarnya kunci kepada ke arah mencipta sebuah identiti yang bakal lahir dalam Pergerakan Pemuda UMNO bila jawatan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia digazetkan secara sah sama ada ia menjadi milik Datuk Najib atau sebaliknya.

Yang pasti dan paling utama sekiranya Pemuda berada di bawah pimpinan Datuk Najib maka tentulah peranan Pemuda sebagai "Anak Jantan" akan lebih

bertenaga lagi setelah ketuanya benar-benar disahkan sebagai pemimpin nombor wahid.

Sedangkan masih menjadi pemangku sahajapun Datuk Najib sudah berani tunjuk belang, apatah lagi bila dirinya benar-benar diberi keyakinan untuk menggembleng Pergerakan Pemuda UMNO, tentulah ia akan lebih bertenaga lagi.

Kalau melihat peringkat awal selepas mengambil alih pimpinan Pemuda dari Saudara Anwar Datuk Najib sudah sanggup menyuarakan pandangan dan pendapat sebegitu kontroversi maka tentulah ini juga merupakan stail dan identiti Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia.

Keadaan lebih jelas lagi jika ahli pemuda menghayati sepenuhnya tuntutan dari Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia di bawah pimpinan Datuk Najib yang mahukan agar mulut celupar kaum pendatang ditutup oleh pucuk pimpinan Kerajaan.

Dari sumber yang paling rapat dengan pucuk pimpinan dan Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, Datuk Najib sendiri telah berkira-kira mahu berundur dari jawatannya jika sesuatu tidak dilakukan ke atas mereka yang cuba mahu menjadi "Ayam jaguh" di bumi Melayu. Ini jelas membayangkan ketegasan serta corak pemikiran yang benar-benar vokal cuba dihayati dan diimplementasikan oleh Datuk Najib.

Dan keadaan ini terpulanglah kepada Pergerakan Pemuda UMNO apakah bersedia dan merestui corak identiti seperti ini dilabelkan kepada Pergerakan Pemuda UMNO atau mahukan identiti yang lebih lemah lembut serta bersikap lebih toleransi lagi.

Memilih Datuk Najib menjelang pemilihan pucuk pimpinannya nanti bererti Pemuda akan bersikap sebagai sayap yang lantang, tegas serta lebih "Jantan" sebaliknya menyingkirkan Datuk Najib dari Pemuda UMNO Malaysia adalah seperti mahu mengenenepikan model kepimpinan "Anak Jantan" dan beralih kepada sebuah platform yang lebih banyak mengang-guk dari bertanya, lebih senang bersetuju dari mem-bangkang, lebih mudah dipujuk dan didodoikan de-ngan irama dondang sayang dari menjeritkan citarasa hati yang terhimpit.

Pergerakan Pemuda UMNO memang tidak dapat dinafikan harus menjadi sebagai peluru dan penang-kis kepada Parti Melayu UMNO. Tertubuhnya Perge-rakan Pemuda adalah dalam usaha mahu memasti-kan ada benteng yang melindungi parti Melayu UMNO dari terus dicerobohi oleh mereka-mereka yang tidak senang dengan ideologi parti Melayu UM-NO. Kerana itulah Pemuda UMNO sering menjadi medan tempur antara satu isu dengan isu yang lain satu demi satu. Malahan lazimnya Pemuda UMNO sering memperolehi pandangan yang lebih buruk dari parti UMNO di kacamata parti di luar UMNO sama ada di bawah payung Barisan Nasional ataupun tidak.

Seandainya peranan ini tidak dilaksanakan oleh Pemuda UMNO maka dengan sendirinya kewujudan Pemuda sudah tidak berfungsi lagi. Malahan akan le-bih mudah lagilah mana-mana pihak yang mahu me-numbangkan UMNO.

Bagi saya selain dari barisan yang akan mewarisi kesinambungan pimpinan politik dalam menentukan untung nasib umat Melayu di masa akan datang serta menjadi kelompok "The second achelon" yang akan

menerajui negara di hari muka Pergerakan Pemuda UMNO juga adalah pancaindera terpenting buat parti UMNO.

Peranannya juga selain dari melihat dan memerhatikan gelagat pihak-pihak yang berada di luar parti UMNO, adalah juga sebagai "Penumbuk" yang kental untuk digunakan oleh UMNO jika keadaan benar-benar diperlukan serta terdesak.

Malahan Pergerakan Pemuda UMNO jugalah yang seharusnya mewarisi sifat-sifat yang wujud dalam diri pahlawan HANG JEBAT. Untuk itu terpulanglah kepada ahli Pergerakan Pemuda UMNO sendiri memikirkannya, apakah senang dengan cara Pemuda sebagai platform paling vokal atau mahu ia menjadi sebuah orkestra yang hanya berbunyi bila ada pemimpinnya dan menjadi sumbang bila tiada arahan dan ditunjuk oleh orang yang berada di hadapannya.

KEMELUT UMAT MELAYU

SATU ketika dahulu kaum Melayu telah pun dikenali sebagai antarabangsa yang paling mulia di kacamata dunia. Malahan ketika itu kehebatan Melayu terlalu sukar untuk ditandingi. Empayar kerajaan Melayu begitu kukuh serta amat disegani oleh kaum asing.

Malahan sejarah telah membuktikan hanya untuk mengambil hati Melayu maharaja dari Benua China telah sanggup menghantar puterinya untuk menjadi isteri Raja Melayu. Malahan boleh dikatakan sikap tersebut adalah seperti menjual anak untuk mencari pengaruh.

Tidak sekadar itu sahaja malahan kaum asing dari lain-lain benua termasuk Benua Arab dan India sendiri telah sanggup membelah lautan semata-mata kerana mahu berada dibawah payung keagungan umat Melayu. Siapakah yang mampu menafikan catatan sejarah ini?

Saya tidak berhasrat untuk mendedahkan keburukan Melayu dengan harapan untuk menjadikan Melayu sama Melayu bercakaran, saya juga tidak terlintas untuk menjajakan keburukan Melayu. Tetapi ma-

sanya telah tiba untuk kita menyedarkan kaum Melayu yang lain, yang tidak henti-henti bercakaran sesama sendiri.

Adalah amat malang sekali bagi kaum Melayu bila kini wujud beberapa orang pemimpinnya yang begitu gelojoh untuk mencari tempat pantas melakukan pelbagai perbuatan khianat secara melagakan antara satu sama lain.

Juga amat malang dirasakan bila kesopanan Melayu telah benar-benar tergugat. Beberapa orang pucuk pimpinan yang diserang penyakit lebih serius lagi iaitu gila kuasa telah sanggup melemparkan pelbagai tuduhan yang tidak sepatutnya dilahirkan oleh umat Melayu sendiri.

Siapa dapat menafikan bila adanya pemimpin Melayu dengan lantang menuduh pemimpin itu dan ini bersikap tidak Islam, pemimpin itu dan ini korup dan sebagainya.

Lebih mengecewakan bila mereka dengan tidak segan dan silu sanggup pula mendedahkan rahsia Melayu. Banyak rahsia peribadi telah menjadi bukan peribadi lagi. Malahan sudah ada suara-suara nakal berani menuduh pemimpin Melayu bersikap diluar peradaban kemanusiaan.

Lebih hairan lagi bila ramai pemimpin Melayu berasakan hanya dengan memperjuangkan diri sendiri terlebih dahulu barulah mereka akan memperjuangkan nasib bangsa. Ada Melayu yang tidak segan dan silu mengambil kesempatan untuk mencari kekayaan diri sendiri di saat perjuangan bangsa yang sepatutnya didahulukan.

Kadangkala kita semacam tertanya-tanya kema-
nakah sebenarnya arah perjuangan pemimpin Me-
layu? Apakah perjuangan mereka itu semata-mata
untuk mencari kuasa? Atau mungkinglah Melayu kini
lebih mementingkan diri sendiri?

Jadinya, apakah yang harus kita lakukan seka-
rang? Bagi saya tidak banyak yang perlu diusahakan
selain dari membunuh penyakit hasad dan dengki.
Kerana setelah kedua-dua penyakit ini dapat disem-
buhkan dari kaum Melayu maka permainan tohmah
dan fitnah ini pastinya akan terhenti dengan sendiri.

Ingatlah selagi penyakit fitnah, tohmah dan hasad
dengki ini tidak dapat dihapuskan, jangan mimpi kita
akan dapat mengembalikan empayar Melayu, jangan
mimpi Melayu akan terus berkuasa, lihatlah dan te-
ngoklah satu ketika nanti generasi baru pastinya akan
menyumpah para pemimpin yang ada pada hari ini ki-
ranya Melayu masih seperti yang sedia ada.

Satu ketika dahulu negara kita mengalami an-
caman dari dakyah anasir subersif yang bertujuan
untuk melihat kekacauan di negara kita. Bagi mereka
selagi umat Melayu dapat hidup aman dan damai me-
reka merasakan tidak senang duduk.

Ancaman demi ancaman dilakukan sama ada se-
cara melakukan sabotaj terhadap dasar kerajaan
ataupun mengadudombakan rakyat. Paling malang
sekali bila hati rakyat semacam dibakar supaya mem-
benci kerajaan.

Lebih menyedihkan lagi bila umat Melayu cuba di-
sogokan dengan dakyah dah fitnah dalam usaha
mahu menjadikan umat Melayu membenci kaum
asing yang berada di negara ini.

Pendek kata pada setiap detik ancaman dari anasir subersif ini yang didatangi oleh agen komunis terus menyusup ke dalam jabatan kerajaan juga di kalangan rakyat.

Pelbagai isu ditonjolkan malahan adakalanya rakyat semacam sengaja dibakar hati dan perasaan mereka supaya turut berada dalam ketakutan di samping itu tidak lagi mahu mengamalkan sebarang toleransi dengan kaum asing.

Biarpun begitu, ketekunan dan kejujuran yang wujud dihati setiap pucuk pimpinan negara menjadikan hasrat dan impian anasir subersif ini akhirnya berjaya dipadamkan oleh pihak pemerintah. Dalam tempoh yang lalu ternyata kegiatan anasir subersif ini padam dengan sendirinya.

Kesan dari tindakan sabotaj yang dilakukan oleh komplot ini sudah semakin jelas terbukti bila gagalannya projek Amanah Saham Nasional yang jika mahu ditinjau, ia tidak lain dan tidak bukan adalah merupakan salah satu usaha terpenting dalam memastikan umat Melayu dapat menikmati pencapaian taraf ekonomi yang lebih tinggi.

Di saat-saat kerajaan melancarkan skim projek Amanah Saham Nasional ini maka disaat itulah mereka ini menubuhkan beberapa buah koperasi dalam usaha memancing minat umat Melayu supaya tidak melabur dengan Amanah Saham Nasional.

Dalam kerajaan begitu berusaha dengan tekun dan gigih memberi penerangan kepada rakyat khususnya umat Melayu tentang pentingnya mereka membuka mata untuk melakukan pelaburan dalam beberapa kegiatan saham di negara ini, anggota

komplot ini semacam mahu menandingi pihak kerajaan di mana mereka pula melancarkan skim ganda wang anda.

Lebih malang lagi bila keruntuhan koperasi pengambil wang tercetus di negara ini mereka semacam bersorak dan menjadikannya sebagai isu besar untuk membuktikan kepada rakyat betapa kerajaan negara ini adalah dipimpin oleh kalangan Pemimpin Melayu yang lemah.

Banyak cakap-cakap yang memberi gambaran tentang kehebatan umat Melayu menjelang 1990. Melalui jaminan pihak pemerintah serta impian seperti yang tercatat dalam Dasar Ekonomi Baru 1990 lebih merupakan tahun keramat bagi orang Melayu melangkah sebagai umat mulai dan bermaruah.

Pendekata tahun 1990 adalah dekat yang akan menentukan betapa umat Melayu dapat berada lebih hadapan dalam sektor ekonomi serta beberapa sektor yang lainnya.

Sementara itu, ada pula pihak yang membuat andaian bahawa tahun 1990 adalah tahun malang bagi umat Melayu kerana pada tahun itulah nanti kita akan melihat dengan mata kepala sendiri terhadap kegagalan usaha dan impian orang Melayu untuk berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan kaum asing.

Ada pula ramalan mengatakan bahawa 1990 adalah tahun yang mencipta sejarah kerana waktu itu akan berlaku peralihan kuasa pucuk pimpinan antara Dr Mahathir dengan Dr Ghafar Baba serta Saudara Anwar Ibrahim.

Tidak kurang pula secara lebih berani mengatakan bahawa 1990 juga adalah tarikh berlakunya peralihan kuasa secara menyeluruh dalam menentukan kepimpinan parti Melayu UMNO sama ada akan diterajui oleh pemimpin yang sentiasa berusaha membangkitkan semangat kebangkitan Islam atau pimpinan golongan "Circular."

Pendekata, kini minat dan tumpuan umat Melayu 1990 yang ada kalanya begitu mendebarkan hati sementara ada ketikanya pula dinanti dengan penuh kesungulan.

Biar apa pun, bagi saya sekali melihat dalam samar 1990, ia lebih merupakan sebuah gambaran paling mengerikan, 1990 kadangkala saya khuatirkan bakal membawa kepada bencana yang teramat malang dalam aspek umat Melayu dan kuasa politiknya.

Paling tidak, sudah tiga kali Pergerakan Pemuda Umno Malaysia meledakan gempita suaranya dalam usaha menyatakan pendirian serta ketetapan pergerakan itu berhubung dengan beberapa isu politik semasa.

Ia bertolak dari isu PERIBUMI yang dibangkitkan oleh Pergerakan Pemuda MCA dan mendapat sokongan dari salah seorang pemimpin parti MCA Datuk Lee Kim Sai begitu juga isu Far Eastern Economics Review berhubung dengan isu penjualan Limbang serta isu Koperasi Pengambil Deposit yang dicetuskan oleh Datuk Lee Kim Sai dan yang terbaru isu bahasa.

Kesemua isu ini terus menjadi perbincangan hangat serta menarik minat ramai pengikut perkembangan politik semasa. Malahan Pergerakan Pemuda

UMNO semakin bernafsu untuk mengadakan beberapa siri demonstrasi berhubung dengan isu tersebut.

Tidak dinafikan usaha seperti itu memang baik dan amat bertepatan sekali dengan prinsip Pergerakan Pemuda UMNO yang bertindak sebagai mata dan telinga parti Melayu UMNO.

Malahan tidak keterlaluan disifatkan usaha mengadakan demonstrasi tersebut paling tidak telah dapat memperlihatkan kepada kaum bukan Melayu bahawa mereka tidak sepatutnya bertindak melulu dalam sebarang isu kerana umat Melayu masih punya barisan pemimpin yang sanggup menggadaikan jiwa dan raga mereka demi maruah bangsa Melayu.

Bagaimanapun ada suatu perkara yang harus kita fikirkan bersama dan sekadar menjadi renungan untuk seketika. Apakah Pergerakan Pemuda UMNO hanya mampu menjadi tukang caci dan tukang karut dalam lagenda Dikir Barat? Apakah fungsi Pergerakan Pemuda UMNO hanya menjadi tukang buat bising sedangkan hasilnya terlalu kabur? Lihat saja isu PERIBUMI di mana Pergerakan Pemuda terus melantunkan suaranya dengan nada penuh emosi mahukan agar pengurniaan Datuk ke atas Lee Kim Sai ditarik balik.

Tidak cukup sekadar itu sahaja, Pergerakan Pemuda mahukan MCA meminta maaf secara terbuka dan kalau pucuk pimpinannya enggan mereka mahukan agar MCA keluar dari Barisan Nasional.

Sebaliknya bila dibincangkan dalam kabinet perkara tersebut selesai begitu sahaja dan setiap resolusi Pergerakan Pemuda UMNO terhenti dan diam menyepi tanpa ada sebarang follow up.

Lantaran dari itu timbul pula pelbagai cakap-cakap kononnya Pergerakan Pemuda kini menjadi platform untuk yang kaki buat demonstrasi mencari pengaruh politik individu. Pemuda UMNO merosakkan imej UMNO dan beberapa tohmahan yang lain.

Lebih mengecewakan lagi bila sudah ada nada-nada sumbang mengatakan bahawa apa yang dilakukan oleh Pergerakan Pemuda UMNO melambangkan perangai dan sikap umat Melayu yang teramat suka kepada acara-acara pesta. Dalam lain perkataan mereka beranggapan bahawa demonstrasi yang dilakukan oleh Pemuda UMNO sebagai satu pesta, sedangkan hasilnya tidak ada langsung.

Saya kira Datuk Najib harus dan perlu mengkaji strategi Pergerakan Pemuda UMNO dalam usaha mempertahankan maruah bangsa, agama dan negara. Komando-komando yang telah dilatih oleh Pergerakan Pemuda UMNO tentu sudah cukup bersedia dan mampu bertindak. Jadi kenapa tidak kita pergunakan komando Pemuda UMNO untuk melakukan usaha yang tidak bercorak militeri tetapi lebih kepada cara perang urat saraf.

Di samping itu, sudah sampai masanya agar pemimpin umat Melayu bersikap lebih tegas dan berani. Perlu diingat, ini bumi kita, ini tanahair peninggalan datuk nenek moyang kita. Dan adalah tanggungjawab kepada seluruh pemimpin dan umat Melayu menjaga amanah mereka.

Umat Melayu tidak perlu takut untuk mempertahankan hak serta bumi pertiwi mereka. Kalaupun sampai ketahap memerlukan pengorbanan jiwa dan raga maka perlulah kita gadaikan kerana umat Melayu lebih senang menggadai nyawa mereka asalkan ma-

ruah Melayu tidak terdai.

Oleh itu para pemimpin Melayu perlu tegas, perlu insaf dan ingat bahawa maruah Melayu lebih utama dari segala-galanya.

Ketegasan pemimpin Melayu yang saya maksudkan adalah dengan tidak memikirkan sama ada kawan atau lawan, jika terbukti mereka menyeleweng dari tata karma kehidupan kita maka perlulah disingkirkan. Tidak perlu kita bersahabat dengan mereka yang tidak tahu berterima kasih.

Pemimpin Melayu mesti tegas menyatakan pendirian kita kepada semua kaum di negara ini. Kalau pemimpin Singapura boleh bertegas dan menyatakan pendirian mereka di bumi yang bukan menjadi milik mereka kenapa kita umat Melayu harus takut menyatakan suara Melayu di bumi Melayu?

Janganlah nanti anak cucu kita yang mencerca kita. Pemimpin Melayu jangan pula mudah tawar hati menerima dengan hati yang terbuka setiap telunjuk lurus sedangkan kelingking berkait. Kita perlu insaf tentang pisang yang disuapkan ke mulut kita kadangkala buntut kita diragut sembilu onak dan duri dari tangan yang menghulur.

Perhimpunan Agung parti Melayu UMNO sebenarnya masih terlalu jauh, waktu untuk menuju ke arah tarikh tersebut amat panjang lagi. Namun begitu dari gerak dan desas-desus yang semakin tersebar mulai membayangkan seolah-olah perhimpunan parti tersebut akan berlangsung minggu depan.

Perlu diingatkan bahawa pada perhimpunan yang akan datang pemilihan pucuk pimpinan parti Melayu

UMNO di peringkat Pergerakan Pemuda dan Wanita bakal diadakan, jadinya suka tidak suka sekali lagi ribut bakal melanda parti UMNO.

Biarpun begitu ada beberapa perkara-perkara yang sepatutnya menjadi renungan umat Melayu hari ini, apakah budaya lawan melawan atau tentang menentang tidak dapat dihentikan?

Apakah para pemimpin dalam parti Melayu UMNO sudah dijangkiti satu sindrom KETAGIH BERTANDING? Inilah yang menjadi persoalan pokok seluruh umat Melayu hari ini.

Dari cakap-cakap dan perbualan dikalangan pemimpin politik, jelas betapa demam 24 April masih berlanjutan meskipun ada pihak yang terus melaungkan aspek-aspek perpaduan semasa ahli UMNO.

Saya tidak bercadang untuk mengkritik mana-mana pihak dalam aspek 24 April yang baru berlalu, tetapi persoalannya sekarang sindrom ketagih bertanding ini semakin merebak di kalangan ahli-ahli UMNO.

Bila wujudnya penyakit ketagih bertanding itu tentulah bakal berlaku kritikan dan tohmahan antara satu sama lain, di samping itu pihak yang berada di luar gelanggang akan terus berkokok menyatakan itu dan ini sementara yang berada di dalam gelanggang akan melakukan apa sahaja untuk memastikan diri mereka tetap menjadi juara.

Dalam erti kata lain, puak-berpuak ini masih berterusan ada puak dari Team A sementara puak Team B pula tetap dengan caranya mencari jalan serta peluang untuk menghentam antara satu sama lain.

Kita harus sedar betapa parti Melayu UMNO sudah semakin tua oleh itu janganlah pula kita NYANYUKKAN parti yang sebegini tua. Amat malang sekali bila pelbagai isu dan sindrom ketagih bertanding ini diperluaskan kuman-kuman jangkitannya.

Siapa pun tidak dapat menafikan bagaimana keadaan di peringkat cawangan setiap tahun bila diadakan pemilihan pucuk pimpinan para pemimpinnya sering dicabar tapi sepatutnya pemilihan tersebut haruslah berlaku jika benar-benar pemimpin yang sedia ada tidak mampu untuk melaksanakan amanat ahli di peringkat cawangan itu sendiri.

Jangan kerana sindrom ketagih bertanding itu wujud disanubari mereka maka setiap tahun sesuatu cawangan itu bergolak bagai nak pecah kerana adanya pertandingan. Begitulah juga di peringkat bahagian. Setiap tempoh dua tahun sekali diadakan pemilihan pucuk pimpinan peringkat bahagian. Seandainya wujud kekosongan maka wajarlah diadakan pertandingan atau pemimpin yang sedia ada tidak mampu melaksanakan tanggungjawabnya.

Dan tidak semestinya setiap pemimpin bahagian harus dijatuhkan atau digulingkan seandainya pemimpin itu mampu melaksanakan tugas serta tanggungjawab yang telah diamanahkan kepadanya. Begitulah juga di peringkat perhubungan negeri seterusnya kepada pucuk pimpinan peringkat Majlis Tinggi UMNO Malaysia.

Berbalik kepada persoalan asal tentang Pergerakan Pemuda UMNO, kini tidak siapa dapat menafikan tentang adanya suara-suara sumbang yang mulai melaga-lagakan pucuk pimpinan tersebut.

Malahan lebih mengecewakan ahli UMNO serta umat Melayu kini adalah tentang wujud berbagai-bagai lagi dalang yang cuba bermain kayu tiga dengan meniupkan api kebangkitan semangat untuk menentang siapa sahaja yang menjadi pucuk pimpinan parti Melayu UMNO.

GARA-GARA PEMIMPIN TAMAK

SATU kes pergaduhan di tempat pembuangan sampah dalam daerah Puchong, Selangor telah tercetus di awal tahun 1987.

Biarpun pergaduhan tersebut tidaklah sampai ke peringkat berbunuh-bunuhan namun jika tidak segera dikawal maka sudah pasti ia meninggalkan satu kesan paling memalukan dalam masyarakat Melayu di Kuala Lumpur.

Punca perselisihan faham antara sekumpulan umat Melayu dengan sekumpulan umat Melayu yang lain hanyalah kerana berebutkan sampah-sarap yang dibuang oleh pihak Majlis Perbandaran Petaling Jaya.

Belum pernah terjadi dalam sejarah negara ini umat Melayu sanggup berleengan-lengan kerana berebutkan sampah. Tapi kalau orang Melayu berleengan kerana mahu mencuci sampah adalah satu kezaliman cuma untuk berebut sampah-sarap ia sudah menjadi satu perkara yang seharusnya membuka mata para pemimpin umat Melayu di era kini.

Dari siasatan yang dibuat, rupa-rupanya di Kuala

Lumpur kini terdapat begitu ramai sekali umat Melayu yang meletakkan harapan serta menjadikan punca sumber rezeki mereka daripada sampah-sarap.

Kalau di zaman sebelum merdeka dahulu tidak pernah kita lihat adanya umat Melayu yang bekerja sebagai pencuci sampah di jalan raya atau di tempat-tempat terbuka, tapi kini keadaan seperti itu telah wujud.

Dahulu pekerjaan seperti mengangkut sampah, mengangkut najis serta menjaga tandas adalah antara bidang yang amat memalukan serta dianggap paling hina tetapi kini bidang tersebut telah menjadi sebahagian besar dari profesyen umat Melayu.

Selain daripada itu, sampah-sarap yang dibuang oleh orang ramai penuh dengan bau hanyir dan busuk serta bercampur aduk dengan pelbagai kektoran kini menjadi sumber rezeki beberapa orang Melayu Kuala Lumpur.

Dari timbunan sampah-sarap itu terdapat makanan dalam tin yang sepatutnya tidak boleh dimakan, minuman yang sudah busuk serta tidak baik untuk kesihatan kini dibawa pulang oleh mereka ke rumah untuk disajikan kepada anak-anak dan isteri yang tentunya dalam kelaparan menanti makanan sebagai sajian mulut-mulut yang sentiasa meminta diisi.

Selain daripada itu kain baju buruk dan lusuh, kasut serta alat pakaian yang tidak bernilai juga dipungut dari tempat pembuangan sampah-sarap untuk dibawa pulang dan dipakaikan kepada keluarganya.

Persoalannya kenapalah semua ini boleh terjadi? Apakah para pemimpin umat Melayu yang lain tidak

terfikir untuk mencari jalan keluar bagi membantu masyarakat Melayu yang kurang bernasib baik seperti mereka ini?

Sesungguhnya ekoran dari cerita tentang pergaduhan dan perebutan sampah-sarap di kalangan beberapa orang umat Melayu di situ, timbul satu kesedaran di hati kecil kita betapa masih wujud lagi kemiskinan yang begitu daif di kalangan umat Melayu.

Di saat-saat Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia memperkatakan persoalan maruah bangsa agama dan negara, tidakkah mereka terfikir betapa ada kalanya persoalan maruah itu melupakan mereka dari melihat ke belakang tentang nasib umat Melayu yang daif dan lebih hina dari kaum lain.

Saya tidak terniat untuk mendedahkan kemiskinan umat Melayu yang sebegitu daif di kaca mata bangsa lain, tidak pula terlintas di hati kecil ini untuk membuka pekong di dada. Tapi kita perlu insaf bahawa pekong yang cuba kita sorokkan dari penglihatan orang lain telah menjadi barah yang amat berbisa dan tidak bertanggung untuk dideritai dan diselindungi.

Apa yang lebih menghairankan kita, di saat masih ada lagi umat Melayu yang berada dalam kedaifan, tapi beberapa orang pemimpin Melayu masih terus berusaha menimba kekayaan untuk diri sendiri.

Masih terdapat pemimpin Melayu yang semacam menjadikan kepentingan diri sebagai satu perjuangan hidup mereka. Kalangan mereka ini lebih senang melihat kemiskinan Melayu ditakuk lama dan mereka sibuk menimba harta kekayaan.

Terdapat beberapa orang pemimpin yang konon-

nya berjuang untuk kepentingan umat Melayu tetapi dalam diam-diam berusaha mencari kontrak dan tender untuk dialibabakan. Apabila dipersoalkan mereka dengan mudah memberi jawapan itu adalah cara perkongsian yang baik.

Pepatah sering menyatakan, jika kita tersalah langkah maka akan berlakulah "Ayam di kepek mati kelaparan, itik di air mati kehausan" bila kera di hutan disusukan maka bayi di rumah tentunya mati kelaparan.

Inikah yang kita harapkan? Inikah yang diimpikan oleh para pejuang umat Melayu yang terdahulu dari kita? Yang sanggup mengadaikan darah dan jasad mereka dalam memperjuangkan kemerdekaan?

Mungkin inikah yang kita katakan amanah yang diberikan kepada kita oleh para pejuang Melayu untuk diteruskan kepada generasi akan datang? Sepatutnya kita harus sedar betapa para pejuang negara dan bangsa di masa lalu sanggup menitikkan darah ketitisan terakhir, pengorbanan harta dan benda, air mata dan keringat terus mengalir.

Tapi apakah yang telah kita lakukan hari ini? Saya khuatir kalaulah roh-roh para pejuang kita dapat melihat tentang nasib bangsanya hari ini sudah pasti mereka akan menghamburkan sejuta kesalan kepada para pemimpin umat Melayu hari ini.

Korbankanlah sedikit, masa kita dalam usaha memikirkan apakah yang baik dilakukan untuk bangsa Melayu. Masa untuk berfikir dan hidup dalam seribu mimpi telah berakhir. Umat Melayu harus bangun segera mencari identiti bangsanya.

Semoga dengan kesedaran itu nasib, kita akan dapat menjamin betapa generasi akan datang tahu apakah sebenarnya perjuangan generasi kita yang sedia ada. Semoga Melayu tetap menjadi bangsa yang dihormati oleh kaum lain.

Banyak isu yang telah dicetuskan oleh Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia menjadi perbualan di kalangan pemerhati politik dalam dan luar negeri. Banyak juga resolusi yang telah dikeluarkan oleh pergerakan tersebut dari masa ke semasa.

Malahan kadangkala boleh dikatakan hampir setiap bulan ada sahaja isu dan persoalan yang dibangkitkan oleh sayap kanan parti Melayu UMNO sebagai melaksanakan peranannya sebagai telinga dan mata kepada tunjak pemerintahan kerajaan Barisan Nasional.

Malangnya, tanpa siapa dapat menduga hampir kesemua isu dan persoalan yang telah dibangkitkan oleh Pemuda UMNO tenggelam begitu sahaja tanpa adanya cara penyelesaian secara total dan memuaskan hati setiap ahli pergerakan tersebut.

Ada kalanya setiap keputusan itu dilaksanakan dalam keadaan tergesa-gesa serta tidak langsung dapat memperlihatkan cara kematangan berpolitik. Ini begitu jelas terbukti bila isu KPD dihentikan dan ditamatkan dalam keadaan yang tidak langsung membayangkan kematangan Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia.

Bertolak dari kegagalan penyelesaian permasalahan itu maka timbullah tandatanya di kalangan ahli pergerakan tersebut di manakah silapnya kepimpinan Pemuda hari ini? Bagaimanakah kesemua itu

boleh berlaku? Siapakah yang harus dijadikan sasaran atas kegagalan tersebut.

Sedangkan bagi parti-parti yang lain, boleh dikatakan hampir setiap isu dan tuntutan yang mereka lakukan melalui resolusi yang dicapai ia memperolehi kejayaan yang cukup mengagumkan.

Contoh paling jelas adalah dalam isu peribumi di mana meskipun mereka gagal untuk menyingkirkan keistimewaan hak sebagai peribumi di kalangan umat Melayu, tetapi mereka berjaya pula memperolehi satu jawapan dari kabinet di mana orang ramai tidak lagi boleh memanggil mereka sebagai pendatang.

Ertinya secara tidak langsung mereka memperolehi pengiktirafan sebagai rakyat negara ini sama seperti yang dikecapi oleh kaum peribumi. Dengan menggunakan isu peribumi itulah MCA serta para pemimpinnya dapat memiliki satu status yang tidak lagi bergelar sebagai kaum pendatang di negara bukan milik nenek moyang mereka.

Sesungguhnya semua ini adalah disebabkan bukannya kerana pemimpin MCA pandai bermain politik, sebaliknya parti MCA adalah lebih cekap dan bijak mengatur strategi. Dan mereka menggalur strategi bukan sekadar main hentam kromo atau sebarangan, tetapi mereka melaksanakan sesuatu mission itu dengan penuh hati-hati serta teliti.

Boleh dikatakan setiap kali mereka mahu memasang perangkap politik maka para pemimpin parti itu akan memperolehi pelbagai maklumat yang lengkap cukup dengan fakta dan figurenya "Fact and figure."

Sebelum mereka menjadikan sesuatu isu atau

persoalan secara lebih besar lagi maka pelbagai maklumat pasti akan diperolehi selengkap-lengkap-nya. Dan dalam melaksanakan tugas ini selalunya para pemimpin parti tersebut memperolehi dari para cerdik pandai antaranya ahli ekonomi, usahawan, perofessor dan ahli akademik serta pelbagai sektor rakyat makanan.

Selepas kesemua bahan-bahan rujukan ini diperolehi maka barulah mereka akan memulakan siri perang urat saraf dengan parti Melayu UMNO. Di waktu itu bila para pemimpin UMNO terutama di kalangan ahli Pergerakan Pemuda berjaya dipancing maka bermulalah perang mulut yang mencetuskan suasana tegang.

Biar dalam apa keadaan sekalipun setelah kesemua perkiraan diambil perhatian maka dalam jangka waktu yang begitu cepat sekali maka pihak kerajaan akan mengumumkan cara penyelesaian serta tindakan susulan. Inilah realitinya kenapa kelantangan dari MCA seringkali diambil kira oleh ahli jemaah kabinet.

Berbanding dengan cara perjuangan pemimpin Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia di mana mereka kadangkala lebih banyak diganggu atau dikuasai oleh pelbagai tandatanya yang mereka sendiri kurang pasti.

Lazimnya para pemimpin Pemuda akan membuat ucapan secara tergesa-gesa tanpa ada sebarang kajian. Dan akhirnya Pergerakan Pemuda sendiri akan mengalami lebih banyak kehancuran dari kalangan teman-teman di dalam Barisan Nasional.

Untuk mengatasi masalah seperti ini, saya kira sudah sampai masanya Pergerakan Pemuda UMNO

Malaysia supaya dapat menyediakan lebih banyak dan ramai lagi di kalangan mereka ini mampu untuk menyumbangkan tenaga kepada parti Melayu UMNO.

Kita harus insaf dan sedar bagaimana kerja-kerja sebagai tukang potong kertas dan keratan akhbar bukanlah kerja parti UMNO yang menjadi tunjang kepada kerajaan Barisan Nasional kerana banyak lagi tugas lain yang diperlukan oleh umat Melayu kerana setahu saya kerja potong kertas dan keratan akhbar hanya dilakukan oleh sebuah jabatan dalam jabatan-jabatan kerajaan atau syarikat swasta.

Orang Melayu ada kalanya sanggup mati kerana menegakkan maruah bangsa, agama dan negara. Umat Melayu tidak pernah takut kepada perkataan mati malahan yang seringkali wujud di hati kecil umat Melayu adalah hidup dan mati.

Dalam erti kata yang lain, umat Melayu tidak pernah memikirkan soal kematian itu sebagai satu perkara yang paling menakutkan malahan ada kalanya bagi mereka yang beriman merasakan bahawa kematian itu merupakan jodoh dari Allah S.W.T.

Begitu juga dengan perkataan sabar, umat Melayu memang sabar malahan teramat sabar. Ada kalanya kerana sabar itulah umat Melayu boleh diperalatkan oleh kaum pendatang.

Umat Melayu juga tahu mengenang budi. Umat Melayu tetap berusaha mempertahankan kesopanan dan kesusilaan. Umat Melayu adalah golongan umat yang akur kepada kata-kata serta arahan pemimpin. Siapa sahaja pemimpin yang terpilih sebagai pemimpin tetap akan dihormati oleh umat Melayu.

Ini adalah realiti. Tetapi perlu diingat, umat Melayu juga ada hari dan perasaan. Umat Melayu juga bukanlah satu kaum yang boleh dibuat ikut suka hati dan dipercakapkan sesedap kata. Kadangkala bila sampai ke tahapnya orang Melayu hilang sabar, itulah waktu yang teramat sukar untuk dilakukan sebarang usaha menyejukkan hati Melayu.

Perlu diingat, hati umat Melayu memang bersih, hati umat Melayu cukup mulia, tetapi dalam kemuliaan yang wujud itu, ada juga keburukannya dan ini terbukti bila umat Melayu merasakan apa yang telah mereka lakukan selama ini tidak dikenang, tidak diucapkan terima kasih maka waktu itulah pintu hati umat Melayu tertutup untuk memberi lagi, malahan di saat begitu ada kalanya umat Melayu merasakan jalan keluar hanyalah sebuah kematian.

Kita akur tentang kehebatan bangsa Melayu dengan budaya "kamikaze" dari Jepun. Tapi ingat, Melayu tidak sebodoh itu untuk membunuh diri tak menentu, Melayu lebih minat mengambil jalan secara "MENGAMUK" dan inilah satu-satunya perlakuan dari umat Melayu yang jika tercetus teramat sukar untuk dikawal.

Oleh itu, bagi mereka yang selama ini menumpang teduh di bumi Melayu bagi kaum pendatang yang tak pernah mengenang diuntung, bagi kaum pendatang yang cuba-cuba menjadi jaguh di bumi Melayu, saya kira lebih baik fikir seribu kali.

Kaum pendatang di bumi ini perlu tahu dan perlu sedar bahawa datang anda tidak diundang pergi anda juga tidak dilarang. Bumi Melayu bumi bertuah, tanah Melayu tanah berpusaka, umat Melayu bukanlah umat yang suka menderhaka.

Kesediaan umat Melayu bertolak ansur untuk hidup penuh harmoni dengan kaum-kaum pendatang hendaklah dijadikan asas dalam setiap tindak-tanduk yang bakal diambil. Hati umat Melayu perlulah dijaga dengan sebaik mungkin.

Namun begitu melihat dari perkembangan-perkembangan terbaru dalam kemelut politik di bumi Melayu ternyata wujud unsur-unsur yang semacam sengaja dilakukan untuk menguji sejauh mana kesabaran umat Melayu, dan saya kira ini satu perlakuan yang amat bahaya.

Lihat saja isu Peribumi, Koperasi Pengambilan Deposit dan isu Bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan. Sesungguhnya dari isu-isu yang tercetus itu sudah cukup membuktikan betapa sabarnya umat Melayu. Malahan betapa murninya umat Melayu dalam melayan tuntutan kaum pendatang.

Saya kira para pemimpin umat Melayu juga perlu sedar betapa kaum pendatang tetap dengan sikap mereka yang tidak pernah tahu berterima kasih. Dan para pemimpin umat Melayu perlu mengkaji persoalan ini dengan lebih teliti.

Dari cakap-cakap dan desas-desus di kalangan umat Melayu kini terbukti sikap sebagai umat yang teramat mudah memberi maaf kepada kaum pendatang sudah kurang dipersetujui lagi.

Malahan sudah ada tandatanya di hati kecil mereka apakah para pemimpin umat Melayu kini bertukar menjadi golongan umat yang teramat mudah memberikan kata-kata maaf biarpun pipi mereka sering ditampar oleh kaum pendatang?

Sedarlah duhai umat Melayu khususnya para pemimpin yang telah diamanahkan oleh umat Melayu betapa maruah bangsa sedang terancam. Dan kita diancam oleh mereka yang selama ini kita berikan tempat berteduh.

Mereka yang datang dengan tidak diundang, mereka yang kita sendiri tidak tahu asal-usulnya, kini sudah bersikap lebih kuli dari tuan, lebih isi dari kuah.

Insafilah Melayu, sedarlah Melayu betapa jika kita terus menjadi bangsa yang terlalu mudah memaafkan sesuatu perlakuan kurang sopan maka kita akan sentiasa dicabar.

Semoga Allah tetap menyelamatkan bumi Melayu dari dijajah oleh kaum pendatang, semoga Allah lanjutkan usia serta ketuanan Melayu di bumi Melayu.

Seorang jutawan Melayu, tiba-tiba jatuh tersungkur menjadi muflis di mana rumah dan kereta yang selama ini menjadi lambang kemewahannya tergadai. Kesenangan yang dikecapi hilang dengan begitu cepat sekali.

Seorang tua di kaki bukit mengalirkan air matanya bila melihat tanah sawahnya menjadi kering-kontang. Pepohon nyiur yang selama ini melambai indah semakin ditelan usia dan tidak lagi mampu mengeluarkan buahnya.

Petani di desa semakin tersepit bila melihat tanah milik mereka tandus dengan arus kemodenan. Dulu-nya sawah ladang menghi-jau kini telah wujud bangunan-bangunan rumah deret tersergam yang dia sendiri tahu bukan milik umat Melayu.

Nelayan di tepian sungai menghela nafas panjang-panjang bila setiap kali menarik mata pancingnya dengan tenaga yang semakin tua, tetapi diburu kehampaan bila tiada lagi ikan-ikan yang sudi membaham umpan dijoran kalinya.

Seorang jutawan Melayu, lelaki tua di kaki bukit petani dan desa dan nelayan adalah umat Melayu yang satu ketika dahulu dapat mengecap erti kemewahan dapat menikmati ranumnya sebuah kemerdekaan di bumi Melayu.

Disekitar kotaraya kosmopotitan, umat Melayu yang secara tiba-tiba mendapat penghormatan sebagai manusia setinggian, tidurnya diulit kemelut gelisah bila membayangkan jentera-jentera moden bakal meranapkan tempat mereka sekeluarga berlindung dari terik panas mentari atau hujan serta embun di kedinginan malam.

Semua ini adalah gambaran sebenar tentang kehidupan umat Melayu yang telah mencapai kemerdekaan hampir tiga puluh tahun lamanya. Mungkin diantara mereka yang sedang diburu kemelut hidup ini adalah antara para pejuang bangsa para syuhadah yang sanggup menggadaikan nyawa dan sarah mereka dalam perjuangan menuntut kemerdekaan negara dari tangan penjajah.

Mungkin juga ada antara para setinggian yang berada dalam kemelut kemiskinan kota dan resah menanti kehadiran jentera pemusnah rumah-rumah mereka terdiri daripada anak atau cucu serta cicit para pejuang kemerdekaan, para pejuang bangsa dan negara di zaman penjajahan dahulu.

Kalaulah benar seperti apa yang kita fikirkan, dan kalaulah para pejuang yang telah pergi menghadapi Illahi terlebih dahulu dari kita ekoran dari gugurnya

mereka di medan pertempuran dapat melihat apa yang telah berlaku ke atas anak cucu mereka, alangkah hampanya hati para syuhadah negara?

Alangkah kecewanya roh-roh para pejuang kita setelah mereka mengorbankan jiwa dan raga semata-mata untuk mencapai kemerdekaan akhirnya anak cucu mereka terbiar begitu sahaja tanpa pembelaan.

Sedangkan kesedian mereka berkorban jiwa dan raga di zaman penjajah dahulu adalah semata-mata kerana mahu melihat bangsa Melayu benar-benar merdeka dan dapat mengecap erti kemerdekaan.

Mereka tidak pernah termimpi untuk melihat bagaimana jutawan Melayu boleh jatuh tersepuk menjadi mufliis hanya kerana sabotaj dari kaum pendatang mereka tidak langsung terfikir bagaimana umat Melayu yang telah berjaya meraih erti sebuah kemerdekaan rupa-rupanya masih dijajah oleh kaum pendatang.

Dan paling memeranjatkan hati mereka nanti bila mengetahui bahawa generasi pahlawan Melayu yang ada pada hari ini sudah bertukar menjadi lelaki bacul. Umat Melayu yang membanggakan diri dengan semangat Tuah dan Jebat rupa-rupanya lebih garang di luar gelanggang atau lebih tepat lagi sebagai "HARI MAU KERTAS".

Aduhai malangnya nasib umat Melayu, kemerdekaan telah dikecapi, kejayaan menanti di hari muka, tapi lihatlah, tengoklah dengan mata kepala sendiri terutama di sekitar kotaraya kosmopolitan Kuala Lumpur, umat yang mana satu lebih ramai menjadi penjajah?

Kaum pendatang tinggal di rumah banglo atau villa di lereng bukit, kaum pendatang enak duduk di kerusi empuk sebuah kereta besar sedangkan yang menjadi babu atau pemandunya adalah umat Melayu, kaum pendatang membuka gedung-gedung tersergam hebat tetapi umat Melayu hanya mampu menjadi tukang kasut dikaki lima.

Kaum pendatang memiliki dan menguasai rangkaian kedai-kedai restoran berhawa dingin dengan para pelayannya siap sedia menanti pelanggan tetapi umat Melayu hanya meraih rezeki digerai-gerai terbuka.

Pintu kedai perniagaan kaum pendatang yang berhawa dingin tertutup jam 5.00 petang sedangkan kedai kopi umat Melayu terbuka hingga lewat mentari terbit di lorong-lorong kecil.

Lihatlah, saksikanlah, wang kaum pendatang terkumpul di bank-bank di luar negeri sedangkan wang umat Melayu disonglapkan atau dirompak dengan cara paling halus.

Padanglah seketika dan menungkan untuk sementara waktu, bila loji-loji dan kilang-kilang milik kaum pendatang terbina dengan begitu megahnya dan mereka mengaut keuntungan berlipat ganda. Kilang-kilang milik kaum pendatang menjadi kilang ternama sedangkan umat Melayu lebih banyak membuka kilang kicap dan kilang belacan.

Perhatikanlah dengan penuh hati-hati, lihatlah dengan keinsafan, hati mana yang dapat menahan sebak bila mendengar sergahan dan herdik kaum pendatang ke atas Umat Melayu. Dan ini benar-benar terjadi di bumi bernama Tanah Melayu.

Persolaannya? Kenapa semua ini boleh tercetus?

Kenapa persoalan seperti ini tidak dapat diatasi? Bagi saya umat Melayu yang harus menjawabnya. Selagi sikap Melayu masih mahu bertuankan kepada kaum pendatang, selagi umat Melayu masih bersikap suka mengampu dan mementingkan diri sendiri maka selagi itulah Melayu akan jadi umat yang memang suka diherdik oleh kaum pendatang.

Seringkali kita terdengar sungutan dan desas-desus tentang pertanyaan pertanyaan yang lahir dari mulut umat Melayu "Sampai bilakah kita harus menggadaikan maruah bangsa Melayu?" dan bagi saya jawapannya teramat mudah "Selagi Melayu masih suka mengampu selagi Melayu tak sayangkan bangsanya selagi Melayu berhati syaitan, selagi Melayu TAK SEDARKAN DIRI, maka selagi itulah maruah Melayu terus digadaikan oleh orang Melayu sendiri."

Pemuda Melayu hari ini mesti tegas, mesti berani untuk memegang kata-kata hikmat laksamana Hang Jebat "BERPATAH SAYAP BERTONGKAT PARUH NAMUN KUDAKI, KUDAKI JUGA". Falsafah "MEMBUJUR LALU MELINTANG PATAH" mesti terus kekal tertanam di hati sanubari umat Melayu terutama pemuda-pemuda Melayu.

Semoga satu ketika nanti umat Melayu akan dapat membebaskan diri mereka dari belenggu penjajah di bumi merdeka, semoga Melayu segera insaf dari keterlanjuran yang mencampakkan umat Melayu ke lembah kehinaan.

Entah malang apakah yang menimpa bumi Melayu kita sendiri tidak dapat mengetahuinya, sial siapakah membawa petaka masih belum terjawab hingga ke saat ini, petaka manakah datang melanda juga ter-

amat sukar untuk diperkatakan.

Namun yang pasti dan teramat jelas kini, sejak mencapai kemerdekaan bumi Melayu tidak pernah sunyi dengan persoalan dan petikaian. Bumi Melayu tidak mampu menjadikan dirinya sebagai bumi bertuah dengan rakyat hidup penuh harmonis.

Bumi Melayu juga kadangkala kelihatan bagaikan menyimpan api dalam sekam. Soal gunting dalam lipatan bukan perkara baru, persoalan telunjuk lurus kelingking berkait menjadi semacam lumrah tapi ke-hormonian sejagat masih menjadi tanda tanya.

Pantang apakah yang telah terlanggar, sumpah siapakah punya angkara maka sengketa politik di bumi Melayu tidak dapat ditenangkan. Sengketa politik di bumi Melayu terkadang ia kelihatan bagai bahang lahar gunung berapi menanti waktu untuk meledak keluar dan memusnahkan bumi bertuah ini.

Sebetulnya inilah gambaran yang semakin jelas kelihatan di kaca mata pemerhati politik sama ada di peringkat dalam mahupun luar negeri. Adakalanya tercetus sedikit kebimbangan apakah pertikaian sesuatu isu itu dapat diatasi dengan sebaik mungkin? Apakah para pucuk pimpinan negara mampu berte-rusan mematikan satu demi satu api perkauman yang dicetuskan oleh ahli-ahli politik sekerat tiang macam pemimpin dari parti DAP, MCA dan MIC?

Bukti telah semakin jelas betapa ceteknya perhitungan politik beberapa orang pemimpin parti bagi kaum pendatang di negara ini. Bertolak dengan isu peribumi membawa kepada cabaran terhadap Raja-raja Melayu dan kini bahasa Melayu menjadi pertikaian paling hebat.

Belum pun reda kemarahan umat Melayu terhadap kaum pendatang berhubung dengan isu peribumi di-kendurkan sepenuhnya, belumpun reda bengang di kepala umat Melayu terhadap isi koperasi, masih segar lagi dalam fikiran umat Melayu tragedi malang bila Sultan Melayu telah diminta tutup mulut oleh kaum pendatang, kini wujud pula isu baru.

Isu yang jika kurang diberi perhatian, jika tidak di-bendung dengan penuh teliti, isu yang seandainya terus dimanipulasi oleh pemimpin politik sekerat tiang yang hanya mementingkan persoalan politik peribadi semata-mata maka negara bakal mengalami satu kejutan perkauman.

Dan seandainya ini tidak dapat diselesaikan dengan cara terhormat maka amat dikhuatiri bumi Melayu sekali lagi bergolak, bumi Melayu akan menjadi panas dengan bahang-bahang politik.

Persoalannya sekarang, kenapakah mulut kaum-kaum pendatang kini semakin lantang bersuara meminta hak mereka di bumi Merdeka? Apakah selama ini umat Melayu tidak pernah melayan tuntutan mereka? Apakah dengan mempertikaikan bahasa Melayu akan menjadikan masaaalah perkauman dapat diatasi?

Bagi saya persoalan ini amat mudah untuk diperhentikan, pertama sekali sebagai manusia yang punya akal dan fikiran waras suka atau tidak suka kita harus menerima hakikat bahawa bumi ini adalah bumi Melayu. Dan Penduduk yang BUKAN MELAYU adalah PENDATANG.

Kehadiran kaum pendatang jika dilihat dari catatan tinta sejarah bukan diundang atau dijemput, sebaliknya kesucian budi serta hati murni umat Melayu ha-

rus dijadikan satu sempadan dan teladan.

Setelah keluhuran hati MELAYU membenarkan kaum pendatang tinggal di bumi MELAYU maka dengan ketinggian budi, umat Melayu mulai menganggap bahawa kaum pendatang adalah saudara yang diberikan peluang untuk tinggal di bumi Melayu. Pertalian persaudaraan antara umat Melayu yang sepatutnya kekal sebagai ketuanan di bumi ini dengan kaum pendatang diasaskan atas ketinggian budi UMAT MELAYU. (Belajarlah untuk berterima kasih dengan orang yang berbudi...)

Adakah wajar dan dapat diterima oleh akal sekiranya kaum pendatang mahu menyatakan bahawa mereka mahu kekal dengan adat dan kebudayaan masing-masing.

Cerita tentang pertikaian bahasa Melayu ini kadangkala seperti legenda seekor itik yang menumpang teduh di reban ayam. Malahan lebih tepat lagi seperti cerita bangau dengan anjing.

Tidak terfikirakah oleh para pemimpin kaum pendatang betapa perumpamaan Melayu berkali-kali menekankan "masuk kandang kambing mengembeklah, masuk kandang lembu atau kerbau harus menguak". Kalau nak jelas lagi "datang ke bumi Melayu ikutlah cara Melayu, jangan nak memandai di negeri orang". Atau lebih tepat lagi kenapa tidak dihayati lagu "Anak dagang di negeri orang, pandai-pandai menjaga diri..."

Sepatutnya kaum pendatang hari ini harus bersyukur dengan apa yang ada di bumi Melayu. Orang Melayu tak pernah merampas harta kekayaan mereka, orang Melayu tidak terlintas untuk menindas kaum

pendatang, orang Melayu langsung tidak terfikir untuk menghalau mereka keluar dari bumi Melayu. Malahan lebih dari itu, umat Melayu kadangkala lebih bersabar dari kaum pendatang.

Pemimpin Melayu sendiri saya kira janganlah melihat persoalan ini sebagai satu perkara yang remeh-temeh, pertikaian bahasa Melayu haruslah dihentikan segera. Pucuk pimpinan juga perlu mengambil langkah tegas dan segera.

Apa yang paling kita khuatirkan hanya kerana kepentingan politik pihak-pihak tertentu maka sesuatu isu itu akan terus mendalamkan lagi jurang perbezaan kaum di negara ini malahan lebih tepat lagi, andai perkauman yang selama ini menjadi idaman anasir subversif akan semakin terserlah dan ini meletakkan keamanan negara berada dalam keadaan tergugat.

Untuk itu, umat Melayu hari ini harus sedar bahawa kita berada di bumi merdeka yang seringkali diancam oleh permainan politik kotor kaum pendatang.

Malahan kita juga kadangkala semacam sengaja mahu dihipit dengan pelbagai permasalahan sebagai usaha untuk memperlihatkan betapa lemahnya umat Melayu.

Untuk itu bulatkanlah tenaga umat Melayu, satukan buah fikiran dan marilah kita sama-sama pertahankan kedaulatan bangsa, maruah dan bahasa Melayu di bumi Melayu.

Peliharalah bumi Melayu ini sebaik mungkin, jauhilah ia dari ancaman kaum pendatang yang adakala-

nya lupa untuk mengucapkan kata-kata terima kasih. Semoga umat Melayu terus kukuh dalam ikatan perpaduan yang jitu dan semoga BUMI MELAYU TETAP MENJADI MILIK UMAT MELAYU.

Sesekali menoleh kehidupan dan nasib umat Melayu menjelang tiga puluh tahun kemerdekaan yang tercapai timbul pelbagai persoalan di hati kecil kita yang kadangkala meletakkan keresahan memanjang.

Persoalan-persoalan sebegini kadangkala merupakan igauan tidur yang amat meresahkan. Malahan terkadang ia menjadi semacam satu mimpi hitam yang tidak pernah terencana dalam kehidupan.

Ada kalanya kita bertanya apakah selama tiga puluh tahun mencapai kemerdekaan dari tangan penjajah maka umat Melayu di bumi Melayu benar-benar merdeka? Apakah kenikmatan yang dikecapi oleh umat Melayu setelah belengu penjajah terurai?

Malahan persoalan yang lebih ketara lagi sering menjadi tanda tanya adalah tentang siapakah sebenarnya yang merdeka. Adakah umat Melayu atau kaum pendatang?

Siapakah antara kita yang dapat memperjelaskan persoalan ini setelah kaum pendatang dengan begitu lantang bersuara menuntut itu dan ini? Siapakah antara kita mampu menyatakan bahawa umat Melayu benar-benar merdeka di tanahairnya sendiri setelah masih terdapat umat Melayu yang dipanggil sebagai penduduk haram di tanah kerajaan ataupun swasta?

Lihat dan perhatikan gelagat yang sedia ada sekarang. Apakah umat Melayu yang merdeka atau kaum pendatang? Bagi saya kadang-kala kemerdekaan

yang telah dicapai oleh negara setelah sebegitu ramai pejuang-pejuang Melayu terkorban malahan menggadaikan nyawa, darah dan air mata, kaum pendatang pula yang memperlihatkan belangnya.

Setelah bumi Melayu mampu menghalau kaum penjajah, kini kita semacam cuba pula dijajah oleh kaum pendatang dengan pelbagai taktik kotor yang kita sendiri tidak menyedarinya.

Dengan berlandaskan kepada hak asasi manusia, dengan alasan kononnya mereka telah menjadi rakyat di bumi Melayu setelah kerakyatan mereka diluluskan maka muncul juara-juara dari kaum pendatang yang sanggup mencabar Sultan Melayu, sudah ada kaum pendatang yang berani mempersoalkan siapa kita sebagai umat Melayu dan hak kita sebagai peribumi.

Lebih mengecewakan lagi bila ada antara mereka sudah berani dengan begitu lantang mengadakan ugutan kononnya mereka tidak akan sama-sama dengan kita dalam memimpin teraju negara jika permintaan mereka tidak dipenuhi.

Tidak cukup sekadar itu sahaja, mereka sudah berani pula meminta agar umat Melayu menghormati bahasa serta budaya yang mereka bawa entah dari mana datangnya. Bila permintaan mereka tidak dipenuhi maka ugutan serta pelbagai tindakan dirancang dengan penuh teliti.

Berlandaskan kepada prinsip demokrasi serta melalui lanas-lanas perundangan sudah ada beberapa orang pemimpin dari kaum pendatang yang berani mengheret umat Melayu ke mahkamah melalui isu bahasa dan sebagainya.

Di sinilah persoalan apakah kita benar-benar merdeka tercetus. Di sini jugalah kita tertanya-tanya apakah kaum Melayu yang benar-benar menikmati erti kemerdekaan atau kaum pendatang yang tak pernah berterima kasih itu yang mengecapinya dengan sepuas-puas hati mereka.

Terfikirakah oleh umat Melayu betapa setelah tiga puluh tahun umat Melayu mencapai kemerdekaan masih ramai umat Melayu menjadi buruan kerana kesalahan membina rumah di tanah kerajaan dan mereka digelar sebagai penduduk haram. Masih ramai peniaga-peniaga Melayu yang cuba membuka perniagaan secara kecil-kecilan terpaksa pula berhempas pulas menghadapi tindakan dari para pegawai Melayu yang akan menangkap mereka.

Apakah kita dapat menafikan betapa setelah merdeka masih banyak lagi umat Melayu yang telah disabotaj oleh kaum pendatang sehinggakan peluang mereka untuk hidup sedikit selesa telah terbantut?

Setelah melihat keadaan seperti itu kadangkala kita merasakan bahawa kemerdekaan yang kita laung-laungkan selama ini tidak lebih dari satu irama dendangan untuk melenakan umat Melayu.

Bagi saya, sudah sampai masanya umat Melayu berfikir secara lebih rasional, di samping mengkaji semula erti kemerdekaan dengan lebih mendalam. Janganlah hanya kerana kita juga dapat mengecapi sedikit kebebasan berpolitik maka kita harus terus menjerit bahawa kita telah merdeka.

Umat Melayu sebenarnya masih belum lagi mencapai kemerdekaan secara total. Selagi masih ramai lagi umat Melayu yang terjebak dalam penagihan da-

dah, selagi masih ramai lagi umat Melayu yang terpaksa bergantung kepada subsidi serta pinjaman bank, selagi masih ramai umat Melayu menjadi pengemis yang menagih simpati maka selagi itulah kemerdekaan belum menjadi milik Melayu secara total.

Malahan selagi bahasa Melayu terus dipertikaikan sebagai bahasa Kebangsaan, selagi bahasa Melayu tidak didaulatkan oleh seluruh rakyat di bumi Melayu. Selagi agama Islam masih terus dipersoalkan sebagai agama rasmi malahan selagi hak umat Melayu sebagai kaum peribumi di negara ini dipertikaikan maka ini membawa pengertian secara jelas bahawa Melayu masih belum merdeka di bumi Melayu.

Perlu diingat selagi ekonomi umat Melayu masih ditakuk lama, selagi umat Melayu gagal mencapai lebih tiga puluh peratus di sektor ekonomi, selagi kaum petani di kampung-kampung serta nelayan hidup kais pagi makan pagi maka selagi itulah erti kemerdekaan di bumi Melayu tidak membawa apa-apa keistimewaannya.

Para pemimpin Melayu harus segera menyedarkan diri mereka. Para pemimpin Melayu yang telah berjaya mengecap dan menikmati erti kemerdekaan di bumi Melayu hendaklah segera insaf dan berusaha mempertingkatkan lagi taraf kehidupan serta perjuangan umat Melayu.

Tidak ada gunanya kita mendabik dada kononnya negara kita telah merdeka kalau bangsa Melayu masih boleh diperkotak katikkan oleh kaum pendatang.

Bumi umat Melayu terus hangat dengan pelbagai kejadian dan kenyataan. Pemimpin umat Melayu pula

semakin lantang bersuara demi mempertahankan hak dan maruah bangsa mereka yang semakin dicabar dan diancam oleh pihak tertentu.

Kenyataan terbaru dari Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Razak supaya semua pihak mengendurkan perkaatan dan perbuatan berbau perkauman sewajarnya dihormati oleh semua pihak.

Sebagai seorang pemimpin, tentunya kata-kata tersebut dilafazkan oleh beliau dengan penuh keikhlasan. Sebagai seorang umat Melayu tentunya Datuk Seri Najib mengungkapkannya dengan penuh kesedaran memandangkan kata-kata yang sensitif boleh membakarkan kembali perpaduan kaum dan serentak itu tragedi yang lebih dahsyat boleh berlaku.

Bagaimanapun, entah celaka apa yang menyerbu ke bumi Melayu ini. Entah malang apa yang menimpakan segalanya hingga menyebabkan kata-kata dari tokoh UMNO tersebut dianggap sepi oleh pihak tertentu. Segalanya amat jelas menunjukkan kepada kita bahawa kaum tertentu di negara ini memang sengaja menempah nahas dengan perbuatan ucapan dan kenyataan sumbang sejak akhir-akhir ini.

Sejarah telah membuktikan betapa umat Melayu di negara ini terlalu menuruti semangat perjanjian 1957. Dan sejarah juga telah membuktikan betapa baiknya orang Melayu hingga sanggup memberikan ruang perteduhan kepada kaum asing di negaranya sendiri. Dan sejarah juga membuktikan bahawa umat Melayu tidak pernah merungut sebelum ini walaupun kekayaan ekonomi buminya diambil oleh orang asing dengan pelbagai caranya.

Namun bila ada pemimpin Melayu yang tiba-tiba menjadi wira moden dan menyuarakan garis sempadannya, maka pemimpin MIC pula melatah kononnya pemimpin Melayu tidak menurut perjanjian kemerdekaan dulu.

Apakah adil bila tuan rumah dikatakan bertindak melampau dan perkauman sedangkan orang yang menumpang di rumahnya pula menunjukkan dasar Belanda meminta tanah. Apakah wajar tuan rumah berterusan menahan keringat resah sedangkan penumpangnya lebih banyak membuang dan melonggokkan kekotoran?

Bagaimanapun kenyataan dari Datuk Seri Najib Tun Razak itu sewajarnya diperhatikan dengan teliti oleh kita semua. Kalau kita sayangkan bumi Melayu ini, tolonglah hindarkan perbuatan yang boleh menyentuh hati dan perasaan orang lain. Kalau kita cintakan bumi Melayu ini, wajarnya bertindak pada garis panduan yang bermoral dan bukannya mengadakan ucapan demi ucapan, kenyataan demi kenyataan, perarakan demi perarakan hingga menyebabkan bumi Melayu ini seakan digegarkan oleh ledakan gunung berapi.

Pejuang Sastera Islam Syed Qutb mengakhiri hayatnya di tali gantung semata-mata kerana mahu mempertahankan maruah serta nasib bangsanya serta umat Islam di benua Arab.

Para sahabat Rasulullah seringkali menitisikan air mata bila mereka terpaksa menghabiskan usia mereka di atas katil dan tidak berpeluang untuk menjadi pejuang yang mati syahid.

Dan Ma'al Hijrah yang kita rayakan dua tiga bulan lalu telah pun memberi satu kesedaran di hati kecil supaya penghijrahan sikap dapat dicetuskan.

Meskipun baginda Rasulullah pernah bersabda yang bermaksud "Tidak ada lagi peristiwa hijrah selepasku". Namun sabda junjungan itu haruslah dilihat dari aspek kerohanian dan bukannya tahniah.

Memang kita tidak menafikan tentang penghijrahan yang dilakukan oleh Baginda Rasulullah dari Kota Mekah ke Madinah tidak mungkin akan berulang tetapi sempena Ma'al Hijrah yang baru lalu paling tidak kita harus mencontohi penghijrahan Baginda Rasulullah.

Seandainya Baginda Rasulullah bersama-sama dengan para sahabatnya sanggup meninggalkan kemewahan dan kesenangan di Kota Mekah dan berhijrah ke Madinah, maka kenapa kita tidak sanggup meninggalkan kemewahan di rumah dan kita bangun berjuang.

Tidak juga kita nafikan bahawa jihad atau berjuang bukanlah hanya dengan mengangkat senjata, malah dalam jihad juga tidak tercatat bahawa ia hanyalah semata-mata melalui kekerasan serta pembunuhan.

Sebaliknya jihad atau perjuangan yang paling murni adalah untuk menegakkan kebenaran tidak secara paksa. Dan dalam konteks inilah maka kita harus berfikir secara rasional serta matang.

Sesungguhnya dihadapan umat Melayu kini telah wujud duri serta ranjau-ranjau berbisa yang sekadar menanti waktu untuk meratah kita. Lihatlah bagaimana keagungan serta kedaulatan Baginda Sultan Selangor seperti sengaja mahu diperkecil-kecilkan.

Sudah ada kaum yang menumpang di negara ini mahu menyeret Baginda Sultan Selangor ke mahkamah hanya kerana ketegasan baginda untuk tidak mengampunkan mana-mana pengedar najis dadah yang telah dijatuhkan hukuman mati oleh mahkamah.

Dengan tercetusnya insiden ini secara tidak langsung maruah Melayu telah tercabar. Malahan seluruh umat Melayu yang berpayung di bawah kuasa raja-raja kini dicabar oleh manusia bukan Melayu.

Perlakuan seperti itu adalah menghina adat resam negara Melayu. Perbuatan menyeret Raja Melayu adalah sama dengan apa yang pernah dilakukan oleh penjajah satu ketika dahulu, apakah umat Melayu boleh tersenyum dan melihat sahaja perlakuan sumbang seperti itu?

Di manakah hilangnya adat budaya Melayu? Jangan persoalkan itu kalau sudah ada umat bukan Melayu yang menjadi penumpang telah sanggup menampar pipi umat Melayu.

Lebih menyedihkan lagi bila ada juga pemimpin bukan Melayu yang masih mahu mengagungkan sistem serta budaya penjajah. Para pelajar yang bersih dan suci dari aspek percaturan politik telah dihasut supaya turut melibatkan diri.

Usaha suci para pentadbir universiti telah disergah serta diancam dengan perlakuan kurang sopan oleh

pemimpin-pemimpin bukan Melayu. Hanya kerana kita mahu menukarkan budaya barat yang memakai jubah dan bertopi kepada jubah dan songkok maka kaum asing sudah sanggup menyinggung perasaan umat Melayu. Malahan lebih mengecewakan lagi bila penentangan terhadap usaha pihak pentadbir universiti tersebut telah dijadikan isu besar dan mengancam dengan perlbagai tindak-tanduk kurang sihat.

Bertolak dari itulah saya kira sudah sampai masanya umat Melayu yang tentunya beragama Islam memikirkan apakah sempena Ma'al Hijrah itu tidak boleh dijadikan sebagai titik permulaan untuk kita sama-sama berhijrah dari dunia serba membenarkan orang asing bermaharajalela di negara sendiri atau kita bangun berjuang menentang perlakuan itu.

Dan perjuangan kita bukanlah dengan mengangkat senjata tetapi menggunakan landasan demokrasi. Oleh itu sudah sampai masanya umat Melayu bangun menentang sebarang tindak-tanduk yang mahu memperkecilkan kuasa umat Melayu di bumi Melayu.

Para pemimpin kita yang mempunyai kuasa saya kira seharusnya segera bertindak ke atas mereka yang cuba memecahbelahkan rakyat. Undang-undang serta perlembagaan negara telah ada. Ayuh laksanakan secepat mungkin.

Malahan sudah jelas tercatat bahawa sesiapa sahaja yang cuba mempertikaikan kuasa Raja-raja Melayu maka mereka boleh didakwa di bawah Akta Hasutan dan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) seharusnya diambil ke atas para pengkhianat negara.

Tidak perlu kita takut kepada kuasa politik kaum pembangkang kuasa yang ada di tangan kita harus

segera digunakan untuk menutup mulut kaum pelampau dan kaum pendatang yang cuba membuat onar di bumi Melayu.

Sementara itu sesiapa sahaja yang mahu mempersoalkan tentang bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, agama Islam sebagai agama rasmi, hak keistimewaan orang-orang Melayu hendaklah segera disumbat ke dalam.

Masanya sudah sampai untuk pemimpin Melayu berjihad menentang mereka yang cuba membuat onar dan mengeruhkan perpaduan kaum yang telah terjalin sekian lama. Dan ingatlah bahawa semua ini lebih merupakan jihad.

Umat Melayu juga sepatutnya segera berhijrah daripada seorang umat yang takut kepada kaum asing segera dilemparkan jauh-jauh dari terus bersarang di sanubari.

Janganlah sekali-kali kerana takutkan kehilangan harta kekayaan maka kita sanggup menggadaikan maruah bangsa, agama dan negara. Janganlah kerana khuatir kemewahan yang dimiliki bakal lenyap jika kita bertindak ke atas kaum pelampau maka kita merelakan kaum pendatang bersikap seperti beraja di hati bersultan di mata.

Semoga Melayu akan terus menjadi umat yang berdaulat dan merdeka.

Perkembangan politik di bumi merdeka kini mulai memperlihatkan beberapa keresahan yang adakala-

nya menjadi sebahagian dari keluhan umat Melayu. Dari cakap-cakap kedai kopi membawalah kepada sembang kosong diruang legar hotel-hotel terkemuka, rata-rata yang pasti persoalan demi persoalan ditimbulkan.

Ada pihak terus-terusan mengecam kerajaan kerana gagal membasmi masalah kemiskinan umat Melayu. Menurut dakwaan mereka, jumlah dan ratio bagi kemiskinan di kalangan umat Melayu semakin teruk berbanding dengan zaman pra merdeka dahulu.

Lebih menyedihkan lagi timbul dakwaan kononnya jika sesuatu tidak dilakukan dengan segera maka menjelang tempoh sepuluh tahun lagi, umat Melayu adalah umat yang paling ramai menjadi kaum muflis.

Selain daripada itu, menurut mereka akan terceuslah suasana itik di kolam mati kehausan, ayam di kepuk mati kelaparan. Situasi seperti ini telah menjadi asam garam malahan asas persoalan pokok dalam setiap sesi cakap atau sembang-sembang kedai kopi.

Sementara itu ada pulas pihak yang lain membuat andaian bahawa kuasa Melayu yang ada masa kini akan menjadi semakin pupus. Malahan umat Melayu dalam tempoh dua puluh tahun lagi bakal mengalami hakisan kuasa (*Erosion of power*).

Kalau hari ini yang sering kita dengar adalah laungan serta jeritan dari kaum bukan Melayu betapa mereka kononnya kini mengalami hakisan hak di atas bumi merdeka. Namun sesuatu yang malang bagi umat Melayu nanti bila perkara seperti ini berlaku ke

atas diri umat Melayu itu sendiri.

Persoalan hakisan hak dan kuasa adalah sesuatu yang serius dan memerlukan perhatian. Malahan seandainya perkara ini dipandang sepi dan kita merelakan "EVOLUSI" merencanakan hakisan hak dan kuasa umat Melayu maka adalah sesuatu yang malang bagi umat Melayu di bumi merdeka.

Bukan hanya persoalan kemiskinan atau hakisan kuasa dan hak sahaja menjadi buaian menuju ke arah resah yang berpanjangan, malahan lebih dari itu termasuklah perkara yang menyentuh tentang perlakuan sesetengah umat Melayu yang bersikap seperti kaduk naik junjung.

Dalam persoalan ini mereka mulai membangkitkan tentang pegawai-pegawai tinggi kerajaan yang lebih mendewakan bahasa bukan Melayu sewaktu bertutur dengan umat Melayu.

Kepincangan dan pelbagai skandal turut menjadi topik yang sering diperbualkan. Lantaran itu maka terfikirlah di hati kecil kita betapa sesungguhnya umat Melayu hari ini bagaikan berada di suatu dimensi yang tidak menentu.

Umat Melayu kini semacam diletakkan di tengah Padang Pasir Sahara. Umat Melayu hari ini semacam debu-debu yang berterbangan serta tidak tahu sampai ke manakah dirinya mampu diterbangkan oleh puing-puing angin antara sepoi bahasa dan taufan maha panas.

Paling ketara sekali, umat Melayu hari ini sesungguhnya amat bingung dengan percaturan serta per-

kembangan politik di bumi merdeka. Dalam persoalan ini siapakah yang harus dipersalahkan? Apakah pucuk pimpinan yang semestinya memikul beban maha berat ini?

Apakah kakitangan kerajaan atau rakyat marhaen yang selama ini begitu akur untuk memberikan mandat kepada para pemimpin umat Melayu supaya dapat membimbing dan membawa mereka ke satu arah atau destinasi yang penuh dengan kejayaan.

Apabila mempersoalkan perkara ini maka saya kira amat perlu kita mengkaji secara lebih mendalam tentang sikap dan perlakuan umat Melayu itu sendiri.

Dalam persoalan ini terlebih dahulu saya permohonan maaf seandainya perkara yang saya sentuh agak menyinggung sebahagian daripada umat Melayu. Tapi suka atau tidak perkara seperti ini harus didedahkan untuk perhatian seluruh umat Melayu.

Bagi saya yang harus dipersalahkan dalam apa sahaja perkara yang tercetus dalam konteks umat Melayu di bumi merdeka adalah sikap dan perangai umat Melayu itu sendiri.

Kita sendiri tidak dapat memikirkan sampai bilakah tiga perangai atau sikap yang seperti ini dapat dikikis dari terus bersemadi di dalam arus pemikiran dan sikap umat Melayu.

Ketiga-tiga sikap itu adalah HASAD DENGKI, KHIANAT dan MALAS. Inilah racun dari segala-gala racun yang sedang menimpa terus-terusan di kalangan umat Melayu dan menjadikan mereka sebagai umat yang bakal mengalami hakisan hak dan kuasa.

Lebih mengecewakan lagi bila dari ketiga-tiga sifat tersebut telah ditambah pula dengan sikap "BERLAGAK atau RIAK". Umat Melayu lebih ramai yang suka berlagak. Kalau pendapatan hanya sekadar cukup makan maka mereka akan cuba menunjuk-nunjuk kononnya merekalah orang yang paling beruntung memperolehi gaji yang besar.

Kalau kerjanya cuma sekadar pembantu kepada seorang menteri maka mereka akan bersikap lebih dari menteri kuasa mereka. Tidak cukup setakat itu kalau baru saja naik pangkat menjadi pegawai di jabatan kerajaan maka lagaknya Tuhan sahaja yang tahu.

Bercakap tentang tiga sikap seperti yang telah saya perkatakan tadi antara ancaman utama kini adalah ancaman dari sikap HASAD dan DENGKI. Umat Melayu sanggup membunuh sesama sendiri kerana tidak mampu menahan dari serangan hasad dan dengki.

Kalau sahabatnya mempunyai sedikit kemewahan maka perasaan hasad dan dengki mulai mengganggu fikiran mereka. Waktu itu kalau boleh mereka mahu biarlah sahabatnya itu cepat jatuh atau lingkup. Mereka hanya akan berpuas hati bila melihat sahabat yang beruntung itu menjadi papa kedana seperti mereka juga.

Dalam konteks percaturan politik pula, umat Melayu seperti ini lebih ramai lagi. Kalau seseorang itu punya kebolehan untuk memimpin maka mereka yang mempunyai hasad dan dengki ini mulailah tidak senang hati. Siang malam yang hanya difikirkan adalah bagaimanakah caranya untuk menjatuhkan pemimpin itu.

Setelah pemimpin tersebut berjaya jatuh tersungkur maka mereka akan berusaha pula menjatuhkan orang lain. Dan begitulah rutinnya setiap hari dan ketika bila perasaan hasad dan dengki ini telah menyerang seseorang, maka buat baik macam mana pun pemimpin itu, namun yang pasti buruk juga dijadikan perbualan.

Tidak puas dengan perasaan hasad dengki yang mereka miliki itu, umat Melayu juga tidak mampu menahan serangan nafsu perasaan khianat. Dan ini juga merupakan satu-satunya anai-anai yang bakal meruntuhkan benteng ketahanan kuasa umat Melayu di bumi merdeka.

Persoalan khianat ini terlalu banyak dan luas untuk diistilahkan tetapi saya kira kalau saya katakan masih ramai lagi umat Melayu yang menjadi pengkhianat kepada bangsa, agama dan negaranya.

Lihat sahaja setengah pemimpin umat Melayu sama ada yang terdahulu atau yang ada, kadangkala hanya kerana mahu menyenangkan keluarga serta diri sendiri mereka sanggup mengkhianati perjuangan bangsanya.

Kerana takut kehilangan rakan kongsi perniagaan, kerana takut hilang kawan, kerana takut hilang nikmat di kelab-kelab eksklusif maka mereka ini sanggup mengkhianati perjuangan bangsanya.

Umat Melayu pula, hanya kerana mahu cepat senang dan hidup kaya-raya maka sebidang tanah yang sepatutnya menjadi amanah pusaka turun-temurun sanggup digadai atau dijualkan kepada kaum bukan Melayu. Kerana mahu memperolehi sedikit habuan, masih terdapat umat Melayu yang menjual rahsia

para pejuang umat Melayu.

Malahan kerana kepentingan dirilah maka umat Melayu sanggup mengkhianati perjuangan bangsanya. Inilah persoalan pokok yang sebetulnya masih belum selesai. Bagi saya perbuatan khianat di kalangan umat Melayu masih ada, kalau tidak masakan tercetus peristiwa Ali dan Baba yang akhirnya menyebabkan sebuah masjid sanggup dirobohkan oleh umat Melayu sendiri.

Tempoh berakhirnya DASAR EKONOMI BARU semakin hampir menjengah umat Melayu, pejam celik, pejam celik dalam jangkamasa dua tahun sahaja lagi maka berakhirilah tempoh dasar yang dicetuskan oleh pucuk pimpinan Melayu ekoran peristiwa berdarah serta tragedi hitam 13 Mei 1969.

Tidak siapa dapat menafikan betapa peristiwa tersebut tercetus adalah berlandaskan kepada tiga faktor. Pertama usaha serta gerakan sulit dari anasir subversif yang memang tidak berhenti-henti berusaha mahu melihat bumi merdeka ini bermandikan darah rakyat marhaen.

Anasir subversif yang memang tidak pernah senang melihat kita hidup aman damai dengan semangat setiakawan di bumi merdeka terus berusaha meniupkan pelbagai keresahan serta kegelisahan di kalangan rakyat, akhirnya hingga tercetus peristiwa hitam yang tidak mungkin dapat kita lupakan.

Faktor kedua adalah disebabkan oleh perlakuan serta tindak-tanduk pemimpin kaum terutama pucuk pimpinan parti pembangkang yang terus meniupkan api perkauman serta permusuhan antara tiga kaum utama di negara ini.

Pucuk pimpinan parti pembangkang dengan lan-
tang mencerca umat Melayu dan pemimpin Melayu
pula merasakan diri mereka tercabar maka akhirnya
membawa kepada sengketa kaum dan berkesu-
dahan dengan ramai yang terkorban.

Sementara faktor ketiga adalah wujudnya jurang
perbezaan di sektor ekonomi antara satu kaum de-
ngan kaum yang lain. Umat Melayu yang menjadi
peribumi dan begitu setia terhadap ketahanan
bangsa merasakan diri mereka bagai itik mati di air
dan ayam mati di kepuk, bagaikan begitu kecewa de-
ngan keadaan seperti itu lantas tercetuslah satu, ba-
hang api permusuhan antara kaum.

Kerana merasakan diri mereka tertindas di bumi
sendiri, merasakan kemerdekaan yang diperolehi ti-
dak memberi apa-apa pengertian kepada umat Me-
layu serta ditiupkan pula oleh anasir subversif de-
ngan semangat perkauman yang begitu tebal akhir-
nya terjadilah sesuatu yang tidak pernah terfikir oleh
rakyat di bumi merdeka.

Bertolak dari kesedaran itulah maka pucuk pim-
pinan negara ketika itu akhirnya mengambil kepu-
tusan untuk berusaha mengurangkan jurang atau
LOMPANG perbezaan kekayaan ekonomi antara
kaum.

Lantaran dari itu tercetuslah apa yang dikatakan
sebagai Dasar Ekonomi Baru. Dan perlu diingat be-
tapa DEB adalah dipersetujui oleh para pemimpin se-
luruh kaum. Malahan mereka amat mengalu-alukan
langkah tersebut.

Dengan tercetusnya Dasar Ekonomi Baru maka
semangat perpaduan terus ditiupkan lantaran dari itu

wujudlah persefahaman yang begitu harmoni di kalangan rakyat berbilang kaum.

Boleh dikatakan banyak syarikat-syarikat serta logi perusahaan didirikan secara perkongsian antara kaum. Kedai-kedai dan pusat perniagaan juga begitu pesat membangun.

Tetapi malangnya, tanpa kita sedari secara perlahan-lahan hasrat yang suci dan murni dari pemimpin negara telah dihancurkan oleh beberapa orang pemimpin di kalangan umat Melayu.

Dasar Ekonomi Baru yang diwujudkan untuk membangunkan ekonomi umat Melayu telah dijadikan saham terbaik untuk orang-orang ternama mengumpulkan harta. Akhirnya terdapatlah begitu ramai orang-orang ternama yang bergelar bumiputera kelas pertama mengaut kekayaan demi kekayaan.

Para pegawai kerajaan pula yang terdiri daripada umat Melayu turut mengambil bahagian dalam menghancurkan Dasar Ekonomi Baru bila mereka sanggup melibatkan diri dalam kegiatan rasuah.

Dengan bermodalkan seorang gadis bertubuh montok, paha yang gebu serta senyuman menawan pegawai-pegawai yang berketurunan Melayu tetapi tidak berhati Melayu sanggup menggadaikan harapan bangsanya. Kontrak-kontrak yang sepatutnya diberikan kepada umat Melayu dikebas serta dialibabakan.

Malahan ramai juga pegawai-pegawai tinggi kerajaan serta di syarikat swasta menanggung di air ke-ruh. Dalam tempoh tiga tahun menjawat jawatan, pegawai kerajaan yang bergaji sekitar satu atau dua ribu

mampu membeli rumah banglow berharga mewah, berkereta mewah dan menghantar anak ke luar negeri di samping melancong setiap tahun ke luar negeri.

Penyelewengan begitu berleluasa berlaku. Peluang rakyat marhaen telah dikebas oleh mereka dan akhirnya semakin tinggi tahap ekonomi negara mencapai kejayaan maka semakin lebarlah LOMPANG atau jurang perbezaan kekayaan antara si kaya dan si miskin di bumi merdeka.

Pegawai kerajaan yang terlibat dengan kegiatan rasuah serta korup ini terus menimba kekayaan, dan belum sempat tamat tempoh perkhidmatan, mereka telah mengambil keputusan untuk berhenti konon mahu menjalankan perniagaan, sebaliknya kerana mereka mulai takut kalau-kalau rahsia mereka terbongkar.

Sementara itu bagi mereka yang baru dinaikkan pangkat terus berusaha untuk menjadi cepat kaya setelah melihat boss yang terdahulu darinya mampu memiliki rumah batu mewah, memiliki kereta mewah dan menyimpan dua atau tiga perempuan simpanan. Lebih hebat lagi berulang alik antara kota London dan Los Angles setiap tahun. Tapi untuk singgah di kota suci Mekah masih terlalu muda.

Akibatnya, Dasar Ekonomi Baru yang diharapkan dapat terus menjadi benteng yang teguh ke arah perpaduan kaum di bumi tercinta ini mulai retak dan menanti kehancuran.

Kegagalan Dasar Ekonomi Baru ini sesungguhnya telah dihancurkan oleh para pemimpin umat Melayu yang bersikap korup dan tamak haloba. Mereka inilah

yang telah merampas hak rakyat malahan mereka inilah yang sepatutnya segera disiasat oleh pihak Biro Pencegah Rasuah.

Sesuatu yang paling dikhuatiri kini adalah tentang tragedi hitam 13 Mei mungkin berulang seandainya keretakan dalam Dasar Ekonomi Baru tidak segera diperbaiki.

Ini disebabkan masih terlalu ramai umat Melayu yang merasakan bahawa mereka masih miskin dan tidak menikmati erti kemerdekaan akibat dari penyelewengan dan sikap rasuah sesetengah pegawai kerajaan. Lantaran itu prasangka buruk mereka teramat mudah untuk dipancing.

Dan kini kalau kita lihat api perkauman yang ditiup oleh para pemimpin kaum sudah sampai ke tahap paling membahayakan. Malahan pemimpin parti pembangkang begitu beria-ia benar untuk melihat jurang perkauman ini tercetus malahan boleh dikatakan setiap hari ada sahaja isu perkauman yang telah ditiupkan oleh mereka.

Sementara itu anasir subversif yang masih ada saki bakinya terus memainkan peranan mereka dalam mewujudkan keresahan di kalangan rakyat. Lihat saja peristiwa pembakaran lima buah masjid dan menconteng tulisan jawi di negeri Pahang Darulmakmur.

Kita perlu insaf dan segera menyedari hakikat betapa kalau sepuluh tahun dahulu pengganas serta anasir subversif bergiat di tengah hutan belantara, tetapi kini anasir subversif dan pengganas komunis juga berada di tengah-tengah kelompok kota dengan bertali leher serta memakai 'bush jacket'

Di kampung-kampung juga mereka turut berusaha menyesuaikan diri di samping itu terus menghasut rakyat untuk bangun menentang kerajaan. Akibatnya dapat kita lihat beberapa peristiwa seperti yang berlaku di Ipoh dalam perbicaraan pusat pembuangan nuklear.

Lihatlah bagaimana isu tol yang diprotes serta dilakukan oleh rakyat di mana tol Senai Pasir Gudang telah dicerobohi. Begitu juga dengan aspek pertelingkahan tanah di Kedah, peristiwa pencolekan banduan di penjara serta lebih ketara lagi dengan berleluasanya penagihan dadah.

Dalam erti kata yang lain saya kira umat Melayu perlu insaf betapa kita sesungguhnya sedang berada di tengah gelombang percaturan anasir subversif. Oleh itu berhati-hatilah dalam setiap langkah dan tindak-tanduk kita.

Semoga bumi Melayu terlepas dari peristiwa bermandikan darah, semoga umat Melayu terus berada dalam kebahagiaan di bumi merdeka dan semoga pegawai Melayu insaf tentang nasib bangsanya.

Ada orang berkata, generasi akan datang pasti bakal menyumpah dan mengecam generasi hari ini akibat dari kelalaian dan kealpaan mereka untuk memastikan nasib generasi Melayu di masa-masa akan datang.

Malahan ada pula yang sanggup menyatakan betapa generasi Melayu akan datang juga pasti menangi dan meratapi kesengsaraan hasil dari kealpaan para pemimpin-pemimpin umat Melayu hari ini dalam usaha untuk kembali menebus maruah yang semakin tergadai.

Lebih dari itu ada pula cakap-cakap yang membayangkan betapa generasi Melayu satu ketika nanti akan diibaratkan seperti pepatah Aminuddin Baki, "Itik di kolam mati kehausan, ayam di kepuk mati kelaparan".

Rata-rata dari setiap perbualan dan perdebatan berhubung dengan nasib umat Melayu selepas tahun 1990 ia menampakkan keresahan di kalangan sebahagian besar umat Melayu terhadap nasib bangsanya di masa akan datang.

Persoalan inilah yang seharusnya menjadi perbincangan kita kali ini dan saya tidak berhasrat untuk mengheret saudara pembaca ke alam fantasi yang membayangkan segala-galanya indah belaka.

Ini disebabkan dalam prinsip hidup, kita harus memegang kata-kata betapa "Setiap imaginasi dan khayalan itu selalunya indah sedangkan realitinya teramat pahit untuk ditelan."

Berbalik kepada persoalan Melayu selepas abad 2000 saya merasakan bahawa pelbagai fenomena telah wujud, malahan dari beberapa buktinya yang terpapar di hadapan kita memanglah tidak siapa dapat menafikan betapa umat Melayu satu ketika nanti bakal menjadi bangsa paling minoriti di negara sendiri dan jika tidak disedari serta diinsafi dari sekarang maka nasib umat Melayu satu ketika nanti tidak ubah seperti bangsa India Merah di bumi Amerika.

Saya suka memaparkan kepada anda betapa bumi Amerika satu ketika dahulu adalah milik rakyat India Merah. Atau dalam bahasa koboinya dipanggil "Red Indian". Namun begitu selepas beberapa kaum pendatang dari benua Eropah masuk ke bumi tersebut

sedikit demi sedikit tercetus hakisan hak di kalangan rakyat India Merah.

Melalui keganasan serta putar-belit politik akhirnya seluruh negara Amerika kini dikuasai oleh bangsa Eropah yang berkulit putih serta percakapan dalam Bahasa Inggeris.

Jika kita melihat filem-filem yang dibuat oleh pihak Inggeris di Amerika, paling tidak dalam setiap buah filem itu diperlihatkan gambaran tentang keganasan kaum India Merah ini dalam usaha mereka merebut tanahair mereka sendiri.

Dan di akhir filem tersebut secara halus jarum-jarum pengaruh betapa mereka itu benar digambarkan dengan jelas bagaimana pemimpin India Merah selalunya menemui maut di hujung senjata orang-orang Amerika berketurunan Inggeris.

Selepas itu saya ingin menarik perhatian pembaca berhubung dengan keadaan yang berlaku di Kampuchea serta Vietnam. Sebelum perang Amerika-Vietnam dan pergolakan kuasa-kuasa besar di bumi tersebut telah berlaku penghijrahan rakyat dari Tanah Besar China.

Mereka berhijrah dari Tanah Besar China dengan membawa seribu harapan untuk menimba kekayaan. Dan ternyata dari catatan sejarahnya sedikit demi sedikit kekayaan yang wujud di bumi Vietnam akhirnya mampu mereka miliki secara total.

Malahan jika kita membaca laporan akhbar di sepanjang peristiwa pelarian Vietnam ke negara ini, ternyata betapa hampir sembilan puluh sembilan peratus pelarian tersebut terdiri dari rakyat Vietnam berketurunan dari Tanah Besar China.

Keseluruhan mereka ini juga adalah merupa rakyat Vietnam yang hidup senang-lenang membuka pelbagai perusahaan dan perniagaan serta memiliki harta berjuta-juta ringgit sewaktu bumi Vietnam berada dalam keadaan damai dan tenteram.

Malangnya bila berlaku kekacauan dan bumi Vietnam bertukar menjadi medan pertempuran, akhirnya rakyat peribumi Vietnam terpaksa menghadapi realiti hidup mereka sebagai bumi yang sentiasa bergolak sementara para pelarian yang berketurunan dari Tanah Besar China mulai meninggalkan Vietnam sedikit demi sedikit.

Dalam konteks ini saya kira umat Melayu di bumi Melayu harus menyedari hakikat ini. Apa yang berlaku di Amerika sepatutnya menjadi teladan dan pengajaran maha besar untuk difikirkan serta menjadi renungan bersama.

Sebenarnya apa yang berlaku di bumi Melayu hari ini tidak banyak berbeza dengan keadaan di Amerika. Umat Melayu hari ini sedikit demi sedikit mulai ketandusan hak dan keistimewaan sebagai anak watan yang bergelar BUMIPUTERA.

Lihat sajalah tuntutan-tuntutan yang dilakukan oleh kaum asing yang berjaya memperolehi kerakyatan di bumi Melayu. Hanya dengan berlandaskan kepada undang-undang yang digubal mereka mulai mendesak untuk mendapatkan itu dan ini.

Pelbagai tuntutan dilakukan, malahan boleh dikatakan hampir setiap tuntutan itu paling tidak dua atau tiga perkara dapat mereka perolehi. Kini mereka mahu mengawal kuasa politik di bumi Melayu, malahan mereka sedang merancang untuk mencari

pengaruh demi pengaruh dalam usaha menstabilkan kuasa mereka.

Perkara ini harus dilihat dan disedari dengan segera. Sesungguhnya umat Melayu kini benar-benar terancam dengan putar-belit kaum asing yang cuba menafikan hak umat Melayu di bumi Melayu.

Begitu juga apa yang berlaku di Vietnam mungkin tidak ada banyak bezanya dengan negara ini sekiranya tercetus pergolakan serta angkara buruk di bumi Melayu.

Buktinya telah jelas di hadapan kita dan saya kira para pegawai serta pentadbiran di Jabatan Imigresen pasti dapat memperlihatkan bukti kerana hingga saat ini, pemegang pasport antarabangsa yang teramai sekarang adalah kaum asing yang menumpang di bumi Melayu.

Apakah impian sebenar yang ada di hati kecil setiap pemegang pasport antarabangsa yang terdiri daripada kaum asing? Lebih mengecewakan lagi bila mereka begitu berlumba-lumba menyimpan wang mereka di dalam bank-bank luar negeri.

Jika kita renung dan halusi setiap perlakuan itu saya kira ia tentulah banyak berlandaskan kepada pengajaran serta pengalaman yang dialami oleh rakyat Vietnam.

Saya tidak mahu menuduh, tetapi jelasnya kaum asing di bumi ini masih belum mampu memperlihatkan keyakinan mereka serta kesetiaan mereka di bumi ini.

Kadangkala bila ada pemimpin bukan Melayu yang

melaungkan slogan bahawa mereka ingin hidup dan mati di bumi ini, saya kira ia tidak lebih sebagai umpan manis di hujung bibir sedangkan di sebalik kata-kata itu mereka hanya melafazkan kata-kata, "Berikanlah sedikit kesempatan untuk kami mengaut keuntungan di bumi Melayu sebelum kami pergi".

Oleh itu, sedarlah duhai pemimpin Melayu, yang pasti hidup dan mati dalam apa juga keadaan di bumi Melayu ini adalah umat Melayu. Tidak ada bangsa lain yang bersedia untuk hidup dan mati dengan bumi Melayu kerana sejarah telah membuktikan siapakah pejuang kemerdekaan negara? Siapakah yang menghilangkan diri bila Vietnam di serang petaka perang?

Jadinya, pemimpin umat Melayu harus kembali bersatu-padu, dan marilah kita dayungkan bahtera kita dengan tekad dan semangat bahawa di dalam bahtera kita telah ada cukup penumpang yang seka-dar mahu meneguk kemewahan dan kenikmatan.

Lebih malang lagi telah ada juga kaum asing yang mahu menjadikan bumi Melayu seperti nasib Amerika. Oleh itu berhati-hati lah dengan tindak-tanduk pihak-pihak tertentu dalam mengadu-dombakan kita. Di samping itu insafilah bahawa bumi Melayu kini sedang menanti waktu untuk dicanai oleh mereka yang tak pernah tahu berterima kasih kepada umat Melayu. Semoga Allah sentiasa menyelamatkan bumi Melayu.

BAHTERA DI LAUTAN PERJUANGAN

SESUATU yang harus diingat oleh setiap ahli UMNO adalah tentang realiti Parti Melayu UMNO itu sendiri yang kini masih dalam pelayaran tanpa tepi untuk menuju ke suatu destinasi yang kita sendiri sedar matlamatnya.

Namun begitu melihat pelayaran bernama Politik UMNO ini saya kira generasi hari ini perlu juga melihat catatan sejarah perjuangannya kerana tanpa mempelajari sejarah maka seseorang itu akan terperangkap dengan andaian dan imiginasi tidak menentu.

Hidup yang buta sejarah adalah bagaikan pelaut kehilangan kompas, hidup tanpa sejarah juga menjadikan kita seperti si buta kehilangan tongkat. Untuk itu saya kira amat wajar kita meneliti catatan sejarah Parti UMNO di mana rencana ini pernah tersiar sebanyak dua keluaran dalam akhbar WATAN terbitan Kumpulan Karangkrif Sdn. Bhd., pada bulan Oktober 1987 yang lalu.

Dan amat jelas sekali betapa kewujudan Parti Melayu UMNO ini adalah merupakan cetusan kese-

darang di kalangan pemimpin nasionalis Melayu yang sedang berada dalam kemelut penjajahan di mana mereka juga merupakan perwakilan jiwa-jiwa yang teramat rindukan sebuah kemerdekaan.

Lahirnya UMNO adalah hasil dari percantuman pertubuhan-pertubuhan Melayu dengan pelbagai aliran falsafah dan pendapat tetapi bersetuju mengambil tindakan bersama untuk survival bangsa Melayu. Berhadapan dengan rancangan Malayan Union yang dibawa oleh British selepas Perang Dunia Yang Kedua, pertubuhan-pertubuhan ini dengan sukarelanya membubar diri masing-masing demi membuka jalan kepada sebuah parti politik yang ulung sebagai pernyataan hasrat semua golongan dan lapisan masyarakat Melayu bagi memperjuangkan hak-hak mereka.

Di bawah rancangan British dasar pro-Melayu sebelum perang akan dirombak sekaligus, dan orang-orang Melayu sebagai penduduk asal negara ini terpaksa bersaing dengan orang-orang mendatang, iaitu suatu kejadian yang tidak diduga sama sekali oleh mereka kerana sepanjang penjajahan British mereka diberi perlindungan dari ancaman golongan-golongan tadi di samping jaminan bahawa ini adalah negeri Melayu yang diperintah bagi pihak Raja-Raja Melayu. Bermakna kepada merekalah negeri ini nanti diserahkan apabila penjajah berundur.

Rancangan Malayan Union yang dipaksakan ke atas mereka tanpa sebarang rundingan adalah amat menggemparkan. Jika sebelum ini orang-orang Melayu berpecah-pecah dengan pelbagai sentimen kenegerian dan pandangan yang sempit, sekarang mereka yang mula melihat realiti di depan mereka, telah bangkit menentang rancangan itu. Kebangkitan

ini merupakan reaksi yang spontan dengan orang-orang Melayu bersatu hati dan tenaga agar kedudukan mereka terpelihara. Penubuhan UMNO pada 11hb. Mei 1946, dengan Datuk Onn bin Jaafar sebagai pemimpinnya yang pertama dapat dikatakan sebagai mengelak orang-orang Melayu di Tanah Melayu dari tenggelam di bawah satu perkembangan politik dan ekonomi yang begitu deras dan menguntungkan golongan-golongan lain yang lebih maju.

Nasionalisme Melayu sebelumnya agak malap kerana wujudnya penduduk berbilang kaum sebagai faktor penghalang, penekanan oleh penjajah secara terang atau halus, tendensi masyarakat Melayu untuk berpecah-belah mengikut negeri, latarbelakang sosial atau pendidikan yang berlainan, ketiadaan kesadaran politik yang meluas serta terdapat kemakmuran ekonomi yang membolehkan kehidupan sederhana kepada sebilangan besar rakyat. Lagi pula, orang-orang Melayu sungguhpun sedar akan ancaman dari golongan-golongan mendatang, mereka dianggap dalam perjalanan sementara dan tidak difikir akan turut mewarisi negeri ini pada suatu masa kelak.

Semangat kebangsaan Melayu yang baru meletus secara meluas itu perlu untuk menjaga keutuhan masyarakat yang sejak beberapa lama merupakan penduduk 'indigenous' (asal) kepada kawasan ini dan telah mempunyai sistem pemerintahannya sendiri walaupun berlainan dengan ciri-ciri pemerintahan moden. Seluruh penentuan hidup di negara ini sekarang ada hubungan langsung atau tidak langsung dengan nasionalisme Melayu. Kalau orang-orang Melayu menjadi teras negara dan UMNO teras politik, adalah suatu keadaan yang tidak dapat dielak memandangkan kepada sejarah dan hak asal orang-orang Melayu.

Tetapi nasionalisme ini bukan suatu yang sempit kerana telah diperluaskan untuk merangkumi lain-lain kaum demi perpaduan dan kestabilan negara. Di peringkat awal pergerakan ke arah kemerdekaan adalah disedari tidak mungkin bagi sesuatu kaum memaksakan politiknya dan menolak kenyataan hadirnya kaum-kaum lain yang juga berhak untuk menyertai dalam politik negara. Usaha-usaha dibuat bagi mengeratkan kerjasama antara kaum-kaum sehingga tertubuhnya Perikatan UMNO-MCA pada awal 1952 bila kedua-dua parti ini bertanding dalam pilihanraya Perbandaran Kuala Lumpur. Hasil dari kerjasama itu, kemenangan telah diperolehi oleh kedua-duanya dan ini membawa kepada kerjasama yang lebih jauh menjelang kemerdekaan.

Pada tahun 1955 bagi menghadapi pilihanraya umum yang pertama, Perikatan UMNO-MCA-MIC telah diwujudkan sebagai lambang permuafakatan dan kerjasama yang rapat antara kaum-kaum. Dengan pimpinan Tunku Abdul Rahman Putra, kemenangannya yang cemerlang telah diperolehi. Maka jelaslah kepada pihak penjajah bahawa kaum-kaum di Tanah Melayu adalah bersatu hati dan boleh merdeka.

Sebelum tercapainya kemerdekaan pada tahun 1957, beberapa perkara pokok telah diperbincangkan antara pemimpin-pemimpin kaum dalam UMNO, MCA dan MIC yang mengtakrifkan kedudukan dan hak setiap kaum dalam perlembagaan negara. Keutamaan yang diberi kepada orang-orang Melayu dalam beberapa hal adalah juga memperakui hak-hak bangsa lain yang telah menetap dan lahir di sini. Kaum-kaum bukan Melayu dibolehkan bergerak dengan lebih luas kerana taraf kewarganegaraan yang diberi kepada mereka. Manakala orang-orang Me-

layu diberi hak-hak istimewa untuk membolehkan penyertaan ekonomi dan pelajaran secara lebih berkesan. Bahasa Melayu diterima sebagai Bahasa Kebangsaan dan asas kepada Dasar Pelajaran Kebangsaan dan Islam dijadikan agama rasmi negara.

Dengan persetujuan atas perkara-perkara ini maka dapatlah kaum-kaum bersatupadu bagi mencapai kemerdekaan dan seterusnya berusaha membina negara. Permuafakatan ini berjalan terus sehingga menjelang pilihanraya tahun 1969 apabila asas-asas yang telah dipersetujui itu digugat oleh kalangan-kalangan tertentu membawa kepada perghaduan kaum. Selepas tarikh ini, kerjasama antara kaum dipereratkan semula dengan hak-hak setiap kaum itu tidak boleh dipersoalkan lagi di bawah perlembagaan negara yang baru dipinda. Langkah-langkah lain juga diambil bagi menyatukan rakyat dari semua kaum dan satu pemerintahan yang bersama.

Dari konsep Perikatan yang mengandungi tiga buah parti mewakili tiga kaum berlainan membawa kepada konsep Barisan Nasional yang lahir pada tahun 1974, mengandungi beberapa buah parti mewakili pelbagai golongan dan kaum dalam Malaysia. Parti-parti ini bersetuju menjalankan satu program minimum untuk kemajuan dan kepentingan negara walaupun terpaksa mengenepikan setengah-setengah kepentingan parti-parti yang berkenaan itu sendiri.

TUJUAN DAN MATLAMAT

Sejak tertubuhnya UMNO sampai ke masa sekarang, tujuan dan matlamatnya tinggal sama walaupun terdapat pindaan-pindaan kecil dalam perlembagaannya bagi membentuk ayat atau menerangkan makna secara lebih jelas. Tujuan-tujuan ini yang ter-

kandung dalam Fasal 3 Perlembagaan UMNO, adalah seperti berikut:-

- Memelihara dan mempertahankan kemerdekaan, kedaulatan dan keperibadian Malaysia.
- Mendukung Perlembagaan Malaysia, perlembagaan-perlembagaan negeri dan mempertahankan prinsip-prinsip yang terkandung di dalamnya, terutama mengenai agama rasmi (Islam), kedaulatan Raja-Raja Melayu, Bahasa Kebangsaan (bahasa Melayu), hak-hak asasi dan hak-hak istimewa orang-orang Melayu dan Bumiputera
- Berusaha mempertahankan, menegak dan mengembangkan Islam agama rasmi negara dan membenarkan kebebasan beragama.
- Berikhtiar bagi mengawal, memelihara dan mengamalkan asas-asas pemerintahan demokrasi.
- Berusaha untuk melahirkan satu bangsa yang kuat dan bersatu.
- Menjalankan segala rupa ikhtiar bagi kemajuan ekonomi dan kebajikan ahli-ahli, rakyat Melayu dan Bumiputera khususnya dan rakyat Malaysia amnya.
- Berusaha bagi mewujudkan kebudayaan kebangsaan yang berteraskan kebudayaan Melayu.

Berdasarkan tujuan-tujuan ini, ahli-ahli UMNO dapat besatu dalam pertubuhan ini walau apapun kecenderungan peribadi atau perbezaan-perbezaan pendapat antara mereka. Bersatu dalam erti menerima tujuan-tujuan ini sebagai landasan untuk perjuangan bersama. Pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli UMNO tidak lari dari tujuan ini kerana ia telah dicituskan oleh ahli-ahli ramai dan merupakan pegangan orang-orang Melayu. Dari itu ahli-ahli ramailah yang berhak menukarkannya jika perlu.

STRUKTUR DAN ORGANISASI

Sesuai dengan sifatnya yang demokratik, kuasa parti terletak pada ahli-ahli ramai yang menyatakan pendapat atau menyampaikan kehendak mereka melalui Persidangan Cawangan (bagi cawangan), Mesyuarat Perwakilan (bagi bahagian) dan Perhimpunan Agung (bagi peringkat pusat).

Kuasa yang tertinggi ialah pada Perhimpunan Agung yang diadakan setiap tahun dengan mengandungi wakil-wakil dari bahagian-bahagian yang dipilih dalam Mesyuarat Perwakilan. Perhimpunan Agung membincangkan dasar-dasar parti dalam semua bidang kemajuan yang telah dicapai dan langkah-langkah lain yang boleh diambil bagi memperbaiki dasar dan cara perjalanan parti. Bagi melaksanakan program-program parti, tiap-tiap tiga tahun sekali ia memilih satu teras pimpinan berdasarkan undi popular. Pada pimpinan ini yang dipanggil Majlis Tertinggi, terletak kejayaan dan kemajuan parti seluruhnya.

Majlis Tertinggi adalah berkuasa membentuk dasar-dasar politik, ekonomi, pelajaran, kebudayaan dan kebajikan masyarakat untuk dibentangkan dalam Perhimpunan Agung dan mendapat kelulusan ahli-ahli perwakilan sebelum dijalankan sebagai dasar parti. Selaku badan yang tertinggi, majlis ini adalah bertanggungjawab mengawasi kerajaan supaya melaksanakan dasar-dasar parti.

Ia juga mengawal, mengelola dan memutuskan sebarang perkara mengenai pemilihan calon-calon parti bagi memasuki pilihanraya-pilihanraya dan ahli menentukan orang-orang yang akan mewakili parti dalam sebarang kumpulan atau majlis mesyuarat dan sebagainya.

Di peringkat negeri terdapat satu Badan Perhubungan yang tugasnya terhad kepada erti kata 'perhubungan' iaitu menjadi badan perantaraan antara bahagian-bahagian dengan pusat. Tidak dibentuk jawatankuasa-jawatankuasa negeri dengan mempunyai kuasa yang penuh, kerana difikirkan pentadbiran parti peringkat negeri perlu terkawal. Badan-badan Perhubungan yang dibentuk sekarang mesti mendapat pengiktiraf terlebih dahulu oleh Majlis Tertinggi, Ketua dan Timbalan Ketuaanya dilantik oleh Presiden parti setelah berunding dengan ahli-ahli Majlis Tertinggi.

Selainnya, Badan Perhubungan mempunyai tugas penting dalam mengatur dan mempersesuaikan perjalanan bahagian-bahagian dan cawangan-cawangan dalam sesebuah negeri. Ini memerlukan pengawasan setiap masa ke atas bahagian-bahagian dan cawangan-cawangan supaya bergerak selalu dan patuh kepada kehendak-kehendak parti. Dengan demikian Badan Perhubungan walaupun bercorak 'perhubungan' sahaja, mempunyai tugas-tugas penting dalam tiap-tiap negeri.

Di bawah Badan Perhubungan terdapat bahagian-bahagian yang ditubuhkan di tiap-tiap kawasan pilihanraya Parlimen. Sekarang ini terdapat 114 bahagian UMNO di seluruh Semenanjung. Sebuah bahagian yang ditubuhkan hendaklah mendapat persetujuan Majlis Tertinggi dan mengandungi sekurang-kurangnya 500 orang ahli yang telah membayar yuran mereka.

Perjalanan bahagian terletak di bawah Mesyuarat Perwakilan Bahagian yang diadakan tiap-tiap tahun. Antara tugas-tugas perwakilan bahagian ini ialah

membincangkan dasar-dasar parti untuk dikemukakan dalam Perhimpunan Agung, mengkaji kerja-kerja yang telah dibuat oleh jawatankuasa bahagian dan mencadangkan apa-apa rancangan yang patut dibuat pada masa akan datang. Di waktu ketiadaan perwakilan, jawatankuasa bahagian adalah bertanggungjawab mentadbirkan parti di peringkat tersebut.

Cawangan adalah unit yang paling kecil dan terendah dalam parti. Ia merupakan akar umbi yang memberi kekuatan kepada parti. Hari ini terdapat lebih 8,000 cawangan UMNO berselerak di seluruh Semenanjung, hingga tiada kampung atau pekan yang tidak diwakilinya. Jawatankuasa cawangan dipilih setiap tahun untuk menguruskan hal-hal parti dan berhubung dengan rakyat. Jawatankuasa ini dikehendaki menjalankan perintah-perintah dari peringkat-peringkat yang lebih tinggi, melatih ahli-ahli supaya setia kepada parti dan dasar perjuangannya, menyemai perasaan persaudaraan dan menggalakkan bantuan sesama sendiri di kalangan ahli-ahli.

KEAHLIAN DAN TANGGUNGJAWAB

Sebagai sebuah parti bercorak massa, perjalanan UMNO dan seluruh kekuatannya bergantung kepada keahlian, iaitu kepada seramai-ramai orang untuk memasuki UMNO. Ini lanjutan dari sifat UMNO sendiri yang telah lahir atas desakan rakyat bawahan. Keahliannya adalah suatu yang terbuka, dan tidak *selective* dalam erti memilih orang-orang dengan kelayakan tertentu untuk dilatih sebagai kader. Asalkan orang Melayu atau Bumiputera yang berumur 16 tahun ke atas, ia boleh menjadi ahli tanpa mengira kedudukannya. Dari segi ini UMNO adalah lebih demokratik dari setengah-setengah parti yang menerima ahli-ahli mengikut cara-cara yang ketat

Ia boleh dianggap *selective* hanya kerana menghadkan keahliannya kepada orang-orang Melayu dan Bumiputera, selaras dengan kedudukan politik masa sekarang. Keahliannya pada tahun yang terakhir (1984) sudah melebihi angka 1,000,000 dalam jumlah penduduk orang-orang Melayu yang lebih 7 juta di Semenanjung, yang menjadi ahli terdiri dari pelbagai latarbelakang, dari golongan-golongan atasan, profesional dan teknokrat kepada kakitangan-kakitangan rendah kerajaan, peniaga-peniaga kecil, buruh dan penduduk kampung sebagai majoriti.

Setiap orang yang menjadi ahli UMNO dikehendaki membayar satu jumlah wang, iaitu sekarang ini satu ringgit pada satu tahun sebagai yuran. Yuran yang kecil ini lebih penting sebagai simbol sokongan seseorang terhadap perjuangan parti, tetapi tidak cukup untuk membiayai seluruh kegiatan-kegiatan parti. Bagi kelancaran pentadbiran parti dan kejayaan aktiviti-aktivitinya, parti mencari sumber-sumber lain seperti derma dan ikhtiar perniagaan dan sebagainya yang boleh menambahkan pendapatan.

DISIPLIN

Kekuatan sesebuah parti, selain daripada mengandungi ahli-ahli yang sanggup melaksanakan matlamat perjuangan, adalah bergantung kepada tatatertib yang diamalkan oleh ahli-ahli. Ahli-ahli yang sentiasa engkar terhadap kehendak-kehendak parti atau melakukan tindakan-tindakan yang boleh memburukkan imej parti, menyebabkan parti menjadi lemah. Dengan sebab itu parti memandangkan berat terhadap keadaan disiplinnya. Beberapa garis telah dimuatkan dalam perlembagaan UMNO untuk tujuan ini.

Antaranya ialah semua ahli-ahli hendaklah cinta-kan parti dengan mematuhi perlembagaan parti, dan pada umumnya memelihara nama baik parti. Ahli-ahli yang melanggar disiplin parti akan diberi amaran atau digantung haknya dalam parti ataupun dipecat. Badan Perhubungan, bahagian dan cawangan adalah berhak melaporkan kegiatan ahli-ahli yang didapati melanggar disiplin parti kepada Jawatankuasa Disiplin untuk tindakan yang sewajarnya.

PARTI DAN KERAJAAN

Satu persoalan yang kerap timbul di kalangan ahli-ahli ialah berhubung dengan kuasa parti ke atas kerajaan. Mereka tidak mahu parti hanya wujud untuk pilihanraya, sebaliknya parti yang memerintah dan kerajaan perlu berjalan serentak dalam ertikata kedua-duanya mempunyai tujuan dan cara pelaksanaan yang sama. Dalam keadaan sistem demokrasi yang diamalkan di Malaysia terdapat beberapa batasan kepada kejayaan konsep kerajaan berparti. Bagaimanapun beberapa langkah telah dibuat supaya kerajaan dan parti yang memerintah dapat bergerak selaras.

Langkah-langkah ini boleh dipertentukan oleh Majlis Tertinggi parti dan dilaksanakan oleh wakil-wakil parti yang dilantik untuk mewakili parti dalam kerajaan. Dalam perlembagaan UMNO terdapat satu bab baru mengenai perhubungan parti dengan kerajaan, di mana seseorang ahli parti dan bertanggungjawab atas kesempurnaan perhubungan parti dengan kerajaan. Dasar-dasar pokok yang tersebut hendaklah terlebih dahulu mendapat persetujuan majlis sendiri dan ahli-ahli parti yang mentadbirkan kerajaan.

PERGERAKAN PEMUDA DAN WANITA

Memberi kekuatan kepada UMNO ialah sayap-sayapnya iaitu Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Wanita di mana terkandung tenaga-tenaga muda dan hak-hak wanita dikemukakan. Pergerakan-pergerakan Pemuda dan Wanita ditubuhkan di semua peringkat parti untuk menggalakkan penyertaan Pemuda dan Wanita dalam semua bidang kehidupan.

Pergerakan-pergerakan ini tidak merupakan badan-badan yang berasingan daripada parti, kerana Majlis Tertinggi adalah berkuasa membuat peraturan-peraturan mengenai perjalanannya. Sebagai manapun, pergerakan-pergerakan ini mempunyai kebebasan dalam erti mereka boleh mengatur rancangan kerjanya yang sendiri di peringkat pusat, negeri, bahagian dan cawangan. Mereka mempunyai Persidangan Tahunan masing-masing, boleh menuhkan jawatankuasa-jawatankuasa, mempunyai alat-alat pentadbiran dan keahlian. Mereka telah menunjukkan pendirian masing-masing mengenai beberapa isu berhubung dengan parti dan negara amnya.

Namun demikian sebagai sayap kepada UMNO, sebarang langkah yang diambil oleh Pergerakan Pemuda dan Wanita adalah bertujuan menguat dan mengukuhkan UMNO semata-mata.

Kedua-dua Pergerakan Pemuda dan Wanita mengadakan pada setiap tahun satu Persidangan Agung untuk membincangkan kemajuan parti dan masalah-masalah yang dihadapi negara. Dari persidangan-persidangan ini terbit rumusan-rumusan yang kemudainnya dikemukakan kepada Perhimpunan Agung parti untuk mendapat kelulusan dan

tindakan. Ahli-ahli bagi jawatankuasa-jawatankuasa pusat pergerakan-pergerakan ini termasuk Ketua dan Naib Ketua, yang dipilih tiap 2 tahun sekali, sementara Penolong Setiausahanya adalah dilantik oleh Ketua.

Bagi menyelaraskan usaha-usaha pergerakan ini dengan usaha-usaha parti amnya, Setiausaha ini dengan usaha-usaha parti amnya, Setiausaha Agung juga memegang jawatan yang sama dalam Pergerakan Pemuda dan Wanita. Tetapi beliau umumnya tidak mengganggu aktiviti pergerakan-pergerakan ini, malah mendorongnya supaya bertambah cergas dan membina kekuatan parti. Bentuk susunan Pergerakan-pergerakan Pemuda dan Wanita di semua peringkat adalah sama dengan bentuk susunan UMNO.

PERLAKSANAAN DASAR-DASAR PENTING

Perpaduan Bangsa Melayu

Dengan penubuhan UMNO dapat dilihat buat pertama kalinya perpaduan orang-orang Melayu di seluruh Semenanjung yang dahulunya berpecah-pecah mengikut negeri-negeri. Tidak terdapat sentimen yang merangkumi seluruh negara. Tetapi dengan kesadaran kebangsaan, sentimen kenegerian telah dapat dikurangkan, dan hari ini dengan pentadbiran pusat yang menyentuh setiap pelosok negara dan UMNO sebuah parti yang tidak terbatas kepada satu-satu daerah atau negeri, perpaduan orang-orang Melayu lebih nyata.

Perpaduan bangsa amat dipentingkan kerana ini sahajalah dapat menentukan keselamatan di tengah-tengah masyarakat yang serba kompetitif. Berpecah sahaja mereka itu kepada golongan-golongan atau

puak-puak yang bertentangan antara satu sama lain, maka akan membuka jalan kepada pihak-pihak lain mengambil alih kuasa mereka. Dengan sebab itu kebanyakan orang-orang Melayu lebih cenderung untuk berada dalam satu parti politik yang besar bagi mewakili kepentingan mereka, dan parti itu ialah UMNO.

Hari ini melalui UMNO, orang-orang Melayu dapat menjadi teras pemerintahan di peringkat kerajaan pusat dan semua negeri-negeri, selain dari Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak yang ditadbirkan oleh parti-parti rakan Barisan Nasional. Dengan kekuatan ini UMNO dapat menggubal dasar-dasar yang memberi faedah kepada orang-orang Melayu dan lain-lain kaum. Tanpa perpaduan dan kuasa di dalam pemerintahan, banyak perkara-perkara yang dinikmati oleh mereka ini akan lenyap dibawah landasan politik yang tidak bertanggungjawab.

PERMUAFAKATAN ANTARA KAUM

Dalam keadaan negara mengandungi pelbagai kaum, dengan kepentingan, nilai dan kecenderungan yang berlainan satu tugas yang besar dan mempunyai akibat yang buruk jika gagal, ialah menyatupadukan kaum-kaum supaya dapat hidup aman damai dan berbaik sangka antara satu sama lain. Ini bukan satu perkara yang mudah untuk dicapai. Pelbagai cara dan pendekatan telah dicadangkan oleh pelbagai pihak khususnya parti-parti politik yang mempunyai kepercayaan masing-masing dalam mengatasi masalah ini.

Tetapi tidak ada satu di antara parti-parti ini selain dari UMNO/BN yang telah dapat meyakinkan orang ramai bahawa cara-cara itu dapat membawa perpa-

duan yang dikehendaki. Kebanyakan cadangan-cadangan yang dibuat atau langkah-langkah yang diambilnya menimbulkan ketegangan yang lebih. UMNO walau merupakan parti orang-orang Melayu telah berjaya memupuk persefahaman di kalangan kaum-kaum dengan pendekatannya yang sederhana dan sentiasa adil terhadap kedudukan setiap kaum.

Seperti yang dilihat asas perpaduan yang terpenting ialah perlembagaan negara yang memperuntukkan perkara-perkara tertentu untuk setiap kaum, selain dari jaminan demokrasi dan pembangunan untuk semua rakyat. Dasar-dasar yang digubal sama ada menyentuh politik, ekonomi, pelajaran, kebudayaan, agama dan lain-lain adalah bertujuan membawa perpaduan dan kemajuan kepada rakyat. Tidak ada usaha-usaha yang dibuat yang bertujuan untuk memusnahkan perhubungan kaum.

ASAS-ASAS DEMOKRASI

Dalam pentadbiran negara, asas-asas demokrasi telah diterima sebagai yang paling sesuai untuk digunakan tanpa dicurigai oleh mana-mana kaum atau golongan rakyat. Dalam cara pemerintahan, suatu yang lain daripada demokrasi dianggap tidak sesuai kerana boleh mencabul hak seseorang rakyat. Setiap orang itu diberi jaminan kebebasan bergerak dan menyatakan pendapat asalkan tidak bercanggah dengan kepentingan negara dan perpaduan rakyat yang berbilang kaum.

Tetapi adalah juga disedari demokrasi itu langsung tidak mempunyai makna kalau rakyatnya tidak bertanggungjawab membangkitkan perkara-perkara sensitif yang menyentuh sentimen kaum. Di samping itu disedari terdapat berbagai-bagai musuh ne-

gara yang cuba mengancam keselamatan rakyat dan dalam menghadapi mereka itu tidak mungkin dengan cara-cara yang lembut kerana mereka sendiri tidak menghormati demokrasi.

Dengan demikian corak demokrasi di Malaysia selain daripada menjamin hak-hak kebebasan tertentu kepada rakyat, adalah dialaskan dengan beberapa prinsip untuk kekuatannya. Justeru itu terdapat pengecualian ke atas kebebasan yang menyentuh perkara-perkara sensitif berhubung dengan hak-hak kaum-kaum. Akta Keselamatan Dalam Negeri yang bertujuan mencegah anasir-anasir anti-nasional dan lain-lain akta adalah bertujuan mahu memelihara keamanan dan keselamatan dalam negara.

Antara banyak negara-negara membangun boleh dikatakan Malaysia ialah antara yang benar-benar mengamalkan demokrasi dalam menjalankan pentadbiran negara. Pemerintahan berdasarkan parti yang dipilih oleh rakyat sendiri melalui pilihanraya, dan rakyat berhak untuk menukarkan sesuatu pemerintahan.

Sebagai bukti pegangan kepada demokrasi, selepas kekacauan 1969 dan pemerintahan Mageran, pucuk kepimpinan negara dengan rela hati membuat keputusan mengembalikan demokrasi kepada rakyat, iaitu setelah keamanan wujud semula.

KEMAJUAN ISLAM

Usaha mempertahankan, menegak dan mengembangkan Islam adalah satu perjuangan orang-orang Melayu dan merupakan perjuangan UMNO di samping semangat kebangsaan yang perlu untuk kemer-

dekaan dan perpaduan. Islam dan orang-orang Melayu tidak dapat dipisahkan. Perkembangan politik, ekonomi, pelajaran dan kebudayaan dalam masyarakat Melayu berkait rapat dengan Islam, selain daripada menerima unsur-unsur peradaban asing.

Sentimen orang-orang Melayu baik di mana-mana sahaja, tidak dapat mengenyepikan kedudukan Islam. UMNO sebelum kemerdekaan telah menjalankan berbagai-bagai usaha bagi mendudukkan Islam di atas tempatnya yang wajar. Melalui perundingan dengan kaum-kaum lain, ia telah berjaya membawa Islam ke taraf agama rasmi negara yang dimaktubkan dalam perlembagaan sehingga tidak dapat ditolak oleh sesiapa lagi. Ini adalah satu kejayaan besar bagi UMNO dan orang-orang Melayu memandangkan di negara ini terdapat hanya separuh sahaja daripada penduduknya beragama Islam.

Dengan taraf rasmi yang diberikan kepada Islam itu, usaha-usaha untuk kemajuan Islam dapat dirancarkan melalui bantuan kewangan kerajaan tanpa menimbulkan persoalan. Tempat-tempat ibadat diadakan dengan banyaknya sebagai melambangkan keagungan Islam di Malaysia. Upacara-upacara bagi meninggikan taraf Islam seperti pertandingan al-Quran diadakan di peringkat negeri dan antarabangsa, dan Maulud Nabi dirayakan dengan besar-besaran.

Sekarang ini kerajaan telah menubuhkan Universiti Islam Antarabangsa, Bank Islam dan Syarikat Takaful. Manakala penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran dan projek-projek pembangunan negara tidak dapat tiada akan meninggalkan kesannya ke atas cara pentadbiran dan kehidupan masyarakat.

PEMBANGUNAN EKONOMI

Sejak dari awal lagi kepimpinan negara adalah komited kepada dasar pembangunan untuk memberi taraf hidup yang lebih baik kepada rakyat. Kemerdekaan politik dipercayai tidak memberi makna kalau rakyat hidup melarat seperti zaman penjajahan. Dari kesedaran pemimpin-pemimpin UMNO, beberapa dasar telah dilahirkan bagi membangunkan ekonomi rakyat dengan sepesat-pesatnya.

Sasaran yang utama selepas kemerdekaan ialah penduduk luar bandar yang miskin. Pelbagai infrastruktur telah dibina untuk kawasan luar bandar seperti jalan-jalan raya, klinik, rumah-rumah ibadat, kemudahan-kemudahan seperti air dan elektrik bagi mendekatkan mereka dengan proses pembangunan. Antara rancangan yang paling berkesan mengubah cara hidup rakyat luar bandar ialah penempatan peserta-peserta dalam rancangan Felda, Felcra, sistem pengairan untuk sawah-sawah padi, bantuan kepada petani dan nelayan serta perusahaan-perusahaan kecil.

Untuk tujuan perusahaan dan perniagaan berbagai-bagai kemudahan telah diadakan seperti menyediakan tapak-tapak kilang, kemudahan-kemudahan kewangan, sistem pengangkutan yang luas dan insentif-insentif bagi membolehkan pelaburan dalam perusahaan-perusahaan. Berbagai-bagai badan ditubuhkan bagi melicinkan dan menyelaraskan perkembangan perusahaan dan perniagaan seperti MIDF, MIDA, MARA, PERNAS, PETRONAS, PKEN-PKEN, UDA, CIC, FIC dan lain-lain. Akhir-akhir ini penubuhan HICOM dan dasar penswastaan adalah bertujuan memesatkan lagi perkembangan ekonomi negara ini melibatkan penguasaan teknik-teknik dan

teknologi yang terbaru yang akan menggolongkan Malaysia dalam kalangan negara-negara industri.

Akibat dari dasar-dasar ini telah berlaku kemajuan yang pesat yang memberi pekerjaan dan faedah kepada rakyat. Peluang-peluang yang banyak telah dapat dicetuskan, membolehkan orang ramai menyertai dalam pelbagai bidang pembangunan berdasarkan semangat 'free enterprise'. Hasil-hasil negara telah berlipat kali ganda.

Dalam pada itu disedari bahawa halangan yang besar kepada kemajuan orang-orang Melayu ialah terdapatnya nilai-nilai yang bertentangan dengan kemajuan penyediaan peluang ekonomi dan pelbagai infrastruktur hanya pendorong ke arah pencapaian, tetapi tidak memastikan keadaan ini, bermula dengan projek 'Daya Diri' pada tahun-tahun 1960-an, Revolusi Mental pada tahun 1970-an dan sekarang ini etika kerja yang berlandaskan Dasar Pandang Ke Timur. Yang akhir ini mendedahkan cara-cara bekerja dan pengurusan ekonomi moden bagi menambahkan produktiviti rakyat.



KEDAULATAN PERLEMBAGAAN

Di sebuah negara seperti Malaysia dengan berbagai kaum dari berbagai keturunan serta agama yang berlainan, hak-hak asasi seperti kebebasan beragama, kebebasan bersuara, berpersatuan serta untuk berhimpun mestilah dipatuhi. Hanya dengan cara ini sahaja rakyat dapat hidup rukun damai. Perubahan-perubahan yang akan dibuat terhadap perlembagaan kita mestilah dianggap sebagai suatu yang sangat perlu dan bukan hanya untuk membuat perubahan sahaja. Tanggungjawab kita ialah untuk memelihara perlembagaan Malaysia yang telah pun membuktikan keunggulannya di waktu-waktu yang sulit. - Tunku Abdul Rahman.



KEMAJUAN BANGSA

Kemajuan sesuatu bangsa itu bukanlah dalam tangan kerajaan, bahkan bukan dalam tangan Menteri, tetapi ialah dalam tangan, dalam nadi dan titik peluh tiap-tiap orang rakyat negeri ini. Oleh itu kalau kita semua ada mempunyai keazaman, semangat dan jiwa ingin kepada kemajuan, semangat dan jiwa berani dan bersedia bekerja, berkorban dan bertenaga dengan berkat Tuhan kemajuan-kemajuan akan tercapai. Inilah pesan dan harapan saya kepada tuan-tuan dan puan-puan kepada kongres ini dan kepada Bumiputera seluruhnya. - Allahyarham Tun Abdul Razak.



EMOSI PEMIMPIN

Dalam bidang politik, mereka yang terlibat terutama pemimpin-pemimpin haruslah sentiasa menginsafi hakikat dan kenyataan sejarah dan keadaan sosio-ekonomi dan politik serta kedudukan kita di dalam masyarakat dan suasana antarabangsa. Mereka harus menjalankan tanggungjawab supaya asas-asas perpaduan, keselamatan dan pembangunan tidak terjejas. Mereka tidak harus menggunakan agama dan emosi rakyat bagi tujuan politik yang boleh menjejaskan kestabilan negara: - Tun Hussein Onn.



UNDANG-UNDANG DAN SUSILA NEGARA

Malaysia yang kita idami ialah Malaysia yang aman, yang makmur, yang bebas dari segala ancaman. Kita boleh mencapai keamanan melalui politik yang adil dan bertimbang rasa. Ini tidak bermakna sesiapa yang sengaja cuba mencabul keamanan dan ketenteraman negara akan kita layan dan dibenarkan bermaharajalela. Tetapi bagi orang yang menghormati undang-undang dan tatasusila negara, serta dasar asasnya, walau apa bangsa dan agama, mereka tidak akan ditindas atau dianiaya. – Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

LATARBELAKANG PIMPINAN PEMUDA

Ogos 1949	(Tertubuh dengan nama Perikatan Pemuda UMNO) Slogan: "Pemuda yang agresif & Hidup Melayu"	- Kapten Hussein Onn
Ogos 1950	Slogan: "MERDEKA"	- Abdul Razak Husein
Ogos 1951	(Perikatan Pemuda ditukar kepada Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia) Slogan: "Pemuda di Barisan Hadapan"	- Sardon Jubir
1964	Slogan: "Pemuda Tahan Lasak"	- Datuk Senu Abdul Rahman
1971	Slogan: "Pressure group"	- Datuk Harun Idris
1974	Slogan: "Gingger Group"	- Tan Sri Syed Jaafar Albar
1978	Slogan: "Era Bertindak"	- Datuk Hj. Shuhaimi Kamaruddin
1982	Slogan: "Kearah Penerapan Nilai Islam"	- Saudara Anwar Ibrahim

1987

Jawatan Ketua Kosong dan ianya
Slogan: "Pertahan Ketuanan Melayu"

dipangku
oleh
Datuk
Najib
Tun Razak

AZLAN GHANIE

Watan 13 - 16 Oktober 1987